

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 10 Mei 2016 (Selasa)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Dato' Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34.	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Aceh
35.	YB. Datuk Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 10.00 pagi.

1. DOA
2. PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan 10 Mei 2016 sebagai hari permulaan Mesyuarat Yang Pertama Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas melalui perisytiharan bertarikh 18 Mac 2016 yang diwartakan pada 31 Mac 2016.

3. UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG.

Segala puji dan syukur kepada Allah *Subhanahu Wata'ala*, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W. serta keluarga dan sahabat baginda.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya jua sekali lagi dapat saya dan Toh Puan hadir untuk merasmikan Majlis Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas.

Adalah menjadi harapan saya bahawa Dewan yang mulia ini akan menjadi medan terbaik untuk menyelesaikan pelbagai isu khususnya yang melibatkan kepentingan rakyat. Justeru, dengan amanah yang diberikan, keutamaan semua wakil rakyat adalah untuk hadir ke Dewan ini untuk berbahas dan membawa suara akar umbi merentasi kepentingan agama, kaum, politik dan sosial.

Selain itu, setiap perkara yang hendak dibahaskan perlulah dikaji dan dibahaskan dengan teliti dan hendaklah disampaikan secara intelektual dan bukan secara emosi serta tanpa etika. Di samping itu, bersempena dengan penggal baru ini, saya berharap kita semua dapat bekerjasama dengan kepimpinan negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng demi kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang.

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI.

Saya berbangga dengan pencapaian yang memberangsangkan sebagaimana yang dimaklumkan semasa *exit conference* Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan Laporan Ketua Audit Negara. Saya juga difahamkan bahawa Negeri Pulau Pinang sekali lagi mendahului negeri-negeri lain untuk menjadi negeri pertama dalam mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2015. Kejayaan ini menjadikan Negeri Pulau Pinang mengekalkan pencapaian menjadi negeri pertama untuk mengemukakan penyata kewangan selama lapan tahun berturut-turut.

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2015 juga telah mencatat satu peningkatan dan lebihan hasil. Prestasi lebihan belanjawan diteruskan setiap tahun sejak tahun 2008. Ini membuktikan bahawa amalan pengurusan berasaskan Cekap, Akauntabiliti dan Telus yakni CAT bukan sahaja dapat memastikan perbelanjaan berhemah dan bersih, malahan berupaya meneruskan pembentukan bantuan-bantuan sosial dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Keadaan kewangan yang kukuh ini membolehkan Kerajaan Negeri memberikan pengecualian cukai pintu bagi tahun 2016 kepada semua penghuni rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah kampung di mana cukai yang dipungut oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan menanggung kos sebanyak RM12.5 juta. Tambahan pula, Kerajaan Negeri juga mengarahkan MBPP dan MPSP untuk membayar Cukai Barang dan Perkhidmatan yakni GST bagi pihak rakyat yang menggunakan perkhidmatan mereka. Ini menelan perbelanjaan sebanyak RM20 juta lagi.

Saya juga difahamkan bahawa Negeri Pulau Pinang juga telah berupaya mengelak daripada meminjam daripada Kerajaan Persekutuan. Nilai hutang berjumlah RM69.47 juta pada akhir tahun kewangan 2015 adalah yang paling rendah berbanding dengan negeri-negeri yang berhutang sebanyak RM16.8 bilion secara keseluruhan kepada Kerajaan Persekutuan. Semua pencapaian ini jelas menunjukkan arah tuju Pentadbiran Negeri Pulau Pinang berada pada landasan yang betul dan ia merupakan formula kejayaan negeri ini.

PERKEMBANGAN SEMASA EKONOMI NEGERI.

Ekonomi negeri bagi tahun 2015 menunjukkan prestasi yang membanggakan di mana Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pelaburan berjumlah RM6.7 billion melalui 107 buah projek yang telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM4.5 billion adalah pelaburan asing dan RM2.2 billion pula adalah pelaburan tempatan. Dalam masa yang sama, sebanyak 18,725 peluang pekerjaan telah diwujudkan pada tahun 2015 berbanding 17,896 pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 5%.

Oleh yang demikian, saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri dan seluruh Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri terus bekerja keras dan meningkatkan kepekaan serta kelancaran pengurusan demi kemajuan negeri dan seterusnya kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

PERKEMBANGAN SEKTOR PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN.

Saya berbangga dengan usaha Kerajaan Negeri mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan terpilih selepas melihat kejayaannya menjadi tuan rumah acara berprestij SEMICON Asia Tenggara yang diadakan di Pulau Pinang pada tahun 2015 dan 2016. Inilah pertama kalinya program ini dibuat di luar Singapura dan diharapkan boleh menjadi acara tahunan di Pulau Pinang dan tahniah saya ucapan.

Selain itu, saya juga maklum bahawa sejumlah RM9.72 juta telah disalurkan melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) sejak tahun 2009, bagi membantu peniaga-peniaga kecil menambah modal untuk mengembangkan perniagaan mereka. Sehingga kini, sejumlah 2,227 penjaja dan peniaga kecil telah menikmati kemudahan pinjaman melalui projek ini.

Salah satu teras pembangunan ekonomi adalah menaiktarafkan infrastruktur. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM23,270,720.00 kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015.

Penambahbaikan infrastruktur termasuk jalan raya dan jambatan di Pulau Pinang termasuk di Seberang Perai akan memudahkan perjalanan trafik harian mereka. Terkini Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskan pengambilan balik tanah bagi tujuan pelebaran Jalan Alma ke Bukit Minyak di Bukit Mertajam dengan kos pengambilan RM15 juta. Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan di bawah *rolling plan* pertama pada tahun 2016 di Rancangan Malaysia Ke 11 untuk pelebaran Jalan Persekutuan bermula dari Jambatan Tunku Abdul Rahman di Butterworth hingga ke Jambatan Merdeka, Kepala Batas, Seberang Perai Utara yang dianggarkan RM344 juta. Pada ketika ini urusan yang berkaitan dengan pengambilan balik tanah sedang diuruskan dengan sewajarnya.

Sebagaimana yang dijanjikan, Kerajaan Negeri akan berusaha menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas di negeri ini. Strategi penyelesaian adalah sebagaimana yang terkandung di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) yang merangkumi bas, teksi, kereta kabel, LRT/monorel, feri dan teksi air memerlukan infrastruktur jalan raya dan keretapi yang menelan perbelanjaan sebanyak RM27 bilion. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri menerusi tender terbuka telah melantik SRS Consortium sebagai *Project Delivery Partner* (PDP) bagi memberi fokus kepada pelaksanaan fasa pertama yang dijangka memakan masa hampir 10 tahun. Kerja-kerja pelaksanaan pula akan dimulakan pada tahun 2017 setelah mendapat kelulusan dari pihak Kerajaan Persekutuan.

SEKTOR PELANCONGAN DAN WARISAN NEGERI.

Tahun 2016 merupakan kesinambungan Tahun Melawat Pulau Pinang. Kita berbangga apabila permulaan tahun 2016, Pulau Pinang telah disenaraikan dalam pelbagai penerbitan dan artikel antarabangsa sebagai di antara destinasi pelancongan dan makanan yang terunggul di dunia oleh *Los Angeles Times*, *Huffington Post*, *Forbes*, *Lonely Planet* dan *TripAdvisor*. Jumlah penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) juga telah mencecah 6.5 juta orang pada tahun ini iaitu lebih awal daripada jadual yang dijangkakan.

Saya juga difahamkan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia (PPAG, USM) telah menemui satu tapak peninggalan pra-sejarah Zaman Neolitik yang berusia hampir 5,000 tahun di Guar Kepah, Seberang Perai Utara. Sebuah Galeri Arkeologi Guar Kepah akan dibina oleh Kerajaan Negeri yang boleh memaparkan wujudnya penempatan manusia dengan cara hidup adaptasi marin semasa zaman batu di Pulau Pinang.

Pembinaan Galeri ini yang dibuat secara kerjasama dengan PPAG, USM ini dijangka akan siap pada penghujung tahun 2016 dan dibuka kepada orang ramai awal tahun 2017.

INDUSTRI PERTANIAN DAN ASAS TANI.

Industri pertanian dan asas tani negeri dilihat telah mencapai *milestone* baru dalam mempromosikan produk berasaskan pertanian Pulau Pinang ke luar negeri. Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah dianugerahkan dengan Anugerah Jualan Terbanyak bagi Hari Peladang, Penterak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2015 dengan jualan melebihi RM100,000.00. Promosi dan pemasaran ke luar negeri harus dipergiatkan.

Selain itu, langkah Kerajaan Negeri dengan mewujudkan Tabung Usahawan Tani Muda iaitu skim mikro kredit tanpa faedah pada tahun 2014 untuk membantu usahawan pertanian sebanyak RM5,000.00 seorang bagi mengembangkan bidang yang diceburi dilihat semakin mendapat tempat di kalangan rakyat.

Program Bantuan Pukat kepada nelayan pesisir yang telah dilancarkan sejak tahun 2013 diteruskan di mana secara purata setiap daripada 3,121 orang nelayan menerima sumbangan pukat bernilai RM360.00 seorang pada tahun 2015 dengan melibatkan kos sebanyak RM1.1 juta.

PENGURUSAN SUMBER AIR.

Perubahan cuaca membawa kesan besar. Contohnya, fenomena 'Super El Nino' dijangkakan akan berpanjangan sehingga bulan Jun 2016. Sekiranya fenomena ini berterusan, iaanya akan menyebabkan pengurangan taburan hujan di Pulau Pinang pada tahun ini. Pada bulan April 2016, kelebatan hujan adalah hanya 30% daripada purata tahunan hujan untuk bulan April. Keadaan ini memaksa Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) mengambil langkah yang agresif dan proaktif supaya simpanan air mentah di semua empangan mencukupi dan memastikan bekalan air bersih bagi kegunaan rumah dan industri tidak tergendala.

Kerajaan Negeri harus dipuji kerana bertindak tegas dan pro-aktif dengan dasar "Tak Nak Catuan Air" kerana catuan air akan menyebabkan kerugian besar dan kesusahan kepada rakyat, peniaga dan juga pelabur. Sehubungan dengan fenomena El Nino ini, rakyat juga perlu bersama-sama memainkan peranan dalam usaha penjimatan air termasuk mengelakkan pembaziran air serta sentiasa mengamalkan langkah-langkah penjimatan air.

PERKEMBANGAN SEKTOR KESIHATAN.

Dalam usaha untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang sihat, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program *Penang Heart Safe* dan menjadi negeri pertama di Malaysia memperkenalkan alat *Automated External Defibrillator* (AED) di tempat awam. Adalah diharapkan pemasangan AED ini dapat menyelamatkan nyawa kerana penyakit jantung merupakan penyakit dan pembunuhan yang utama di Malaysia.

Kes demam denggi terus mencatatkan peningkatan yang membimbangkan. Pulau Pinang berada di ranking keempat seluruh Malaysia dengan mencatatkan sepuluh (10) kematian sehingga kini. Bagi membendung kes ini saya difahamkan, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Program *Mosquito Autocidal Trap* atau MyMAT bermula Mei 2016. Tiga lokaliti telah dikenalpasti sebagai perintis iaitu di Lokaliti Tuna, Seberang Jaya, Taman Seri Delima, Daerah Barat Daya, dan Taman Seri Damai, Daerah Timur Laut. Sekiranya program enam bulan ini berjaya mengurangkan populasi nyamuk dan kes denggi di kawasan berkenaan, lebih banyak MyMAT lagi akan dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang. Namun, MyMAT perlukan penyelenggaraan setiap dua minggu. Ini bermakna kebergantungan kepada tanggungjawab komuniti masih tinggi bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Selain itu, bagi menyokong usaha berterusan Jabatan Kesihatan Negeri dalam memerangi wabak denggi, Kerajaan Negeri akan menyumbangkan sepuluh (10) unit mesin semburan kabus.

MENINGKATKAN PEMILIKAN RUMAH.

Dasar Satu Keluarga Satu Rumah oleh Kerajaan Negeri dilaksanakan melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan pihak swasta dengan tumpuan diberikan kepada pembinaan rumah mampu milik dan rumah awam. Sejak tahun 2008, sebanyak 8,092 unit rumah kos rendah dan 8,107 unit kos sederhana rendah dibina. Rumah mampu milik yang kurang daripada RM400,000 juga akan diperbanyak. Kerajaan Negeri harus dipuji kerana mengurangkan harga maksima rumah mampu milik daripada RM400,000 kepada RM300,000.

Dalam sektor pendidikan, atas usaha Kerajaan Negeri, fasa satu pembinaan kampus baru Kolej Universiti KDU Pulau Pinang (KDUPP) di Batu Kawan yang bernilai RM220 juta oleh pihak swasta dijangka siap pada tahun 2019. Dengan siapnya kampus ini kelak, ia mampu menyediakan lebih banyak tempat dan peluang kepada anak tempatan dan luar Pulau Pinang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi.

MENINGKATKAN PROGRAM KEBAJIKAN.

Menangani kemiskinan adalah kewajipan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan khidmat sosial dan kebajikan kepada rakyat dalam kalangan mereka yang kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah akan terus diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. *Alhamdulillah*, usaha membasmi kemiskinan yang dirintis oleh Kerajaan Negeri ini haruslah dipuji dengan bantuan kepada golongan miskin tegar melalui program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

Dalam membantu golongan ini, Kerajaan Negeri telah meningkatkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) daripada RM600 sebulan kepada RM770 sebulan pada tahun 2013 dan seterusnya RM790 pada tahun 2014 agar status kemiskinan sifar dapat dikekalkan. Ini bermakna mana-mana keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan kurang dari RM790, AES akan menambah nilai perbezaan setiap bulan sehingga genap RM790 sebulan. Sejak program ini dilaksanakan pada tahun 2009, dan sehingga Mac 2016, seramai 1,244 orang telah mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri yang melibatkan keseluruhan pembayaran RM18,907,089 sahaja. Semua ADUN diminta memberikan maklumat keluarga-keluarga miskin yang perlu menerima bantuan kepada Kerajaan Negeri.

Bermula dengan Program Penghargaan Warga Emas dan sumbangan kepada waris warga emas meninggal dunia pada tahun 2009, keprihatinan Kerajaan Negeri dikembangkan lagi melalui Program Bantuan Ibu Tunggal pada tahun 2011, Program Bantuan OKU (2011), Program Anak Emas (2011), Program Skim Pelajar Emas (2012) dan Program Ibu Emas (2014). Semua program ini akan diteruskan dengan menstrukturkan data dalam sistem i-Sejahtera.

PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN.

Pelbagai program pembangunan belia telah dan akan dilaksanakan di negeri ini untuk melahirkan generasi belia yang mampan dan berdaya saing yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan. Program pendidikan sains seperti Kluster Sains Pulau Pinang yakni *Penang Science Cluster (PSC)* akan mengajar bidang robotik dan program Pengajaran & Pembelajaran *ESTEEM (Engaging Student for Science, Technology, Engineering, English and Mathematics)*. Di samping itu, *Tech Dome Penang (TDP)* bernilai RM28 juta dijangka siap pada bulan Julai 2016 untuk memperkenalkan pelajar-pelajar sekolah menengah mendalamai dan menghayati sains dan teknologi.

HAL EHWAL AGAMA ISLAM.

Bumi yang kita berpijak ini didiami oleh warga pelbagai kaum, pelbagai agama, pelbagai budaya dan pelbagai bahasa. Kepelbagaiannya bahasa, bangsa, budaya dan warna kulit bukan untuk dijadikan asas perbezaan dan persengketaan tetapi untuk kita lebih mengenali antara satu sama lain sejarah dengan saranan agama seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

"Hai manusia, sesungguhnya kami mencipta kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa.-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mengenali."

Suluhan mata hati dengan sinar cahaya daripada nur terkandung dalam kalam-kalam Allah, yang terhimpun dalam Al-Quran, dalam suasana umat Islam yang kelihatan semakin tersasar arah kembalilah merujuk kepada kompas haluan yang tersusun dalam Sunnah Rasul. Berpeganglah kepada ajaran dan amalan Ahlus Sunnah Wal Jamaah dengan menghayati prinsip keadilan, ihsan, kesederhanaan dan toleransi.

Institusi masjid sebagai pusat ibadah dan pembangunan ummah terus dipertingkatkan sejajar dengan arus perkembangan masa kini. Dalam hal ini, saya dimaklumkan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah sumber kewangan untuk mempertingkatkan pembangunan infrastruktur dan kemudahan prasarana masjid. Dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas Kerajaan Negeri telah membina 10 buah masjid baru atau mengganti masjid yang lama, uzur. Dan pada tahun ini saya dimaklumkan Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan merancang untuk membina beberapa buah masjid baru iaitu Masjid Bandar Baru Seri Pinang, Masjid Kubang Ulu, Masjid Karwa, Masjid Kampung Rawa, Masjid Penaga yang akan dimulakan pembinaannya pada tahun ini atau awal tahun 2017 dan pada tahun 2016 ini juga Masjid Batu Maung bernilai RM2.9 juta yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri akan siap pada bulan ini, Insya-Allah. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebidang tanah di Jalan Scotland bernilai RM50 juta untuk membina ibu pejabat Mahkamah Tinggi Syariah di Pulau Pinang.

Penganjuran konvensyen Al Islam Rahmatun Lil A'lamin, (Islam rahmat untuk sekalian alam) baru-baru ini dilihat telah mendapat sambutan yang positif. Program ini dilihat mampu menjelaskan bahawa Islam sebagai satu agama kedamaian dan keamanan. Islam bukan hanya menjamin keselamatan dan keamanan kepada penganutnya sahaja, tetapi kepada sekalian manusia, haiwan dan juga alam persekitaran selaras dengan penegasan Allah SWT dalam Al-Quran.

"Dan tidak diutuskan kamu wahai Muhammad SAW melainkan untuk membawa rahmat kepada sekalian alam."

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM.

Penjawat awam mesti kembali merenung semula peranan besar mereka dalam menggerakkan pembangunan negeri. Masyarakat awam mestilah merasai perkhidmatan awam sebagai pemudah cara dalam penyelesaian urusan mereka.

Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kerana telah berjaya mengekalkan pencapaian 5 Bintang dalam penilaian penarafan bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi tahun 2015 hingga tahun 2016 dan menjadi Johan peringkat kebangsaan dalam pertandingan 24 jam membangunkan aplikasi mudah alih kerajaan. Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang kerana memenangi 'Award of Best Website' untuk Taman Bandaraya sempena *Tourism Promotion Organization for Asia Pacific Cities The 7th General Assembly New Leap of TPO 2015* di Sanya, Hainan, China. Ucapan tahniah juga ditujukan kepada Malis Perbandaran Seberang Perai kerana mendapat tempat kedua Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) Peringkat Kebangsaan dan juga bagi Pihak Berkusa Tempatan dan tempat kedua bagi Kategori Pengkomposan Sisa Pelaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau sempena sambutan Hari Perancang Sedunia pada tahun 2015.

MEMPERKASAKAN WANITA.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Ibu kepada semua ibu di negeri ini. Kerajaan Negeri amat mengambil berat akan peranan wanita dalam urus tadbir Kerajaan Negeri. Selaras dengan itu, kewujudan Penang Women Development Corporation (PWDC) dan bantuan sebanyak 1.5 juta diharapkan dapat memperkasakan peranan wanita di negeri ini.

Sebagai penutup, saya sedar dalam politik tidak mungkin wujud persetujuan secara mutlak yakni 100% dan telah diakui bahawa sistem semak dan imbang itu perlu dan bagi memastikan semua kepentingan diteliti. Jalankanlah sistem yang ada atas landasan yang amanah dan ketepikan isu peribadi daripada perseteruan politik. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, jagalah tingkah laku dan tata bicara sama ada di dalam Dewan Yang Mulia ini mahupun di luar dewan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat adalah pemimpin rakyat yang akan menjadi contoh dan ikutan.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan semua pihak termasuklah penjawat awam negeri dan persekutuan, angkatan tentera dan anggota polis, ahli bomba dan semua pihak yang telah bertungkus lumus menyumbang tenaga sebelum ini memberi khidmat terbaik dan adil kepada semua. Saya juga mengucapkan selamat maju jaya kepada semua khususnya kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Tuan Lim Guan Eng yang menerajui Negeri Pulau Pinang dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi memastikan negeri ini terus maju dan bertaraf antarabangsa pada tahun-tahun yang akan datang yang pastinya lebih mencabar.

Sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, saya menasihatkan kepada semua agar dapat terus bertugas dengan lebih tekun, gigih dan mempertahankan negeri yang tercinta ini setiap masa. Saya mendoakan semangat ini akan menjadi semakin kental agar negeri dan rakyat terus maju aman dan makmur sebagai sebuah negeri yang gemilang.

Akhir kata, dengan lafadz *Bismillahir Rahmaniir Rahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas Tahun 2016.

Selamat Bersidang di Dewan yang mulia Ini. Sekian, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

4. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan, akan meninggalkan Dewan ini sebentar lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat dijemput untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan Yang Terutama Tun. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada hari Jumaat, 13 Mei 2016 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguh pada jam 11.45 pagi.

MINIT PERSIDANGAN

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 13 MEI 2016 (JUMAAT)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I / Pantai Jerejak
4	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II /Perai
5	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13	YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
17	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27	YB. Soon Lip Chee	Jawi

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
28	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
29	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
30	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
32	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
33	YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
34	YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
35	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
36	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
37	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
38	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
39	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman	Penasihat Undang-Undang Negeri
3	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri
 Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

2. PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri memaklumkan pada sesi Dewan kali ini akan menimbangkan 73 Soalan Lisan, 662 Soalan Bertulis dan 7 Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

3. PEMBENTANGAN RISALAH

Bilangan 1 Tahun 2016

- Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan /Agenzi Negeri Pulau Pinang
- Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 : Aktiviti Jabatan / Aktiviti Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Siri 3)

Bilangan 2 Tahun 2016

- Kertas Statut 1 Tahun 2016
- Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980

4. SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang memerintah Pulau Pinang sebelum 2008 benar-benar berhasrat untuk membina rumah PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin) di atas tanah lapang di Taman Manggis.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah peratusan kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang dari Januari hingga Mac 2016. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pengangguran negeri?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila huraikan dengan jelas proses Request for Proposal (RFP) oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) terhadap pembangunan *sore thumb* di Tingkat Laut, Tanjung Bungah? Adakah pandangan penduduk sekitar diminta dalam cadangan pembangunan *sore thumb* tersebut? Adakah PDC berniat mengekalkan *sore thumb* sebagai *public coastal park* atau dibangunkan oleh pemaju swasta?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pada masa kini adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah mencapai polisi dan slogan negeri "CAT" dan "Cleaner, Greener, Safer & Healthier".

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Merujuk Minit Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 28 September 2005 tentang satu cadangan untuk pemajuan bercampur termasuk kuiters kerajaan dibina di atas tanah Taman Manggis Fasa ke-2. Adakah satu kertas kerja untuk pemajuan tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat EXCO selepas itu (sila beri tarikh) dan adakah kertas kerja itu diluluskan?

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sila berikan statistik kehadiran pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dari Kerajaan Persekutuan yang menghadiri mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Hal Ehwal Pengguna sejak tahun 2013.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. SR. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kawasan tambakan laut di bahagian selatan Pulau Pinang. Nyatakan:
 - (a) Anggaran keluasan dan kos tambakan laut.
 - (b) Komposisi pembangunan, kos pembangunan serta nilai jualan harta tanah.
 - (c) Mengapa kawasan ini dipilih dan kesan terhadap alam sekitar. Sudahkah laporan EIA dilaksana/disiapkan?

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Huraikan dengan akta-akta sediada, apakah strategi dan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengelakkan didakwa bankrupsyi disebabkan perjanjian yang tidak adil antara kerajaan dengan mana-mana pihak yang berkaitan agar mempertukuhkan status kewangan dan mempertahankan keyakinan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bilakah tender baru akan dikeluarkan untuk menjemput sektor swasta untuk cadangan pembangunan perumahan di Ujung Batu, Butterworth.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila nyatakan bilangan kuari yang berlesen dan tidak berlesen di setiap daerah di Negeri Pulau Pinang sehingga Mac 2016.
 - (a) Apakah tindakan yang diambil ke atas kuari yang tidak berlesen tetapi masih beroperasi?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Dalam Pelan Induk Pengangkutan, anggaran keperluan penumpang LRT untuk laluan dari KOMTAR ke lapangan terbang mencapai 14,700 penumpang/sehala/jam pada 2055.
 - (a) Bagaimana ia diterjemahkan ke penumpang tahunan berlandaskan keperluan waktu kemuncak pada 2022?
 - (b) Bilangan penumpang yang diperlukan untuk pastikan kewangan berdaya maju?
 - (c) Bagaimana memastikan kemampuan kewangan laluan tersebut?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pemeliharan anjing di Jalan Datuk Haji Ahmad Badawi, Kepala Batas:
 - (a) Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mendapat aduan berkenaan pemeliharaan anjing ini? Apa tindakan yang dikuatkuaskan?
 - (b) Jika ada pemantauan, bila dan berapakah jumlah pemantauan di tapak berkenaan?
 - (c) Adakah MPSP membenarkan pemeliharaan ini? Sila kemukakan surat kebenaran.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd. Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Adakah benar Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang pernah melabelkan Dr Zakir Naik, Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2013, sebagai syaitan dalam facebooknya dengan tajuk "*let us get 'satan' Zakir Naik out of this country*". Jika benar, adakah ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang anti-Islam dan anti-muslim?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayaban A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Tragedi kebakaran yang berpuncu daripada letupan gas di Halaman Kenanga dan Solok Pantai Jerejak menyebabkan kecederaan dan kehilangan harta benda. Apakah statistik kejadian ini di Pulau Pinang pada tahun 2015/2016? Adakah sebarang kehilangan nyawa dan berapa kerugian yang ditaksirkan? Adakah program bersepdua yang melibatkan JMB, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan Awam diadakan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Masalah kesihatan iaitu obesiti yang dialami oleh ramai penduduk Negeri Pulau Pinang kian meruncing, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui EXCO Kesihatan bagi memberi kesedaran tentang bahayanya penyakit tersebut.
(b) Bagi mewujudkan masyarakat cergas dan sihat khususnya penduduk Negeri Pulau Pinang, apakah Kerajaan Negeri melalui EXCO Kesihatan merancang untuk mewujudkan Trek Seribu Langkah di setiap KADUN dalam negeri Pulau Pinang? Jika ada nyatakan di mana dan jika tiada bilakah rancangan ini akan dilaksanakan?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pulau Pinang adalah merupakan negeri yang mempunyai hutang dengan Kerajaan Persekutuan (KP) paling rendah iaitu RM69.36 juta.
 - (a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memaklum Dewan ini apakah formula pembayaran hutang bagi setiap tahun yang telah dibuat pembayaran oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan memandangkan Y.A.B. Ketua Menteri telah menjadi Ketua Menteri selama 8 tahun.
 - (b) Sejak Y.A.B. Ketua Menteri mengambil alih Kerajaan Negeri, berapakah jumlah baki hutang kepada KP pada bulan Mac 2008.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Berapakah kadar pengangguran belia di Negeri Pulau Pinang?
- (b) Apakah faktor yang menyebabkan turun naik peluang pekerjaan di Negeri Pulau Pinang?
- (c) Apakah tindakan yang di ambil untuk mengurangkan kadar pengangguran?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abdul Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam menghadapi kesan El-Nino terutamanya air bersih yang difahamkan hanya bertahan selama dua (2) bulan.
 - (a) Kesan terhadap harga barang terutama harga sayur dan ikan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Masalah projek terowong dasar laut masih belum selesai, kini timbul pula projek baru, iaitu Projek Pembinaan Pulau Jadian di Selatan Pulau Pinang. Kedua-dua projek adalah untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas. Antara kedua-dua projek ini, yang mana satukah yang paling diberi perhatian untuk dimajukan terbih dahulu? Dan kenapakah ianya menjadi keutamaan?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh TP 1Malaysia dan Happy! pada tahun 2016. Sila senaraikan butiran secara terperinci.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Mengapakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memilih Lot 14750, MK 13, Juru, Seberang Perai Tengah yang terletak dalam zon perumahan untuk tujuan pembangunan asrama pekerja warga asing?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membina beberapa laluan LRT, Tram dan Monorel dengan kerjasama Konsortium SRS. Sila jelaskan sistem *feeder* yang akan membawa penduduk-penduduk kepada stesen-stesen LRT dan Monorel yang dirancang.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Atas permintaan saya dalam sidang DUN yang lalu, EXCO Agama telah meluluskan peruntukan membaiki surau Jalan Baru Sungai Acheh dan surau Dato' Keramat, Nibong Tebal.
 - (a) Bagaimanakah kedudukannya?
 - (b) Sudahkan ianya dilaksanakan?
 - (c) Kalau belum dilaksanakan, bilakah ianya akan dilaksanakan?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memindah pasar malam setiap hari Sabtu di pekan Kepala Batas ke tempat yang lebih sesuai memandangkan kesesakan lalu lintas dan tempat parking kereta. Jika ada, bila? Sila jelaskan dengan terperinci.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Dalam surat 13 November 2013, Pengarah Syarikat Magnificent Emblen, Phang Lee Koon mencadangkan *Workers Villages* atas dua (2) tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC):
 - (a) Apakah keputusan EXCO dan Y.A.B. Ketua Menteri dalam kes ini?
 - (b) Berapa bantahan penduduk tempatan?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Berapa unit rumah kos rendah bawah RM100,000 di Seberang Perai dan bahagian pulau yang masih ada seperti di:
 - (a) SP Chelliah RM75,000-RM100,000.
 - (b) Akasia Mengkuang Titi rumah teres RM38,000-RM75,000 dan RM75,000-RM100,000.
 - (c) Berapakah jumlah rumah kos rendah yang telah diberi kepada mangsa banjir/ribut/usir/ ibu tunggal di Penanti dan kawasan lain?

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Mengapa Kementerian Pendidikan Malaysia tidak mengarahkan sekolah-sekolah di Pulau Pinang ditutup seperti sekolah-sekolah di Kedah dan Perlis sungguhpun cuaca di Pulau Pinang sama-sama panas dan hampir mencécah 37°C sejak kebelakangan ini?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah situasi terkini tentang alat kutipan letak kereta yang telah dirasmikan? Adakah alat-alat tersebut telah bersiap sedia dan boleh dibeli di mana tempat?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. PERDA telah menjual 8.6 ekar tanah di KADUN Sungai Aceh, Nibong Tebal, pada 2015 dengan harga RM1.4 juta sungguhpun nilaiannya oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah RM16.6 juta. Apakah kerugian yang dialami oleh rakyat Pulau Pinang dan apakah status terkini tanah tersebut ?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sejak 2013 Majlis Perbadanan Seberang Perai (MPSP) mengambil alih kerja pembersihan berapakah peruntukan diperolehi dan berapa pekerja menjalankan kerja pembersihan?
 - (a) Sejak 2013-2016 berapa projek rumah di Seberang Perai diluluskan?
 - (b) Adakah MPSP menambah kakitangan untuk kerja pembersihan?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Minta Kerajaan Negeri untuk menjelaskan projek perumahan Quaywest yang berketumpatan 167 unit /ekar adalah diluluskan dibawah garis panduan yang mana satu dan mengapakah perlu diberi kelulusan kepada projek yang begitu tinggi ketumpatannya.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Bagaimanakah Kerajaan Negeri berusaha untuk mencapai satu tahap keseimbangan antara pelancong dan penduduk tempatan dengan menyelaraskan kegiatan komersial dan kehidupan tempatan di tapak warisan?
 - (a) Penduduk tempatan menghadapi masalah kekurangan tempat letak kereta, bagaimanakah kerajaan berusaha untuk menyelesaikan masalah ini?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Kerajaan Negeri memilih untuk memberikan hak untuk menambun laut dan membangunkan tanah tersebut untuk membiayai projek-projek yang dicadangkan dalam Transport Master Plan (TMP). Nyatakan:

- (a) Secara kelebihan Konsortium ini berbanding dengan pencadang lain.
- (b) Cadangan alternatif pembiayaan jika tambun laut tidak diluluskan.
- (c) Kos kepada kerajaan jika projek ini tidak dilaksanakan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Huraikan polisi, strategi dan peruntukan Kerajaan Negeri untuk menangani isu *ageing/pengetuaan* dalam negeri agar golongan pengetuaan yang kurang sihat, upaya, miskin dan tunggal diperhatinkan dengan kemudahan/keperluan asas dari segi *software and hardware* kebijakan dan keperimanusiaan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Berapa banyakkah rumah kos rendah RM42,000.00 telah di bina sejak tahun 2008.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Sila nyatakan statistik kes lenggi di setiap daerah Negeri Pulau Pinang dan setiap KADUN sejak tahun 2010 hingga Mac 2016.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Terangkan status projek menaik taraf Jalan Alma-Bukit Minyak yang dinanti-nantikan oleh pengguna jalanraya di kawasan sekitar. Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan proses pengambilan balik tanah untuk projek pelebaran Jalan Alma - Bukit Minyak dapat dilaksanakan dengan efisyen dan mengatasi masalah kesesakan lalulintas?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Masalah banjir di Lahar Ikan Mati dan Kampung Datuk :

- (a) Adakah pihak Kerajaan Negeri telah merancang sesuatu bagi mengelakkan ianya berulang? Huraikan dengan lengkap.
- (b) Nyatakan perancangan yang diatur? Senaraikan jumlah mesyuarat dan perbincangan bersama penduduk.
- (c) Jika memerlukan penaiktarafan longkang, berapakah kos yang diperlukan?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Nyatakan jumlah petani yang mengusahakan tanaman padi di Seberang Perai Utara? Memandangkan fenomena El Nino yang melanda negara termasuk Negeri Pulau Pinang, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bekalan air mencukupi sampai ke sawah padi? Berapakah jumlah peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menghasilkan pemberian awan (cloud seeding)?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Apakah rasional rancangan untuk melebarkan Jalan Masjid Negeri sepanjang 1.8km kepada tiga lorong sebagai pendekatan jangka pendek untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas sebelum projek *by pass* Air Itam itu siap? Mengapakah projek ini tidak dirancang secara holistik dan inklusif? Mengapa wang rakyat dibelanjakan dengan begitu sahaja?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Kes kecurian di taman perumahan dan kawasan kampung yang melibatkan golongan remaja dan dewasa.
- (a) Apakah punca dan sebab berlaku kes tersebut.
 - (b) Berapakah kes yang berlaku di kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) dan khususnya di DUN Permatang Pasir dan nyatakan pecahan mengikut umur dan kaum.
 - (c) Berapa kes dan jumlah yang telah dihadapkan ke mahkamah seluruh Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Dewan Undangan Negeri telah meluluskan cadangan pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri di tapak pembuangan sampah di Jelutong. Nyatakan status terkini dan berapakah kos pembinaan serta tahun pembinaan yang dicadangkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. (a) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengelakkan pembaziran air di Empangan Jajar Rantau Panjang di musim kemarau. Rakyat mempersoalkan mengapa tiada usaha meninggikan 'weir' untuk kurangkan pembaziran berlaku, tanaman padi tidak diberi perhatian. Mohon penjelasan.
- (b) Empangan berusia 43 tahun ini, adakah dilakukan kajian kestabilan? Bila kali terakhir dilakukan dan apakah keputusannya?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Mohon nyatakan jumlah tanah yang dikhaskan untuk sekolah (bagi perumahan yang dimajukan oleh swasta) dan sama ada tanah tersebut telah dibangunkan sekolah atau sebaliknya.
- (a) Dimanakah lokasi tanah tersebut?
 - (b) Jenis sekolah.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Kenapakah tanah Taman Manggis tidak dibangunkan semula dengan kuarters penjawat awam kerana pada asalnya tanah ini adalah kuarters penjawat awam. Apakah kerana kuarters penjawat awam tidak mendapat pulangan yang tinggi berbanding jika dibangunkan dengan sebuah pusat kesihatan swasta, ianya mendatangkan hasil yang tinggi.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap cadangan Majlis Perumahan Negara supaya meningkatkan harga rumah kos rendah dari RM42,000 ke RM65,000 dan harga rumah kos sederhana rendah dari RM72,500 ke RM100,000? Sila jelaskan?

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Atas sebab apakah Kerajaan Negeri membuat keputusan tidak mengubah lokasi pembangunan asrama pekerja warga asing di Lot 14750, MK 13, Juru, Seberang Perai Tengah walaupun seramai 2700 penduduk sekitar Juru telah menyatakan bantahan mereka terhadap pembangunan asrama pekerja warga asing di lot tersebut?

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Komunikasi dan perhubungan awam kini semakin penting bagi mana-mana kerajaan di dunia. Apakah jabatan-jabatan yang ada di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab ke atas perhubungan awam? Apakah kemahiran yang perlu *job requirement* dan bidang kerja mereka?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Baru-baru ini berlaku tanah jerlus di sawah sawah dalam KADUN Sungai Aceh menyebabkan hasil tanaman padi berkurangan dan petani mengalami kerugian.
- Apakah puncanya bencana ini berlaku?
 - Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?
 - Apakah bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada petani yang mengalami kerugian?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina rumah kos rendah di DUN Pinang Tunggal. Jika ada, sila nyatakan no. lot, mukim, kawasan dan jumlah unit yang dicadangkan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 51 (a) Syarikat siapakah yang menguruskan *delegates* Kerajaan Negeri ke lawatan *Workers' Village* di Singapura dalam tahun 2013 – 2015?
(b) Senaraikan semua *delegates* / pegawai ke lawatan, semua permohonan projek *Workers Village* sejak 2012.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Kajian keberangkalian dan rekabentuk terperinci sebelum EIA/DEIA projek tiga (3) jalan utama dan terowong oleh Zenith BUCG:
- Kenapakah pembayaran berdasarkan 5.5% dari keseluruhan termasuk kos pengambilan tanah, pembinaan, tambakan laut?
 - Kenapakah pembayaran tidak dibuat berdasarkan fee profesional/man hour/kos *reimbursable*/perbelanjaan?
 - Senaraikan nama syarikat dan projek-projek RFP/Tender/PDP yang menggunakan kaedah bayaran 5.5% atau lebih?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Sila nyatakan dengan teliti, sudahkah Kerajaan Negeri mengeluarkan notis amaran kepada pemilik unit rumah kos sederhana rendah yang telah sewa rumah unit tertentu kepada pekerja asing?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Adakah benar bahawa Perbadanan PR1MA mengemukakan permohonan untuk membina rumah mampu milik yang harganya RM510,000 di Kampung Sungai Pinang, Balik Pulau? Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam permohonan ini? Berapakah rumah mampu milik telah dibina di Pulau Pinang oleh PR1MA?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Berapakah jumlah perbelanjaan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) digunakan untuk membaiki jalan dan lorong belakang yang rosak, menaik taraf jalan dan lorong belakang, membaiki longkang, menaik taraf longkang, menambahkan lampu jalan, dan penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak, sejak 2013 hingga 2015 di KADUN Berapit? Serta berapakah jumlah bajet diperuntukan pada tahun 2016 untuk KADUN Berapit.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Pada bulan Mac 2016, didapati bahawa terdapat aktiviti yang tidak diketahui sedang dijalankan di perairan Jalan Sultan Ahmad Shah. Kami kluatir ada aktiviti tambakan laut haram dan kami ingin tahu adakah kerajaan sedia maklum tentang aktiviti berkenaan dan apakah tindakan pihak kerajaan?

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Sila berikan status terbaru tentang perancangan Komtar Fasa 5.
- Adakah SRS Konsortium mencadang untuk membina hub terminal di kawasan Komtar Fasa 5?
 - Jika ia, bagaimanakah dengan rancangan dahulu yang dirancang di bawah Komtar Fasa 5?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Ramai pihak yang telah membantah projek tambakan laut di selatan Pulau Pinang. Nyatakan:
- Senarai NGO dan individu serta tarikh-tarikh bantahan dibuat.
 - Perincikan isu-isu yang mereka bangkitkan dan apakah jawapan kerajaan bagi setiap isu.
 - Apakah bentuk dan intipati atau perjanjian yang telah ditandatangi oleh pihak kerajaan dengan pemaju.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Huraikan kepentingan, kemanfaatannya dan hasrat kerajaan negeri Pakatan Harapan tubuhkan satu *integrity office and ombudsman/Jawatankuasa Ombudsman* untuk merealisasikan dan mempertingkatkan status negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa dengan urus tadbir baik, CAT dan keadilan seperitimana dijanjikan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharen A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Berapa banyak pendapatan diterima oleh kerajaan dari *medical tourism*. Berapa ramai orang datang ke Negeri Pulau Pinang sebagai *medical tourist*?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Apakah peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam Jawatankuasa Hal-Ehwal Pengguna di Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Adakah aktiviti yang diadakan oleh jawatankuasa ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan?

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Senaraikan kadar kekosongan unit perumahan bagi apartment/pangsapuri di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut lokasi dan jumlah unit perumahan.
 - (a) Apakah punca-punca kekosongan unit perumahan tersebut?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan memperkenalkan cukai kekosongan unit perumahan ke atas pemilik rumah yang mempunyai lebih satu rumah yang tidak dihuni/disewa?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Penambakan laut di persisir pantai Permatang Damar Laut :
 - (a) Sila terangkan secara terperinci projek ini dan berapakah tempoh disiapkan?
 - (b) Difahamkan projek ini akan melibatkan pengwujudan tiga (3) pulau baru, adakah ianya dibangunkan disebabkan rancangan Pelan Induk Pengangkutan? Huraikan secara terperinci.
 - (c) Apakah ada menerima bantahan? Jika ada, bagaimana penyelesaiannya?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Mengenai tanah Taman Manggis, kenapa Kerajaan Negeri memberi alasan tanah tersebut terlalu kecil untuk membina 17 tingkat projek perumahan flat kos rendah untuk rakyat Negeri Pulau Pinang yang miskin dan pendapatan rendah tetapi tanah yang sama boleh dibina 30 tingkat hotel/service *apartment complex* dan pusat perubatan selepas *Request For Proposal* (RFP) diberi kepada KLIDC?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Pembinaan LRT di bawah *Transport Master Plan* telah menimbulkan keimbangan daripada penduduk di Bayan Baru kerana telulu dekat pintu pagar sekolah. Mengapakah kerajaan memilih LRT sedangkan cadangan asal adalah pembinaan sistem trem yang jauh lebih murah? Apakah rasional pemilihan LRT sedangkan kemudahan monorel di beberapa buah negeri termasuk Melaka terbukti gagal?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Nyatakan jumlah pusat hiburan awam yang melanggar syarat pusat hiburan serta tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri. Polis Diraja Malaysia Pulau Pinang telah memberikan sijil pengiktirafan kepada pusat hiburan yang bebas daripada gejala tidak sihat dan tidak bermoral yang mengiktiraf pusat itu selamat untuk dikunjungi. Nyatakan di manakah premis tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. (a) Senaraikan aktiviti Briged Wanita Pulau Pinang (BWPP) bagi membantu wanita di luar bandar selain daripada pemeriksaan payudara dan pendaftaran program ibu emas.
(b) Apakah BWPP terlibat dalam aktiviti ekonomi dan menambah pendapatan wanita/ibu tunggal di luar bandar?

- (c) Berapa buahkah BWPP yang ditubuhkan dan berapakah peruntukan yang disalurkan hingga kini?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Benarkah Jajaran Projek LRT yang akan dibina, akan melalui kampung-kampung tradisional Melayu di Sg. Ara, Bayan Lepas, Kg. Seronok, Kg. Binjai, Permatang Damar Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul. Jika ya, berapa banyakkah jumlah perpindahan akan berlaku? Dan kemanakah mereka ini akan ditempatkan?

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Mengikut Rancangan Induk Pengangkutan Awam Negeri Pulau Pinang, LRT dan monorel dicadangkan. Akan tetapi difahamkan kos perbelanjaan kedua-dua jenis pengangkutan adalah amat tinggi. Adakah perlu untuk Kerajaan Negeri mengkaji semula penggunaan jenis pengangkutan yang lebih kos efektif seperti sistem tram yang kini digunakan di beberapa negara asing? Sila jelaskan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Sila nyatakan syarikat-syarikat yang akan bertapak di *Penang Science Park - North Park* serta butiran lot tanah untuk setiap syarikat tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

71. Pada 4 April 2016, Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang memasuki kawasan tanah persendirian di Tok Keramat.
- (a) Apakah tujuan Y.A.B. Ketua Menteri memasuki kawasan tanah tersebut?
 - (b) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri dapat kebenaran dari tuan tanah memasuki kawasan tersebut?
 - (c) Tidakkah menjadi kesalahan seseorang memasuki kawasan tanah milik persendirian tanpa kebenaran?

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

72. (a) Adakah projek penambakan laut Terowong dan Jalanraya Gurney telah diluluskan sepenuhnya? Kenapa akses Pantai Gurney disekat?
- (b) Bukankah pada Sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang lalu, Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan (PAC) mengatakan bahawa Projek Penambakan laut Terowong Gurney belum dilulus?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

73. Senaraikan peratusan dan jumlah bajet yang telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri tidak termasuk emolumen kepada:
- (a) Wanita yang bermiaga di rumah.
 - (b) Kampung dan Pasar Malam.
 - (c) Usahawan muda dan lepasan sekolah yang ingin memulakan perniagaan tanpa pengalaman dan dana perniagaan.

5. TAMAT SESI SOALAN LISAN

Yang di-Pertua memaklumkan 3 jam soalan lisan sudah tamat. Soala-soalan yang tidak sempat dijawab Yang Amat Berhormat Ketua Menteri akan memberi jawapan secara bertulis kepada Ahli yang bertanya selaras dengan Subperaturan 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

6. SOALAN-SOALAN BERTULIS

(I) Ahli Kawasan Berapit (Yb. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah azam Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai kerajaan pembangkang yang memerintah negeri untuk Penggal Kedua? 'Membawa negeri, rakyat dan masyarakat ke arah komuniti yang harmoni dan menjaga keperluan rakyat yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah' atau 'Capitalism yang menjaga pembangunan rumah mewah di negeri'?
2. Apakah impak terhadap alam sekitar jikalau projek-projek menambun tanah dijalankan di Pulau Pinang ? Adakah Kerajaan Negeri boleh memastikan tiada apa-apa kesan buruk terhadap alam sekitar yang akan berlaku pada masa hadapan sekiranya projek menambun tanah dijalankan? Adakah slogan negeri "Cleaner, Greener, Safer & Healthier" dipeliharaikan?
3. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menubuhkan pusat perlindungan untuk menempatkan orang-orang yang berpenyakit mental agar penjagaan yang profesional dapat diberikan dan mengurangkan masalah sosial yang ditimbulkan oleh golongan ini?
4. Selain daripada rumah mewah dan rumah pangsa yang dibina oleh pemaju swasta di Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah (SPT), adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina rumah kos rendah/rumah kos sederhana rendah/rumah mampu milik di kawasan SPT terutamanya di Bukit Mertajam?
5. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas kawasan Bukit Mertajam yang sentiasa berlaku pada waktu puncak, khususnya di Jalan Kulim, Jalan Aston, Jalan Usahaniaga, Jalan Berjaya dan Jalan Maju?
6. Bilakah Kerajaan Negeri betul-betul berhasrat untuk menaik taraf Jalan Kampung Besar menjadi jalan utama berspesifikasi jalan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan bukan jalan kampung supaya menyelesaikan kesesakan lalulintas di Bukit Mertajam terutamanya Jalan Kulim dan Jalan Arumugan Pillai yang ke arah Penanti dan perkampungan Berapit?
7. Selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Keselamatan Lalulintas dan Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenalpasti keadaan infrastruktur keselamatan sesebuah jalan raya, berapa lamakah tempoh masa untuk Kerajaan Negeri melaksanakan kerja tersebut, seumpamanya Jalan Berapit?
8. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menangani masalah bangunan-bangunan terbengkalai di Bukit Mertajam yang merosakkan kecantikan bandar?
(a)Seumpamanya rumah rehat pegawai daerah serta dua bangunan swasta iaitu City Parade dan Utama Plaza. (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memulih semula Pasar Awam Bukit Mertajam yang terbakar pada tahun 2014?
9. Bilangan pekerja warga asing kian bertambah telah hampir melebihi bilangan kaum India di Seberang Perai Tengah (SPT) khususnya Bukit Mertajam. Apakah pandangan Kerajaan Negeri terhadap perkara ini? (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah warga asing yang membawa impak negatif seperti membuang sampah merata-rata dan mencemarkan alam sekitar?

(II) **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**

1. Berapakah jumlah tanah milik Kerajaan Negeri mengikut pecahan daerah apabila Kerajaan Pakatan mengambil alih pentadbiran negeri sejak tahun 2008? Perincikan mengikut lokasi, keluasan serta nilai tanah yang :
 - (a) Dijual dan nama pembeli serta tujuan pembelian.
 - (b) Dibangunkan secara usahasama dan nama rakan pemaju.
 - (c) Berbaki dipegang oleh kerajaan.
2. Perincikan komposisi pembangunan bagi setiap tanah Kerajaan Negeri yang dijual kepada pemaju swasta, anggaran nilai jualan setiap produk bangunan dan jumlah pulangan ke atas pemajuan-pemajuan itu.
3. Bilakah surat tawaran penjualan tanah Taman Manggis, George Town dikeluarkan dan bilakah pembeli membuat pembayaran serta jumlahnya? Bila dan bank manakah yang telah dicagarkan tanah itu, dan bila serta berapakah jumlah pinjaman yang diluluskan oleh bank tersebut?
4. Apakah syarat-syarat kelayakan tender terbuka yang dikenakan kepada pembida tanah Taman Manggis? Nyatakan status tanah dan tujuannya yang menjadi asas penilaian Jabatan Penilaian ke atas tanah ini dan apakah pula cadangan pembeli? Kenapakah sehingga ke hari ini belum ada sebarang pembangunan di atas tanah itu dan bilakah tanah itu akan dibangunkan?
5. Apakah status terkini syarikat-syarikat yang telah mengambil bahagian dalam tender terbuka tanah Taman Manggis, George Town? Sewaktu proses membida, adakah semakan dibuat keatas setiap pembida dan jelaskan kaedah semakan dan maklumat yang diterima oleh kerajaan bagi setiap pembida.
6. Berapakah jumlah terkumpul dalam Tabung Perumahan Bumiputera sehingga kini.
 - (a) Perincikan perbelanjaan/penggunaannya mengikut tahun sejak tahun 2008.
 - (b) Adakah polisi diskaun 5% masih dipakai dan perincikan jumlah kutipannya mengikut projek dan tahun.
 - (c) Adakah tabung ini digunakan untuk pembiayaan projek SP Chelliah dan bagaimana ianya menyumbang kepada pengurangan harga belian?
7. Mohon Kerajaan Negeri untuk menjelaskan sebab penguguran kedua-dua ADUN Kebun Bunga dan Bukit Tengah daripada Ahli Lembaga Perbadanan Bukit Bendera, Invest Penang dan Golf Properties Berhad. Adakah sebab mereka tidak *competent*, tidak *accountable* atau tidak *transparent*?
8. Mohon kerajaan untuk memberi penjelasan sebab perlantikan dua ahli DAP dari negeri lain sebagai Ahli Lembaga Perbadanan Bukit Bendera, Invest Penang dan Golf Properties Berhad. Adakah mereka mempunyai nilai kompentensi yang lebih tinggi daripada ADUN-ADUN yang digugurkan? Mengapakah tidak menggantikan dengan ADUN PKR yang lain atau ADUN-ADUN lain dari dalam negeri ini?
9. Baru-baru ini terdapat demonstrasi berkenaan aktiviti penebangan hutan pokok bakau di Kuala Jalan Baru, Balik Pulau dan telah diutarakan di kaca media, maka mohon Kerajaan Negeri memberi penjelasan terhadap isu ini.
10. Mohon diperincikan syarat-syarat kontrak yang telah dimeterai dengan pihak konsortium SRS yang akan menambak dan memajukan pulau-pulau buatan di selatan Pulau Pinang. Perincikan komposisi pembangunan dan nilai kos pembangunan. Jelaskan jadual perlaksanaan projek ini.

11. Berapakah jumlah kluasan tambakan laut yang akan dilaksanakan. Nyatakan:
 - (a) Agihan pegangan tanah tersebut di antara Kerajaan Negeri dan konsortium dan tempoh masa penyerahan.
 - (b) Anggaran kos tambakan dan sumber pasir serta jumlah kuantitinya.
 - (c) Mengapa membuat pulau, dan tidak bercantum dengan pulau besar?
12. Kenapa Kerajaan Negeri dan konsortium SRS memilih kawasan selatan pulau untuk tambakan laut dan tidak di kawasan yang di sepanjang tanah besar Semenanjung?
13. Mohon jelas status penyakit Moko yang merosakkan tanaman pisang. Nyatakan:
 - (a) Kawasan dan kluasan yang terlibat.
 - (b) Jumlah perbelanjaan untuk membasmi penyakit dan tindakan berkaitan.
 - (c) Usaha kerajaan untuk membantu petani.
14. Mohon jelaskan usaha Kerajaan Negeri dalam membantu pesawah padi. Nyatakan:
 - (a) Bentuk-bentuk bantuan yang diberikan dan kos terbabit.
 - (b) Usaha kerajaan untuk memastikan tanah sawah tidak digunakan untuk sarang burung walit.
 - (c) Berapakah jumlah kluasan tanah sawah dan lokasi, yang telah dibenarkan/diluluskan untuk ditambun dan ditukar syarat sejak tahun 2008?
15. Mohon kerajaan jelaskan status pelaksanaan projek di atas tanah Bayan Mutiara. Jelaskan:
 - (a) Kluasan dan nilai tanah asal yang dijual oleh kerajaan kepada pemaju asal berbanding nilai tanah yang dijual kepada pihak ketiga (subsale) serta nama syarikat berkaitan.
 - (b) Jadual serta status pembayaran oleh pemaju kepada kerajaan.
 - (c) Lokasi tapak masjid.
16. Mohon jelaskan kesungguhan Kerajaan Negeri menyediakan perumahan mampu milik di atas tanah Bayan Mutiara. Perincian komposisi terkini pembangunan Bayan Mutiara dan anggaran kos pembangunan dan pulangan kepada pemaju serta jadual pelaksanaan projek.
17. Jelaskan kejayaan polisi perumahan Kerajaan Negeri dalam menangani isu perumahan di negeri ini. Nyatakan:
 - (a) Di manakah wang RM500 juta dana perumahan kos rendah disimpan dan dibelanjakan?
 - (b) Jumlah pembinaan rumah kos rendah dan 3 kategori mampu milik sehingga kini, berbanding permintaan yang dibina oleh swasta dan kerajaan serta lokasi projek.
18. Mohon perincian status pelaksanaan projek menaiktaraf Menara KOMTAR beserta komposisi pembangunan. Jelaskan pandangan jurutera struktur bagi pembinaan lift luaran yang dicadangkan serta pandangan Jabatan Bomba kerana helipad bagi tujuan penyelamatan kebakaran kini telah tiada.
19. Mohon penjelasan kehidupan gelandangan di negeri ini dan bagaimana pihak Kerajaan Negeri membantu mereka.

20. Mohon penjelasan status pembaikian Bukit Gambir (botak). Apa rasional pembinaan jalan konkrit yang begitu baik dan apakah yang sebenarnya yang dirancang oleh pemilik tanah tersebut? Jika bukit-bukit lain diterokai secara haram, apakah tatacara pembaikian yang akan dilaksanakan mengikut kaedah penyelesaian bukit ini? Apakah pengajaran dari kes tersebut untuk kerajaan dan rakyat?
 21. Mohon perincian peruntukan yang diagihkan kepada masjid, surau, tokong, kuil, wat, NGO, gereja dan lain-lain sejak tahun 2008 sehingga kini dan nama-nama penerima.
 22. Jelaskan pencapaian kempen Hari Tanpa Plastik, dan Greener and Cleaner Penang. Nyatakan jumlah kutipan jualan plastik dan agihan wang hasil kutipan.
 23. Berapakah hasil kutipan levi bilik hotel mengikut tahun sejak dikenakan, di manakah ia disimpan dan bagaimanakah wang itu dibelanjakan?
 24. Mohon pencerahan daripada Kerajaan Negeri berkaitan isu pendakwah dari India, Dr. Zakir Naik yang ditentang oleh YB. Timbalan Ketua Menteri II dan Y.A.B. Ketua Menteri.
 25. Jelaskan memo Ruj. PSUK/PP/21 bertarikh 20hb. April 2012 seperti yang dipaparkan oleh portal Malaysia Today pada 13 April 2016. Apakah catatan itu dan jelaskan serta nafikan kaitannya diantara kes tanah di Taman Manggis dan banglo Y.A.B. Ketua Menteri di Jalan Pinhorn. Jelaskan prinsip CAT dalam kes-kes ini.
 26. Masyarakat merungut mengenai pengurusan sampah yang tidak teratur, banyak tikus, kotor dan tempat yang tidak bersesuaian, khususnya di Balik Pulau. Nyatakan :
 - (a) Bilangan tong sampah, dan saiz.
 - (b) Kekerapan mengambil sampah.
 - (c) Cadangan pembinaan tong sampah/pengadang/struktur yang lebih kukuh dan bersih.
 27. Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang telah terlibat dalam banyak kes sivil sama ada menyaman pihak lain atau disaman oleh pihak lain. Senaraikan kes-kes tersebut dan tarikh. Mohon penjelasan kes manakah yang dibicarakan sebagai kes peribadi dan kes rasmi Kerajaan Negeri. Siapakah yang membiayai kos-kos guaman, denda atau pampasan jika ada?
 28. (a) Berapakah perbelanjaan bagi penerbitan dan pencetakan Buletin Mutiara, mengikut tahun sejak ianya diterbitkan?

 (b) Berapakah jumlah kakitangan yang terlibat dan berapa banyakkah yang diedarkan dan dibaca?
 29. Perincikan butiran komposisi projek-projek terkini yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan dan berikan anggaran kos bagi setiap projek. Berikan tarikh cadangan pelaksanaan dan penyiapan bagi setiap komponen.
 30. Berapakah perbelanjaan bagi penyertaan Pulau Pinang di dalam Medan Fair tahun ini dan pecahannya? Apakah pihak Kerajaan Negeri berpuas hati dengan penyertaan kali ini? Jelaskan pencapaian oleh para usahawan dan agensi yang dibawa ke sana tahun ini.
- (III) Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. Berapakah kutipan zakat untuk Negeri Pulau Pinang pada tahun 2015 dan setakat manakah agihan telah dibuat mengikut asnaf? Apakah usaha yang dilakukan untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang dan berapa banyakkah jumlah kutipan zakat yang sepatutnya dikutip tetapi gagal dibayar?
 2. Berapakah jumlah penerima bantuan zakat di Pulau Pinang berakhir Disember 2015? Sila nyatakan bentuk bantuan yang diberi dan jumlah mengikut daerah di Pulau Pinang.

3. Sila nyatakan statistik bilangan saman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bahagian pulau dan seberang yang dikeluarkan setiap tahun sejak tahun 2008 sehingga kini oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan berapa banyakkah jumlah kutipan denda yang dibayar?
4. Sila beri maklumat secara terperinci mengikut nama supermarket/ hypermarket/mini market mengenai jumlah kutipan wang beg plastik dan bagaimana wang ini digunakan sejak Kempen Hari Tanpa Beg Plastik yang dilancarkan pada 6 Julai 2009 dan setakat manakah ianya dapat mengurangkan penggunaan beg plastik di Pulau Pinang secara keseluruhannya?
5. Sila jelaskan mengenai kutipan wang hotel sebanyak RM3 bagi setiap bilik mengikut nama hotel dan bagaimana wang ini digunakan? Siapakah yang memantau kutipan ini dan siapakah yang menguruskan wang kutipan ini?
6. Bilakah kertas cadangan pelaksanaan pembangunan projek perumahan mampu milik di SP. Chelliah dikemukakan untuk kelulusan dalam Mesyuarat MMK Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sila nyatakan perincian komponen projek tersebut dan harga jualan rumah serta status pembinaannya.
7. Berapakah kampung-kampung tradisional yang disenaraikan di dalam Pelan Tempatan dan sila senaraikan perancangan Kerajaan Negeri tentang masa depan kampung-kampung ini dalam usaha untuk menyelamatkan warisan sejarah penempatan kampung-kampung ini dalam kerancakan pembangunan yang berjalan di Pulau Pinang?
8. Apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri untuk syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam *Request For Proposal* (RFP) dan apakah kaedah yang dilaksanakan untuk mengawasi RFP ini?
9. Ketua Menteri mengumumkan bahawa Ideal Gim Ventures Sdn Bhd telah ditawarkan projek penambakan laut di Bayan Bay dalam ucapan Bajet 2016 yang lalu. Bilakah Kerajaan Negeri meluluskan permohonan syarikat tersebut yang dibuat pada 5 Julai 2013 dan adakah tender terbuka dibuat untuk projek itu?
10. Berapa banyakkah tanah institusi persekutuan yang akan terlibat dalam jajaran laluan pembinaan stesen-stesen LRT dari KOMTAR ke Lapangan Terbang Bayan Lepas? Adakah perbincangan telah dibuat dan kelulusan diperolehi daripada Agensi-agensi Persekutuan yang terlibat?
11. Penambakan laut di Permatang Damar Laut melibatkan kawasan tangkapan ikan, udang dan marin ekosistem yang akan menjelaskan tangkapan ikan nelayan pantai di kawasan berkenaan. Adakah laporan dari Jabatan Perikanan disediakan dan bagaimanakah impak kehidupan marin dan kawasan hasil tangkapan dan lama manakah kesan itu akan dipulihkan?
12. Dimaklumkan bahawa terdapat banyak penternak ikan sangkar beroperasi secara haram di perairan Pulau Pinang. Kenapa keadaan ini berterusan dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan mereka tidak mencemarkan lagi perairan di sekitar kawasan ternakan, tidak memberi makanan najis/tidak halal kepada ikan yang diterbak dan tidak menjalankan ternakan di tempat yang tidak sesuai.
13. Simpang tiga Permatang Binjai/jalan besar ke Kepala Batas sempit dan merbahaya kerana digunakan oleh lori-lori sebagai jalan pintas dan selalu berlaku kemalangan. Mengapakah perancangan untuk melebarkan simpang tersebut tidak dilaksanakan?
14. Berapakah jumlah pusat hiburan keluarga, pusat karaoke, pusat snooker dan rumah urut yang:-
 - (a) Telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2016?
 - (b) Apakah langkah yang diambil untuk mengatasi penyalahgunaan pusat-pusat ini?

- (c) Berapakah pusat-pusat seperti ini yang beroperasi secara haram?
15. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyediakan perumahan kepada golongan miskin dan mudah miskin yang tidak mampu untuk membeli rumah kos rendah? Sila nyatakan jumlah rumah-rumah untuk kumpulan ini yang telah disediakan sejak tahun 2008?
16. Apakah perancangan masa depan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang memegang secara amanah untuk Perkampungan Melayu Tanah Kampung Selut di Jelutong? Kenapakah permohonan penduduk yang menyewa 102 buah rumah teres dan 102 buah rumah sebuah untuk membeli rumah-rumah tersebut yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada tahun 2004 tidak dilaksanakan hingga sekarang?
17. Sila senaraikan semua projek yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri melalui Request For Proposal (RFP) sejak 2008 dan bilakah kelulusan dibuat dan siapakah syarikat-syarikat yang telah berjaya?
18. (a) Berapakah jumlah permohonan rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik yang telah berdaftar sehingga Mac 2016 dengan Kerajaan Negeri mengikut daerah?
(b) Apakah dasar pemilihan agihan rumah untuk mereka yang telah mendaftar dan tempoh masa menunggu dan adakah pemohon dimaklumkan tentang status permohonan dari masa ke semasa?
19. Berapakah jumlah wang dan tanah/harta Baitulmal di Pulau Pinang? Bagaimanakah wang dan harta ini diuruskan dan dimanfaatkan untuk masyarakat Islam di Pulau Pinang?
20. Berapakah jumlah sekolah-sekolah tafhib yang didaftarkan di Pulau Pinang? Apakah bentuk bantuan yang diberi oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan bagaimanakah sekolah-sekolah ini dipantau dari segi tenaga pengajar, sukanan pelajaran, kebijakan pelajar serta keperluan infrastruktur?
21. Apakah tindakan yang diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tentang masalah pemberian gagak dan tikus di kawasan rekreasi dan pusat-pusat makanan untuk mengekang masalah kesihatan yang diakibatkan oleh haiwan ini?
22. Berapakah jumlah peruntukan di bawah projek memberi imej baru kepada Butterworth di bawah kerjasama Think City dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk 5 tahun sehingga tahun 2020? Adakah kawasan yang terlibat hanya dalam Butterworth? Berapakah jumlah permohonan yang dibuat oleh pemilik untuk mendapat pembiayaan pemuliharaan hartanah dan bangunan warisan di Butterworth dan Pulau Pinang setakat ini?
23. Sila senaraikan pertubuhan-pertubuhan belia yang telah mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2013 hingga sekarang, jumlah bantuan yang diberi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
24. Apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu belia-belia di Pulau Pinang tentang perkara berikut:-
(a) Meningkatkan keusahawanan dan pembangunan ekonomi;
(b) Mengurangkan gejala sosial dan meningkatkan jati diri.
25. Setakat manakah pencapaian initiatif *gender mainstreaming* dan *gender budgeting* yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang setakat ini? Apakah kesan/impak yang diperolehi daripada projek GRPB kepada responden yang berpendapatan rendah setelah dilaksanakan?

26. Sila maklumkan kedudukan terkini pemilikan Jerejak Resort Sdn. Bhd. Adakah sebarang cadangan pembangunan dibuat oleh syarikat berkenaan dan kenapakah sehingga sekarang hutan simpan di Pulau Jerejak tidak digazetkan?
27. Sila senaraikan aktiviti yang dijalankan oleh PWDC sejak ditubuhkan. Apakah ianya merupakan aktiviti teras MMK Wanita untuk Negeri Pulau Pinang? Sila nyatakan aktiviti lain yang dijalankan di bawah MMK Wanita.
28. Berapa peratuskah bekalan ikan dan hasil laut untuk Pulau Pinang yang diperolehi daripada tangkapan nelayan tempatan dan berapakah nilainya?
29. Apakah dasar Kerajaan Negeri berhubung dengan pengusiran penjaja-penjaja yang tidak berlesen di seluruh Negeri Pulau Pinang? Berapakah tindakan pengusiran yang telah dijalankan pada tahun 2013, 2014 dan 2015 dan sila nyatakan lokasi mengikut daerah.
30. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri membenarkan pemaju perumahan membuat bayaran in lieu untuk menggantikan penyediaan perumahan kos rendah dan sederhana rendah. Mohon Kerajaan Negeri memaklumkan jumlah bayaran in lieu yang diterima atas dasar tersebut mengikut tahun serta kawasan (pulau dan seberang) sejak tahun 2008 hingga 2016.

(IV) Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Huraikan mengapa dan senaraikan secara terperinci semua permohonan kebenaran merancang (pemaju/nombor rujukan OSC/nama dan jenis projek/lot-lot/lokasi//keluasan/tahun diluluskan) yang dikecualikan set-back dan dikenakan set-back oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan PBT lain.
2. Huraikan isu Taman Manggis dengan kronologi terperinci dan punca-punca yang menyebabkan kekeliruan. Adakah isu ini akan dibentangkan kepada PAC untuk penyiasatan?
3. Huraikan strategi Kerajaan Negeri dalam memastikan network pengangkutan diselenggarakan secara holistik setaraf dengan bandaraya metropolitan setelah melaburkan RM27 bilion dan RM40 bilion ke atas infrastruktur pengangkutan baru dalam TMP itu.
4. Huraikan kos operasi dan *maintenance* tahunan LRT KOMTAR-lapangan terbang dan monorail lines. Pihak manakah yang akan bertanggungjawab ke atas kerugian kewangan bagi operasi LRT dan monorel tersebut dalam *Transport Master Plan* (TMP).
5. Adakah pelan untuk tebus guna middle bank untuk dijual dan mendapat RM12 bilion sebagaimana dianggarkan SRS untuk menampung kos tambahan anggaran RM27 bilion ke RM40 bilion? Adakah sesuai middle bank ditebusgunakan?
6. Huraikan *financial projection/financial feasibility study* setiap projek pengangkutan awam, LRT, Monorel, Tram atau Light Rail Vehicle(LRV), termasuk *projected demand, revenue, operational costs, profit or loss, capital expenditure* dan lain-lain. Siapakah yang bertanggungjawab ke atas projek ini atau menyelenggarakannya? Sila rujuk kepada pengalaman KL dalam bankrupsyi dan kerugian Monorel KL, yang akhirnya ditanggung oleh kerajaan dengan kos RM4.5 bilion pada tahun 2007.
7. Huraikan dengan terperinci keadaan bekalan air dan air mentah lepas tahun 2020 dalam negeri. Apakah rancangan dalam 50 tahun yang akan datang untuk mengatasi isu ini? Adakah pembangunan di kawasan tanah tebus guna pada masa depan juga diambilkira?
8. Huraikan strategi dan pelan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pengasingan sisa di punca dan sudahkah diperuntukkan di bawah undang-undang kecil Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)? Huraikan berapa MRF untuk recyclable dan cara/pusat memproses sisa organik/hijau

sudah disediakan? Senaraikan kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam sistem pengasingan sisa di punca. dan kos yang dibayar oleh kerajaan kepada mereka.

9. Huraikan pelan kerajaan menggunakan Plot B (sore thumb - tanah tambunan) Bandar Tanjung Bunga. Kemukakan Request For Proposal (RFP) untuk memperkembangkan tanah kerajaan tersebut oleh Penang Development Corporation (PDC) dengan kronologi terperinci. Huraikan mengapa kerajaan tidak mahu mewartakan Plot B sebagai Tanjung Bunga Coastal Park yang dimohon/dihasrat oleh orang awam demi kepentingan orang awam.
10. Huraikan strategi dan polisi baru Kerajaan Negeri untuk memastikan tanah RIBI disediakan dengan cukup untuk freedom of religion agar semua tokong/kuil/gereja dapat khas tanah RIBI yang sesuai untuk pembangunan. Senaraikan semua tapak RIBI yang sediada dan tanah RIBI yang sudah dipajakkan (nama tokong/lokasi/lot nombor/luasannya/tarikh pajakan dan lain-lain) dalam negeri.
11. Huraikan keadaan, laporan dan statistik chlorination atas semua stesen Indah Water Konsortium (IWK) dalam Negeri Pulau Pinang. Adakah kesemua laporan diluluskan? Kemukakan yang mencemarkan sungai dan laut. Apakah tindakan yang dikenakan? Senaraikan semua Stesen IWK yang sudah tidak digunakan, dikosongkan dan tidak beropersi (nombor stesen/lokasi/kawasan Dun/luasan/tuan tanah/dan lain-lain) di Daerah Timur Laut /Daerah Barat Daya/Seberang Perai Utara/Seberang Perai Tengah/Seberang Perai Selatan).
12. Huraikan dan senaraikan keadaan, laporan dan statistik chlorination semua kolam berenang (swasta, hotel dan kerajaan) dalam Negeri Pulau Pinang. Kemukakan yang tidak diluluskan di bawah laporan chlorination dan mencemarkan alam sekitar (sungai/laut). Apakah tindakan dilaksanakan di bawah akta-akta mana yang berkenaan?
13. Huraikan kelemahan Jabatan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Apakah strategi dan latihan jangka pendek dan panjang untuk mempertingkatkan prestasi, kualiti khidmat, imej, pengetahuan undang-undang ahlinya dan peruntukan untuk tingkatkan bekalan dan alat-alat jabatan?
14. Huraikan isu-isu semasa dan keadaan golongan transgender dalam Negeri Pulau Pinang. Apakah strategi dan langkah Kerajaan Negeri untuk membantunkan golongan ini dari segi keperimanusiaan dan adakah peruntukan diperuntukkan kepada jawatankuasa transgender yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri?
15. Huraikan status perkembangan Kampung Tanjong Tokong, terutamanya fasa 4A, dan syorkan kawasan kampung tradisional/warisan Tanjung Tokong yang mesti dikekalkan UDA. Kemukakan lokasi(keluasan) tapak warisan tersebut dan rekabentuknya.
16. Huraikan keadaan dan perkembangan terkini perbincangan dengan tuan tanah Kampung Mutiara,Batu Feringghi untuk menyelesaikan isu perobohan kampung tersebut dan perintah berpindah. Nyatakan peranan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dalam menangani isu ini.
17. Huraikan dengan terperinci projek-projek yang diluluskan oleh Penang Hill Corporation (PHC) dan kelemahan PHC. Apakah strategi untuk mempertahankan alam sekitar di Bukit Bendera?
18. Huraikan keperluan Teluk Bahang-Tanjong Bunga Paired Road dan bilakah kerja akan dimulakan? Huraikan sama ada kesesakan Jalan Tanjung Tokong-Tanjong Bunga-Batu Feringghi-Teluk Bahang menjaskan industri pelancongan dan langkah-langkah penyelesaiannya.
19. Senaraikan semua kuari (nama pengusaha/lokasi/luasan/jenis niaga/keluaran dan lain-lain) yang dibenarkan dan yang haram. Huraikan kuari yang beroperasi mengorekkan batu-bata ke bawah paras tanah hingga mengancamkan penduduk, bangunan dan kawasan berjiranan.

20. Huraikan strategi dan langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam mengelak dan membanteras jenayah dan aktiviti terrorism agar keselamatan awam terjamin.
21. Huraikan dengan kronologi kes Al Kamsar dan tindakan Kerajaan Negeri mengambil balik tapaknya di Taman Belia. Apakah pelan seterusnya?
22. Huraikan sebab-sebab:-
 - (a) Kajian semula Pelan Struktur Pulau Pinang masih belum disempurnakan.
 - (b) Pelan Tempatan (bahagian pulau) masih belum diwartakan.

Adakah tanpa perkara (a) dan (b) tersebut, pembangunan sudah tidak dapat terkawal.
23. Huraikan strategi dan langkah-langkah Kerajaan Negeri dalam menggunakan Sistem Big Data untuk mempertingkatkan urus tadbir baik dalam semua aspek. Adakah satu jabatan akan ditubuhkan untuk maksud tersebut? Bila ia akan dilaksanakan?
24. Huraikan pentingnya industri pelancongan kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang dan selain daripada projek, program, produknya dan tempat pelancongan sedia ada. Apakah strategi/projek dan produk baru untuk mempertingkatkan lagi industri ini agar *Transport Master Plan (TMP)* tercapai dan membantu pelancongan sebaiknya.
25. Huraikan dengan terperinci latar belakang dan pengalaman syarikat seperti di bawah samada mampu menjalankan projek mega kerajaan yang berjaya dapat tender:-
 - (a) E&O (Wharf Gurney dan STP 2)
 - (b) ZENITH (Undersea Tunnel)
 - (c) SRS (Tambunan laut antara perairan laut Batu Maung dan Gertak Sanggul.
26. Huraikan strategi dan langkah-langkah kerajaan dalam menangani isu anjing liar (stray dogs) termasuk kucing. Senaraikan pusat atau NGO (lokasi/keluasan/bilangan anjing/nama tuan pusat dan lain-lain) yang menangani isu anjing liar di seluruh negeri. Apakah peruntukan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri?

(V) Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Senaraikan kelewatan pelaksanaan projek-projek fizikal Kerajaan Negeri yang disebabkan oleh kos pengalihan dan pemasangan utiliti yang perlu ditanggung oleh syarikat utiliti tersebut. Samada Kerajaan Negeri akan kaji semula dasar tersebut memandangkan projek negeri tidak dapat disiap pada masa yang ditetapkan? Apakah cadangan untuk mengatasi kelewatan perlaksanaan projek fizikal kerajaan?
2. Senaraikan indeks jenayah harta benda dan jenayah kekerasan di kawasan Alma, KADUN Machang Bubuk mengikut bulan sejak tahun 2014 sehingga kini. Apakah rancangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan kawasan Alma yang sedang pesat membangun? Apakah status cadangan untuk membina sebuah pondok polis di Alma?
3. Senaraikan indeks kemalangan jalanraya dan kemalangan maut yang berlaku di sepanjang Jalan Sejahtera, Jalan Rozhan, Jalan Seladang, Jalan Gajah Mati, Jalan Alma-Bukit Minyak, Jalan Hutan Petai dan Jalan Permatang Tinggi sejak tahun 2014, 2015 dan 2016. Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan keselamatan jalanraya dapat dipertingkatkan?
4. Kes demam denggi telah meningkat dan serius pada tahun 2016. Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah denggi dengan lebih berkesan? Samada Kerajaan Negeri akan mewujudkan satu peta demam denggi (dengue mapping) secara online/applikasi untuk memberi maklumat terkini serta meningkatkan kesedaran kepada semua penduduk?

5. Nyatakan jumlah cukai GST yang dibayar oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan sejak pelaksanaan cukai GST? Apakah implikasi kewangannya terhadap urus tadbir Kerajaan Tempatan dan Negeri? Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mendesak Kerajaan Persekutuan mansuhkan cukai GST yang zalim?
6. Terangkan status projek penyusunan semula 61 buah Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Kampung Manggis, Permatang Tinggi yang dikelola oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Senaraikan nama pemilik untuk 61 buah rumah tersebut dengan alamat rumah mereka sedia ada. Jelaskan secara terperinci syarat-syarat yang dikenakan ke atas pembeli-pembeli rumah RMR tersebut.
7. Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dalam menangani masalah pusat hiburan yang berunsur judi yang kian berleluasa? Adakah kerajaan akan mengkaji semula undang-undang kecil lesen pusat hiburan keluarga serta memperketatkan syarat-syarat kelulusan permohonan lesen pusat hiburan keluarga?
8. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pergantungan pendapatan Kerajaan Negeri kepada hasil tanah? Apakah usaha dan tempoh rancangan tersebut?
9. Proses pengambilan balik tanah untuk kegunaan awam yang panjang telah melewatkkan pelaksanaan projek fizikal Kerajaan Negeri. Terangkan punca-punca yang menyebabkan proses tersebut mengambil masa yang panjang. Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi atau penambahbaikan proses tersebut?
10. Apakah status projek menaiktaraf jalan persimpangan Jalan Seladang, Jalan Rozhan dan Jalan Alma bagi menangani kesesakan lalulintas? Terangkan sebab-sebab cadangan jejabat masih tidak dilaksanakan sehingga kini walaupun cadangan tersebut telah dibuat sejak 2013. Apakah langkah-langkah jangkamasa pendek yang boleh diambil bagi mengurangkan kesesakan lalulintas yang kian serius?
11. Kesihatan mental sering diabaikan dan kurangnya sokongan sosial berkesan kepada golongan yang berdepan dengan tekanan hidup. Senaraikan bilangan kes bunuh diri atau jenayah yang dilakukan oleh pesakit mental mengikut bulan sejak tahun 2014, 2015 dan 2016. Apakah tindakan proaktif kerajaan dalam memastikan kes bunuh diri dapat dicegah dan ditangani dengan baik?
12. Senaraikan program tahunan untuk orang muda (18-35 tahun) yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengikut bulan dan bajet sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Apakah keberkesanan program tersebut dalam mempertingkatkan penglibatan orang muda dalam politik, ekonomi dan sosial? Bilakah Pelan Tindakan Belia Pulau Pinang akan disiap dan dilaksanakan?
13. Nyatakan bilangan graduan universiti yang menganggur mengikut jantina dan kaum sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Sejauh manakah pusat Career Assistant and Talent (CAT) Pulau Pinang berjaya memadankan pekerja yang diberhentikan kerja atau pekerja baru dengan peluang pekerjaan dan latihan? Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar pengangguran?
14. Senaraikan perbelanjaan kerajaan dalam membuat publisiti serta promosi polisi-polisi kerajaan mengikut cara-cara seperti Buletin Mutiara, billboard, banting, video, risalah, booklet dan pembelian iklan sejak tahun 2013 sehingga kini. Nyatakan bilangan pekerja dan gaji bulanan bagi setiap pekerja mengikut jawatan di bawah Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri.
15. Senaraikan jumlah permohonan lesen untuk mesin karnival yang diterima oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2015 mengikut lokasi. Berapakah jumlah lesen yang diluluskan untuk beroperasi bagi tahun tersebut? Berapakah jumlah permohonan yang telah ditolak oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun yang disebutkan?

16. Terangkan status projek pelebaran Jalan Alma-Bukit Minyak yang telah dijanjikan oleh Ketua Menteri pada tahun 2013. Kenapa projek yang hanya melebarkan jalan dua lorong kepada empat lorong untuk 1.2 km masih tidak dapat disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan? Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah kelewatan tersebut?
17. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membela 26 buah keluarga di Kampung Permatang Tok Suboh yang menghadapi nasib pengusiran secara paksa? Terangkan status permohonan tanah lesen pendudukan sementara oleh 26 buah keluarga di kampung tersebut. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menentukan dasar untuk mengiktiraf dan menjamin hak rumah untuk peneroka bandar?
18. Adakah kerajaan bercadang untuk membina trek perlumbaan bermotor bagi golongan muda menjalankan aktiviti perlumbaan secara sah, sihat dan selamat? Apakah galakan dan insentif yang akan diberi kepada pelumba-pelumba profesional negeri seperti kejayaan anak muda Khairul Idham Pawi memenangi podium di tempat pertama di kejohanan Grandprix Moto3 di Argentina baru-baru ini?
19. Senaraikan jumlah gerai-gerai/penjaja kecil tidak berlesen yang telah diambil tindakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di KADUN Machang Bubuk sejak tahun 2015. Apakah tindakan yang diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ke atas penjaja kecil tersebut? Apakah dasar kerajaan terhadap cadangan untuk memindah penjaja tersebut ke satu tempat yang sesuai dan sah untuk menjalankan perniagaan kecil?
20. Jumlah perbelanjaan untuk Pelan Induk Pengangkutan telah meningkat daripada asalnya RM27 bilion. Nyatakan pecahan kos terperinci untuk bajet setiap komponen projek termasuk yang dikelolakan oleh Zenith BUCG Consortium. Sila tunjukkan cara pembiayaan bagi setiap komponen projek tersebut serta bila ia akan disiapkan.
21. Sila tunjukkan peratusan pendapatan yang diperolehi melalui penjualan tanah ke atas pulau tambakan yang akan diperuntukkan kepada Seberang Prai di mana separuh daripada jumlah penduduk Pulau Pinang bermastautin di situ serta mencapai pertumbuhan penduduk yang paling cepat. Sejauh manakah potensi Seberang Prai dibangunkan sebagai kawasan perindustrian dan perniagaan untuk pembangunan ekonomi negeri?
22. Sila membuat unjuran jumlah penduduk di Pulau Pinang bagi tahun 2040, 2050, 2060 dan 2065. Mengikut cadangan dibuat dalam Pelan Induk Pengangkutan adalah berdasarkan unjuran penduduk bagi tahun 2030 dan 2040, di mana ia jauh lebih tinggi daripada unjuran yang dibuat oleh Jabatan Statistik Negara. Adakah tindakan pengubahsuaian akan dibuat?
23. Nyatakan bilangan kes yang dikendalikan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah di Pulau Pinang mengikut lokasi, keputusan tribunal dan jumlah tuntutan yang berjaya diperolehi oleh pembeli rumah sejak tahun 2013 sehingga kini.
24. Keberkesanan: Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada tahun 2011 dan diwartakan pada tahun 2012. Sehingga hari ini.
 - (a) Berapa banyakkah permintaan akses terhadap kebebasan maklumat telah dilakukan?
 - (b) Berapa banyak maklumbalas yang berjaya diberikan?
 - (c) Kenapa terdapat kes-kes yang ditolak?
25. Kecekapan: Kebanyakan kakitangan di jabatan pentadbiran memegang jawatan tertentu selain daripada menjalankan tugas-tugas *Freedom Of Information* (FOI). Senaraikan semua pegawai maklumat yang hanya eksklusif dan menjalankan kerja-kerja FOI sahaja mengikut nama serta jabatan masing-masing.

26. Dalam seksyen 11(a) *Freedom Of Information* (FOI), pegawai maklumat â€œboleh mendolak untuk menunjukkan sama ada ia memegang sesuatu rekod, atau menolak untuk menyampaikan maklumat, di mana sekiranya dibuat akan melibatkan pendedahan yang tidak munasabah akan maklumat peribadi pihak ketiga. Jelaskan apakah yang membentuk kepada pendedahan yang munasabah dan tidak munasabah maklumat peribadi pihak ketiga?
27. Senaraikan bilangan penerima/keluarga bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) mengikut KADUN dan pecahan kaum. Sila nyatakan jumlah peruntukan bantuan AES yang disalurkan kepada setiap KADUN sejak tahun 2013 sehingga kini.
28. Terangkan keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan Penjagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dari segi perbelanjaan serta bilangan pengasuh kanak-kanak yang telah dilatih sejak tahun 2013 sehingga kini. Senaraikan pusat jagaan kanak-kanak mengikut lokasi dan bilangan kanak-kanak yang diasuh oleh setiap pusat.
29. Persimpangan Jalan Bukit Minyak dan Jalan Bukit Minyak Utama (BMU) telah menjadi persimpangan jalan yang merbahaya sehingga beberapa kes kemalangan maut berlaku. Sila nyatakan cadangan jabatan berkenaan tentang jangkamasa panjang dan pendek untuk mengatasi masalah tersebut. Bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan dan jangkaan siap?
30. Sila nyatakan perbelanjaan secara terperinci bagi acara George Town Festival untuk tahun 2015. Berapakah peruntukan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk George Town Festival 2016? Adakah proses tender secara terbuka dibuat dalam menentukan pembekal untuk melaksanakan George Town Festival 2016?

(VI) Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Projek naik taraf masjid-masjid di seluruh DUN Bertam :-
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri ada menerima permohonan naik taraf masjid-masjid di seluruh DUN Bertam? Jika ada, nyatakan projek berkenaan.
 - (b) Sila pecahkan projek naik taraf dari tahun 2013 hingga 2015 mengikut masjid.
 - (c) Adakah setiap masjid disediakan kuota permohonan dan bagaimana cara untuk memohon?
2. Tapak Pasar Malam Kepala Batas :-
 - (a) Adakah terdapat sebarang perancangan untuk menaik taraf tapak pasar malam tersebut? Jika ada, nyatakan secara terperinci.
 - (b) Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berhasrat untuk menambah gerai perniagaan yang kini sebanyak 4 kepada 10 buah?
 - (c) Berapa jumlah naik taraf atau menurap semula tar yang dibuat dari tahun 2013 hingga 2015. Senaraikan secara terperinci.
3. Penyelenggaraan parit oleh Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) kawasan DUN Bertam :-
 - (a) Senaraikan jumlah parit di bawah seliaan Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) mengikut lokasi dalam DUN Bertam.
 - (b) Nyatakan jadual pembersihan parit yang dinyatakan dari tahun 2013 hingga 2015.
 - (c) Senaraikan projek penambahanbaikan parit dan longkang sepanjang tahun 2015 dan perancangan bagi tahun 2016.

4. Program kebajikan masyarakat :-
 - (a) Berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pecahkan dari tahun 2013 hingga 2016.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah dana untuk pembaikan rumah penduduk miskin? Jika ada, senaraikan penerima di DUN Bertam.
 - (c) Senaraikan program kebajikan di DUN Bertam dari tahun 2013 hingga 2015.
5. Orang Kelainan Upaya (OKU) di DUN Bertam :-
 - (a) Senaraikan jumlah OKU yang didaftar di dalam DUN Bertam?
 - (b) Berapakah jumlah bantuan yang disalurkan kepada OKU yang berdaftar? Senaraikan mengikut kampung dalam DUN Bertam.
 - (c) Apakah perancangan masa depan Kerajaan Negeri untuk mengiktiraf peranan OKU dalam pelbagai bidang yang bersesuaian.
6. Perobohan gerai-gerai peniaga di dalam kawasan DUN Bertam :-
 - (a) Senaraikan jumlah gerai yang dirobohkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2013 hingga 2016 dan nyatakan sebab perobohan.
 - (b) Apakah pihak berwajib mengeluarkan notis terlebih dahulu. Sila berikan contoh notis dan tempoh sebelum dirobohkan.
 - (c) Apakah MPSP ada kaedah lain selain merobohkannya seperti mengadakan khidmat nasihat.
7. Naik taraf jalan di simpang empat Permatang Kuala dan Permatang Binjai :-
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menaik taraf jalan simpang empat tersebut? Jika ada, bilakah akan bermula?
 - (b) Adakah ada menerima aduan tentang kekerapan kemalangan di simpang berkenaan? Jika ada, apa tindakan selanjutnya?
 - (c) Berapa kos yang terlibat?
8. Pengezetan Pulau Jerejak :-
 - (a) Mohon Kerajaan Negeri menjelaskan apakah masalah yang telah berlaku menyebabkan pengezetan Pulau Jerejak sebagai kawasan hutan simpanan kebangsaan tergantung?
 - (b) Bilakah pengezetan Pulau Jerejak dapat diselesaikan?
 - (c) Apakah perancangan setelah pengezetan berjaya?
9. Projek Bayan Bay:-
 - (a) Adakah projek Bayan Bay mempunyai sebarang kaitan dengan Pulau Jerejak seperti jambatan akan dibina untuk menyambung kedua-dua kawasan ini atau perkhidmatan feri akan dilancarkan?
 - (b) Apakah kesan yang akan terjadi jika ianya menjadi kenyataan?
 - (c) Berapakah kos yang terlibat bagi keseluruhan projek berkenaan?
10. Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Menengah Agama (SMA) :-
 - (a) Senaraikan jumlah SAR dan SMA di dalam kawasan DUN Bertam.

- (b) Nyatakan jumlah peruntukan tahunan yang disalurkan kepada sekolah-sekolah berkenaan dari tahun 2013-2015.
- (c) Apakah terdapat cadangan pembinaan sekolah baru di dalam kawasan DUN Bertam. Jika ada, senaraikan beserta jumlah peruntukan persekutuan dan negeri.
11. Program 1 DUN 1 Gelanggang Futsal:-
- (a) Adakah DUN Bertam terlibat dengan program tersebut? Jika ada, sila nyatakan secara terperinci.
- (b) Bagaimanakah cara pemilihan lokasi projek dilaksanakan serta siapakah agensi pelaksana?
- (c) Berapakah kos yang terlibat untuk satu gelanggang futsal? Sila nyatakan untuk seluruh Negeri Pulau Pinang.
12. Penerima zakat di Pulau Pinang :-
- (a) Berapa jenis bantuan zakat yang diperkenalkan bagi membantu asnaf yang layak? Senaraikan jenis dan jumlah zakat bagi tahun 2013 hingga 2015.
- (b) Senaraikan penerima zakat bagi setiap jenis bantuan di dalam DUN Bertam.
- (c) Adakah Zakat Pulau Pinang menyediakan peruntukan untuk penganjuran program. Jika ada, jelaskan kaedah permohonan.
13. Program miskin tegar Agenda Ekonomi Saksama (AES):-
- (a) Senaraikan penerima program berkenaan di seluruh DUN Bertam mengikut nama, jantina, kaum dan kampung.
- (b) Adakah mereka yang layak perlu memohon terlebih dahulu? Nyatakan kaedah permohonan jika ada.
- (c) Bilakah penyerahan bantuan dibuat di dalam kawasan DUN Bertam? Nyatakan secara terperinci mengikut tarikh, tempat dan penyampai.
14. Tabung Usahawan Tani Muda :-
- (a) Senaraikan peserta yang terlibat dengan tabung tersebut dalam DUN Bertam dari tahun 2014 hingga 2015. Pecahkan mengikut kampung dan jenis bantuan.
- (b) Apakah terdapat agensi yang memantau keberkesanan program ini?
- (c) Nyatakan kejayaan atau outcome hasil daripada pengwujudan tabung ini. Adakah terdapat penambahan dana?
15. Naik taraf taman awam di seluruh kawasan DUN Bertam :-
- (a) Senaraikan taman awam yang berada di dalam kawasan DUN Bertam. Huraikan jumlah naik taraf jalan dan longkang yang dibuat dan belum dilaksanakan.
- (b) Bagi yang telah dilaksanakan, senaraikan nama kontraktor dan kos yang terlibat.
- (c) Adakah peruntukan disediakan bagi menaik taraf surau di setiap taman berkenaan?

16. Pemeliharaan khinzir di Pongsu Seribu :-
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mengeluarkan lesen pemeliharaan khinzir di Pongsu Seribu. Jika ada, huraikan secara terperinci.
 - (b) Adakah pihak berwajib ada menerima aduan tentang pencemaran bau dan najis? Jika ada, huraikan.
 - (c) Apakah pemilik melanggar peraturan. Jika ada, apakah tindakan undang-undang yang telah dibuat?
17. Tempat permainan kanak-kanak :-
- (a) Senaraikan tempat permainan kanak-kanak di seluruh DUN Bertam mengikut kampung dan taman.
 - (b) Nyatakan kekerapan penambahbaikan dan naiktaraf dibuat. Senaraikan tempat permainan yang terlibat.
 - (c) Berapakah kos yang terlibat bagi pembinaan satu taman permainan dan jumlah peruntukan bagi seluruh DUN Bertam.
18. Perhentian bas sekolah dan awam :-
- (a) Adakah Kerajaan Negeri menerima permohonan perhentian bas di depan Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam dan perhentian bas awam di Lahar Tabut?
 - (b) Jika ada, bila pembaikan akan dilaksanakan?
 - (c) Nyatakan tempoh siap pembaikan beserta kos yang terlibat.
19. Mosquito magnet :-
- (a) Berapakah jumlah mosquito magnet telah dipasang di seluruh DUN Bertam. Nyatakan lokasi secara terperinci.
 - (b) Adakah pemasangan alat berkenaan berkesan dalam pemberian wabak denggi? Berikan statistik terperinci.
 - (c) Berapakah kos yang diperuntukan untuk satu alat dan syarikat manakah yang dilantik untuk membekal?
20. *High income* penanaman padi :-
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mewujudkan mekanisme agar hasil padi meningkat?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan insentif untuk menggalakkan hasil padi? Huraikan secara terperinci.
 - (c) Senaraikan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk penanaman padi di Pulau Pinang. Pecahkan mengikut DUN.
21. Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung Negeri (JKKKN) di DUN Bertam :-
- (a) Senaraikan JKKN di DUN Bertam beserta nama pengerusi.
 - (b) Berapakah jumlah elaun yang diterima pengerusi, setiausaha dan elaun kehadiran mesyuarat?
 - (c) Adakah setiap JKKN ada menerima geran tahunan dari Kerajaan Negeri bagi melaksanakan aktiviti? Jika ada, nyatakan secara terperinci.

22. Dewan orang ramai di dalam DUN Bertam :-
- (a) Berapakah jumlah dewan orang ramai seliaan Kerajaan Negeri? Pecahkan mengikut kampung dan nama serta nombor telefon penjaga dewan.
 - (b) Adakah ditetapkan syarat penggunaan dewan dan apakah kaedah permohonan penggunaan dewan?
 - (c) Adakah dewan-dewan diselenggara? Senaraikan beserta kos pembaikan.
23. Pendidikan Modal Insan :-
- (a) Berapakah jumlah penerima bantuan awal melanjutkan pendidikan ke universiti di DUN Bertam? Berikan nama, jantina, alamat dan jumlah bantuan.
 - (b) Bagaimanakah kaedah penyerahan bantuan dibuat dan kos yang terlibat?
 - (c) Adakah pelajar perlu memohon atau dipilih secara automatik? Jelaskan cara permohonan.
24. Rumah kos rendah Pulau Pinang:-
- (a) Berapakah jumlah rumah kos rendah yang dibina di Pulau Pinang. Senaraikan lokasi dan jumlah rumah mengikut DUN.
25. Lampu Jalan dan Kampung :-
- (a) Berapakah jumlah permohonan lampu jalan dan kampung di DUN Bertam 2013-2015? Sila pecahkan mengikut kampung dan taman?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri membiayai sepenuhnya pemasangan lampu-lampu berkenaan. Jika ada, berapakah kos yang ditanggung?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri membiayai pemasangan lampu yang dipohon oleh ADUN BN?
26. Pengindahan pokok bunga di kawasan DUN Bertam :-
- (a) Adakah Kerajaan Negeri memantau pokok bunga milik Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atau Pejabat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di DUN Bertam. Jika ada, nyatakan kekerapan dalam seminggu dan lokasi.
 - (b) Adakah ianya dilakukan sendiri oleh pihak berwajib atau dilantik kontraktor tertentu?
 - (c) Jika kontraktor, sila nyatakan beserta kos.
27. Perkembangan mitigasi di Bukit Relau (Bukit Botak) :-
- (a) Berapakah kos mitigasi yang dilaksanakan oleh pemaju? Sila huraikan bersama jadual kerja yang lengkap.
 - (b) Apakah perancangan pembangunan di atas bukit berkenaan?
 - (c) Berapakah peruntukan yang telah, sedang dan akan dibelanjakan untuk projek menghijaukan semula dengan pokok-pokok dan tumbuhan fauna?

(VII) Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) adalah sebuah badan yang dipertanggungjawabkan di antara lain untuk menjaga kehormatan dan kesucian agama Islam di Pulau Pinang. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terhadap Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang II yang melabelkan Dr Zakir Naik, Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2013, sebagai syaitan?
2. Apakah pendapat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mengenai tajuk ceramah *Similarities between Hinduism and Islam* yang pada asalnya akan disampaikan oleh Dr Zakir Naik?
3. Nyatakan jumlah premis jualan makanan dan kilang yang telah diperiksa oleh Jabatan Kesihatan Negeri bermula dari Januari 2016 hingga sekarang? Senaraikan jumlah premis dan kilang di dalam kawasan Seberang Perai Utara (SPU) yang didapati tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan dan apakah tindakan yang telah diambil?
4. Sila nyatakan jumlah keseluruhan penduduk dalam Negeri Pulau Pinang pada tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016 mengikut pecahan kaum dalam KADUN-KADUN Negeri Pulau Pinang. Nyatakan juga jumlah penduduk yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai pengundi dalam KADUN-KADUN tersebut.
5. Nyatakan jumlah pendapatan / kutipan hasil Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dari tahun 2008 hingga 2015. Apakah penyumbang utama hasil MPSP dan MBPP dalam tempoh tersebut? Nyatakan juga jumlah peruntukan yang diterima oleh MPSP dan MBPP daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat.
6. Nyatakan dengan terperinci jumlah keluasan sawah padi dan jumlah petani yang mengusahakan tanaman padi dalam Negeri Pulau Pinang mengikut KADUN-KADUN dalam Negeri Pulau Pinang pada tahun 2013, 2014 dan 2015. Nyatakan juga jenis-jenis bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada petani-petani dalam Negeri Pulau Pinang.
7. Nyatakan dengan terperinci:-
 - (a) Nama pemaju,
 - (b) Taman perumahan,
 - (c) Jumlah unit rumah kediaman jenis kos rendah, sederhana rendah,mampu milik / rumah kedai / pejabat yang telah siap dan yang sedang dibina sejak tahun 2008 sehingga sekarang dalam KADUN Penaga, Bertam dan Pinang Tunggal. Nyatakan juga projek perumahan yang mana kebenaran merancang telah diluluskan.
8. Nyatakan jumlah keseluruhan nelayan berdaftar/tidak berdaftar dengan Jabatan Perikanan / Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam Negeri Pulau Pinang pada tahun 2013, 2014 dan 2015 mengikut KADUN. Senaraikan jumlah nelayan pesisir pantai yang telah menerima bantuan pukat dari Kerajaan Negeri mengikut KADUN dalam tempoh tersebut sejak bantuan tersebut dilaksanakan.
9. Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) kawasan Projek ZIA Penaga ditunjukkan sebagai hutan (paya bakau), sensitif alam sekitar yang berisiko nyata terhadap bencana alam sekitar (tsunami) dan hutan paya bakau perlu dikekalkan, dipulihara dan diwartakan. Adakah kawasan ini telah diwartakan sebagai hutan simpan selaras dengan RSNPP?
10. Lanjutan kepada soalan RSNPP 2020 mengenai Projek ZIA Penaga yang menunjukkan sebagai hutan paya bakau :-
 - (a) Adakah terdapat pengubahan zon hutan dibuat?

- (b) Jika ada, adakah pengubahan dibuat berdasarkan tatacara pengubahan Rancangan Struktur di bawah seksyen 11b Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (APBD)?
- (c) Nyatakan status DEIA?
11. Selanjutnya mengenai RSNPP 2020 berkaitan Projek ZIA Penaga :-
- (a) Adakah permohonan kebenaran merancang telah dikemukakan dan apakah statusnya?
- (b) Adakah penduduk-penduduk Taman Penaga/Taman Kuala Bekah/kampung-kampung berdekatan yang bersempadan dengan tapak projek akan dimaklum dan diberi peluang untuk menyatakan bantahan mereka melalui notis lot berjiran seksyen 21(6) APBD?
12. Berhubung dengan penjualan tanah Taman Manggis oleh Kerajaan Negeri kepada KLIDC Sdn. Bhd. (KLIDC), kenapa tanah Taman Manggis Request For Proposal (RFP) telah diberi kepada KLIDC pada tahun 2010, sedangkan penyata audit KLIDC bagi tahun itu menyatakan KLIDC mempunyai negative assets termasuk keraguan auditor samada KLIDC boleh meneruskan perniagaannya?
13. Mengenai penjualan rumah banglo Jalan Pinhorn kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang oleh Phang Li Koon dengan harga jualan RM2.8 juta yang amat rendah jika dibanding dengan harga pasaran yang dikatakan bernilai RM5 juta hingga RM6 juta, sila jelaskan kenapa murah sangat harga jualan yang dibayar oleh Y.A.B.Ketua Menteri.
14. Adakah benar selepas diketahui umum bahawa berlakunya pertukaran syarat-syarat kegunaan tanah Taman Manggis seperti di atas, Kerajaan Negeri kemudiannya menukar kelulusan kepada 33% bagi hotel/apartment dan 66% bagi pusat perubatan. Adakah perubahan ini boleh menyebabkan ketidakadilan kepada pembida-pembida lain?
15. Berhubung dengan tanah Taman Manggis, sila jelaskan dengan terperinci kenapa Kerajaan Negeri masih memberi kelulusan kebenaran merancang dan kebenaran bangunan kepada KLIDC walaupun penyata akaun KLIDC menunjukkan negative assets, tiada pekerja dan tiada pendapatan (revenue)?
16. Mengenai tanah Taman Manggis, sila jelaskan kenapa Kerajaan Negeri memperbaharui dan melanjutkan tempoh pajakan sehingga maksima 99 tahun pada April 2015?
17. Setelah dibuktikan bahawa wujud suatu (perjanjian) jual beli saham dalam KLIDC, adakah Kerajaan Negeri mengambil apa-apa tindakan terhadap KLIDC kerana tanah Taman Manggis adalah untuk rakyat termiskin dan berpendapatan rendah di Pulau Pinang?
18. Adakah benar bahawa penilaian masa kini tanah Taman Manggis dan projek sekitar bernilai RM70.6 juta dari RM11.5 juta walaupun tiada kerja-kerja fizikal telah dilaksanakan atas tanah tersebut selepas hampir enam tahun dijual oleh Kerajaan Negeri kepada KLIDC?
19. Tanah Taman Manggis tidak dibangunkan oleh KLIDC hampir enam tahun selepas diawardkan, kenapa Kerajaan Negeri tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap KLIDC?
20. Sila senaraikan dengan terperinci tanah-tanah kepunyaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk tanah-tanah dipegang oleh agensi dan anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dijual oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2008. Nyatakan tarikh perjanjian jual beli, nama pembeli, lot- lot tanah, daerah dan harga jualan tanah-tanah tersebut?

21. Mengenai Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dan pembinaan tiga buah pulau baru yang dirancang oleh Kerajaan Negeri, adakah kajian saintifik telah dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik berhubung dengan pembinaan tiga pulau tersebut? Jika ada, sila nyatakan nama syarikat yang dilantik, hasil kajian tersebut, tarikh bermulanya kajian tersebut dan kos?
22. Berkaitan dengan pembinaan tiga pulau di selatan Pulau Pinang yang akan menjadikan pendapatan nelayan-nelayan di kawasan tersebut, adakah Kerajaan Negeri akan memberi pampasan kepada mereka dan nyatakan jumlahnya?
23. Sila nyatakan jumlah kemalangan jalan raya di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kes-kes kemalangan jalan raya?
24. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memberi bantuan kepada petani-petani yang mana penanaman padi di sawah mereka terjejas akibat daripada kesan cuaca panas El Nino ?
25. Adakah Kerajaan Negeri bercadang memberi bantuan lain kepada nelayan-nelayan dalam Negeri Pulau Pinang selain daripada bantuan pukat yang dilaksanakan sekarang?
26. Sila jelaskan kenapa pemilihan Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid Penaga yang telah ditetapkan pada 20/2/2016 (Sabtu) ditangguhkan kepada 19/3/2016 (Sabtu) setelah diumumkan pada hari Jumaat, 11/3/2016? Adakah ia mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)?
27. Sila jelaskan syarat-syarat kelayakan untuk memohon tanah berstatus Lesen Pendudukan Sementara (TOL)? Nyatakan jumlah penerima, nama-nama penerima, nombor lot tanah dan tujuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri dalam kawasan Seberang Perai Utara (SPU) sejak tahun 2008 sehingga 2016.
28. Nyatakan jumlah pelancong asing yang datang ke Pulau Pinang pada tahun 2015 dan jumlah yang menginap di homestay dalam Pulau Pinang termasuk di Kota Aur? Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menarik pelancong ke KADUN Penaga termasuk melawat perusahaan nira?
29. Dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid dalam Negeri Pulau Pinang 2016, adakah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menggunakan budi bicaranya menggantikan mana-mana Penggerusi atau AJK lain yang menang secara pemilihan dengan orang yang lain? Jika ada, sila senaraikan nama masjid-masjid yang terlibat dan beri sebab-sebab secara terperinci?

(VIII) Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk melakukan pemberian awan bagi menangani keadaan cuaca yang panas membahang di Pulau Pinang?
2. Memandangkan keadaan cuaca yang panas terik tanpa hujan, adakah dam atau empangan air yang ada di Pulau Pinang dapat membekalkan sumber air yang bersih kepada para penduduk? Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai cadangan untuk mengadakan catuan air bagi menghadapi kemungkinan bekalan air yang terputus?
3. Kontraktor jalan dan parit yang dilantik oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) rata-rata tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Adakah pihak MBPP mempunyai cadangan untuk mengadakan kajian semula kontrak pada setiap enam bulan untuk memastikan kontrak mereka diteruskan atau ditamatkan? Adakah pandangan YB kawasan dan Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK) sesuatu kawasan penting dalam kajian semula kontrak tersebut?
4. Kebanyakan kompleks Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah dinaik taraf. Adakah kompleks MBPP di DUN Batu Uban seperti di Lebuh Nipah Taman Lip Sin, Taman Tun Sardon dan lain-lain lagi dalam perancangan untuk dinaik taraf agar dapat mencerminkan identiti Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan imej MBPP yang telah dinaik taraf?

5. Penjaja tanpa lesen dalam kalangan warga asing semakin meningkat di seluruh Pulau Pinang termasuk di Batu Uban. Adakah bahagian pelesenan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sedar akan kehadiran tetamu yang tidak diundang ini dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak pelesenan?
6. Jabatan Veterinar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menangkap anjing-anjing liar untuk dimusnahkan dalam membendung ancaman wabak rabies. Adakah tindakan Kerajaan Negeri ini mendapat kecaman daripada pencinta haiwan? Adakah Jabatan Veterinar memusnahkan anjing itu sebelum seekor anjing itu disahkan mempunyai penyakit tersebut?
7. Apakah tindakan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pemilik-pemilik rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang menyewakan rumah mereka kepada warga asing?
8. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Agenda Ekonomi Saksama (AES) untuk membantu golongan daif di Pulau Pinang. Sehingga tahun ini, sudah berapa orang yang telah menerima bantuan tersebut?
9. Kerosakan lif telah menjadi satu kelumrahan di kebanyakan pangaspuri. Setakat hari ini berapakah bilangan dan di mana rumah flat kos rendah dan sederhana rendah yang telah berjaya mendapat bantuan kewangan daripada Bahagian Perumahan untuk membaiki atau menaik taraf lif yang rosak?
10. Kes jenayah kian berleluasa susulan kegawatan ekonomi. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk memasang CCTV di kawasan-kawasan perumahan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi?
11. Pembinaan jajaran alternatif Jalan Gottlieb - Jalan Bagan Jermal, bolehkah ia dibina jauh dari kawasan perumahan dan perniagaan? Adakah penduduk dan ahli perniagaan telah diberikan gambaran sebenar tentang jarak kemudahan infrastruktur ini dan kesannya kepada tempat kediaman dan tempat perniagaan mereka?
12. Sila nyatakan sama ada Pan Island Link (PIL) yang bakal dibina itu mempunyai dua lorong atau tiga lorong pada masa penyerahan Feb 2015? Adakah berlakunya sebarang perubahan? Jika ya, mengapa?
13. Apakah rasionalnya bagi pembinaan lapan lorong di sepanjang Lebuhraya Gurney? Adakah lorong-lorong tersebut akan dikhaskan untuk kereta peribadi, pengangkutan awam, penunggang motosikal, penunggang basikal dan pejalan kaki?
14. Pembinaan Lebuhraya Gurney yang akan menghubungkan terowong laut yang dicadangkan oleh PIL dan jalan berkembar North Coast melalui Seri Tanjung Pinang Fasa 1 dan Jalan Tanjung Bunga memperlihatkan tempoh siap kerja yang tidak sama. Adakah ketiga-tiga projek mega itu diintegrasikan secara holistik dan mengikut perancangan secara keseluruhannya?
15. Pembinaan Lebuhraya Gurney di bawah tanah dan pembinaan benteng di sepanjang kawasan tersebut adalah untuk mengurangkan kebisingan bunyi kenderaan dan asap di kawasan tempat awam. Adakah pihak kerajaan atau pemaju telah mendapat maklum balas daripada orang awam untuk mengetahui isu-isu berbangkit dan kebimbangan orang ramai terhadap aspek keselamatan?
16. Apakah jaminan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa bukit-bukit yang ada di Pulau Pinang tidak akan digunakan untuk tujuan pembangunan dan pemotongan lereng bukit untuk tujuan penyediaan infrastruktur jalan raya?
17. Agenda *Cleaner, Greener Penang* telah diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2010. Sila nyatakan berapa batang pokok yang perlu ditebang untuk membolehkan pembinaan infrastruktur aras tinggi LRT di Pulau Pinang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk melindungi pokok-pokok di kawasan bandar kita?

18. Apakah program penjanaan sumber yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu ibu-ibu tunggal dan golongan warga tua yang hidup sebatang kara?
19. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai usaha untuk membekalkan kemudahan internet berkelajuan tinggi kepada para penduduk bagi mengantikan kemudahan internet yang sedia ada?
20. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutama sekali pejabat Timbalan Ketua Menteri 1 (TKM 1) membuat kajian sebab-sebab kebanyakannya Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK) yang ada hidup segan mati tidak mau? Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai usaha untuk memperkasakan JKKK yang sedia ada?
21. Bagaimanakah tiga lebuh raya iaitu jalan lingkaran luar PORR yang asal yang berakhir di Farlim, cadangan MBPP untuk membina jalan berkembar Air Itam - Relau dalam masa terdekat dan SRS mencadangkan Penang Island Link Expressway disepadukan dalam hubungan sistem penyuraian trafik?
22. Bilakah Pasukan Bantuan Sukarela (PBS) akan dilancarkan secara besar-besaran?
23. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai cadangan untuk menaikkan elauan pengurusi, setiausaha dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK) seiring dengan kenaikan gaji wakil rakyat dan EXCO Kerajaan Negeri.
24. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengikut jejak Singapura yang memberikan peruntukan kepada rumah-rumah flat yang kelihatan kusam untuk dicat semula secara berkala?
25. Adakah setiap Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK) diberikan peruntukan untuk menjayakan program pengasingan sisa pepejal yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat?
26. DUN Batu Uban merupakan satu-satunya kawasan yang tidak mempunyai pasar awam milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk mewujudkan sebuah pasar awam yang sistematik untuk memenuhi keperluan penduduk setempat?
27. Sejak 2008, apakah perubahan/rombakan struktur organisasi dalam *Hindu Endowment Board*? Adakah pertubuhan itu mempunyai peruntukan enakmen untuk menyokong perubahan tersebut? Sila kemukakan perincian jumlah elauan yang telah dibayar kepada anggota pertubuhan tersebut?
28. Bolehkah Kerajaan Negeri mengemukakan maklumat berhubung dengan projek pembersihan Sungai Pinang yang tercemar dengan menggunakan teknologi nano? Berapakah jumlah kontrak tersebut dan bilakah proses bidaan tender untuk projek itu dibuat? Adakah pandangan dan nasihat daripada pakar diperoleh untuk mengesahkan kesesuaian teknologi nano yang belum terbukti berkesan/keunggulannya?
29. Adakah tindakan *Penang Development Corporation* (PDC) ini memperlihatkan Kerajaan Negeri lebih mengutamakan pembinaan asrama warga asing daripada rumah kos rendah/sederhana kepada penduduk tempatan? Apakah rasional dan namakan syarikat yang berjaya memenangi bidaan tender itu? Apakah tanah itu akan diperdagangkan untuk tujuan mengaut keuntungan?
30. Kini pertubuhan Hindu Endowment Board meminta wang daripada para penganut untuk aktiviti keagamaan, sila jelaskan apakah pertubuhan itu mempunyai hak untuk berbuat demikian?

(IX) Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila berikan statistik harta tanah warisan kelas 1 dan kelas 2 yang telah ditukar milik kepada warga asing selepas George Town disenaraikan sebagai tapak warisan dunia.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk meminda atau menggubal enakmen berkenaan untuk mengehadkan warga asing membeli harta tanah warisan?
2. Sila berikan maklumat terperinci tentang Request For Proposal (RFP) Pembangunan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong.
 - (a) Sila nyatakan tapak alternatif bagi tempat buangan sisa bahan binaan dan sisa pukal.
3. Apakah status terbaru bagi projek laluan basikal?
 - (a) Apakah masalah/cabarannya yang dihadapi semasa menjalankan projek tersebut?
 - (b) Apakah cara penyelesaiannya?
 - (c) Sila berikan maklumat terperinci tentang rancangan laluan basikal di tapak warisan.
4. Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam usaha mengambil alih pengurusan dan operasi perkhidmatan feri?
5. Sila nyatakan hasil daripada projek perintis bagi Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di setiap kategori.
 - (a) Bagaimanakah kerajaan menjalankan projek perintis tersebut.
 - (b) Apakah masalah yang dihadapi semasa menjalankan projek tersebut?
6. Sila berikan jumlah amanun bagi Tabung Amanah Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Sila berikan statistik bilangan permohonan yang diterima sejak tabung ini ditubuhkan.
 - (b) Sila nyatakan maklumat lanjut tentang pemohonan yang diluluskan.
7. Berapakah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah siap dibina di Negeri Pulau Pinang sejak dilancarkan sehingga kini?
 - (a) Sila nyatakan dengan terperinci tentang tahun, pihak pembina, sumber dana dan pemilik tanah bagi setiap projek.
 - (b) Setakat ini, adakah apa-apa projek PPRT yang dirancang di Negeri Pulau Pinang?
8. Sila nyatakan laporan tentang usaha Penang Development Corporation (PDC) membeli balik unit premis swasta dalam bangunan KOMTAR.
 - (a) Terdapat banyak pemilik mengadu tidak terima surat tawaran. Bagaimanakah PDC bercadang untuk menyelesaikan masalah ini?
 - (b) Adakah PDC akan meneruskan usaha ini bagi unit-unit yang belum respon atau merayu untuk harga yang lebih tinggi?
 - (c) Adakah penilaian akan dibuat semula?

9. Berapakah harta tanah yang telah dibeli oleh Kerajaan Negeri atau agensi-agensi di bawahnya di Tapak Warisan George Town sejak tahun 2008 di bawah seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960?
 - (a) Apakah kegunaan bagi setiap unit harta tanah yang telah dibeli?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk terus membeli harta tanah di tapak warisan?
10. Adakah kerajaan merancang untuk menaik taraf Hospital Besar Pulau Pinang (GH) memandangkan ia tidak mampu menampung pesakit yang kian meningkat?
11. Banyak pengusaha di tapak warisan tidak mempunyai lesen premis disebabkan menghadapi kesukaran untuk memohon tukar guna bangunan. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhasrat untuk mempermudahkan prosedur permohonan tersebut dengan hanya mengemukakan Pelan Bangunan tanpa Pelan Kebenaran Merancang?
12. Berapakah jumlah sisa-sisa yang dihantar ke tapak pelupusan sampah Pulau Burung pada setiap hari?
 - (a) Berapakah kos pelupusan yang diperlukan untuk kesemua sisa?
 - (b) Sila senaraikan kategori dan jenis sisa-sisa yang ada bersama bilangan bagi setiap kategori.
 - (c) Bilakah tapak tersebut akan dinaiktaraf?
13. Berapakah jumlah hasil fi kerajaan tempatan yang telah dikumpul sejak ia dilaksanakan?
 - (a) Sila nyatakan kegunaan hasil fi tersebut bersama jumlah dikumpul setakat ini.
 - (b) Berapakah bakinya dan apakah rancangan untuk baki tersebut?
 - (c) Bolehkah fi tersebut digunakan untuk tabung tapak warisan bagi membaik pulih bangunan warisan?
14. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk merealisasikan cadangan saya yang dicadangkan pada Dewan Undangan Negeri (DUN) yang lepas iaitu menuuhkan Tabung Tapak Warisan Dunia yang berjumlah RM10 juta buat pertama kali khas kepada kerja pemeliharaan dan pemulihan bangunan usang di Tapak Warisan Dunia George Town?
15. Berapa kali operasi menyelamatkan kutu rayau dan pengemis diadakan setiap tahun?
 - (a) Mengapakah masih banyak kutu rayau walaupun operasi telah dijalankan?
 - (b) Adakah rumah transit seperti anjung singgah akan ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri?
 - (c) Sila berikan laporan analisis terhadap kutu rayau/pengemis secara mentaliti dan psikologi.
16. Sila nyatakan statistik permohonan dan kelulusan bagi Penang Future Foundation serta jelaskan bantuan yang telah disalurkan.
 - (a) Sila nyatakan jumlah permohonan yang diluluskan bagi bantuan pendaftaran pelajar ke institut pengajian tinggi (IBITA) mengikut tahun.

17. Bagaimanakah kerajaan mengalakkan rakyat bukan bumiputera memohon kerja kakitangan awam?
 - (a) Bolehkah prosedur pengambilan dipermudahkan dan dipercepatkan kerana pemohonan tersebut mungkin mengambil masa beberapa bulan.
 - (b) Sila nyatakan nisbah terbaru bangsa kakitangan awam yang bekerja di Kerajaan Negeri.
18. Sila berikan bilangan tandas yang diberi pemarkahan dalam Pertandingan Kebersihan Tandas Pulau Pinang mengikut kategori. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tandas yang gagal? Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berniat untuk menambah bilangan tandas di tapak warisan seperti di Little India? Apakah perbezaan antara tandas yang kutip dan tidak kutip bayaran?
19. Adakah kerajaan merancang untuk membina bangunan tempat letak kereta dengan sistem parking robotik atau automated parking system seperti yang saya pernah cadangkan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) yang lepas?
 - (a) Jika tidak, bagaimanakah kerajaan merancang untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta yang semakin serius di kawasan George Town?
20. Apakah status terbaru pelaksanaan analisis data besar di Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Sila senaraikan ahli-ahli di Majlis Telekomunikasi Negeri (PCC).
 - (b) Apakah pencapaian Majlis Telekomunikasi Negeri sejak ia ditubuhkan?
21. Bagaimanakah Kerajaan Negeri berusaha menaik taraf kelajuan jalur lebar supaya dapat mencapai kelajuan purata internet yang sama seperti bandar antarabangsa pada masa akan datang?
 - (a) Apakah status terbaru pelaksanaan pemasangan *Fiber Forward Penang* (FFP)?
22. Masalah burung gagak di kawasan George Town kian serius, terutamanya di laluan pejalan kaki sepanjang Jalan Macalister di KADUN KOMTAR. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pernah mencadangkan beberapa kaedah penyelesaian dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (MJKTD) tetapi tidak berkesan, apakah penyelesaian lain yang boleh diambil oleh PBT?
23. Apakah faktor utama Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang(LTAPP) perlu diperluaskan?
 - (a) Bagaimanakah LTAPP bercadang untuk menaik taraf atau memperluaskan lapangan terbang?
 - (b) Berapakah pesawat kargo udara yang menggunakan LTAPP?
 - (c) Adakah tempat letak kereta bertingkat akan dibina untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta yang sedia ada?
24. Adakah pihak PBT akan melaksanakan cara pembayaran secara ansuran bagi pengusaha yang menyumbang kepada sumbangan tempat letak kereta seperti yang saya cadangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) yang lepas?
25. Sila nyatakan status terkini tentang projek pembinaan asrama pekerja asing.
 - (a) Apakah masalah yang dihadapi dalam usaha menyediakan asrama tersebut?
 - (b) Apakah insentif yang akan diberi kepada pihak yang berinisiatif untuk membina asrama tersebut?

26. Sila senaraikan dengan terperinci penggunaan RM500 juta Tabung Perumahan Mampu Milik oleh Penang Development Corporation (PDC) untuk membina rumah mampu milik dalam negeri.
- Berapakah baki yang tinggal dalam tabung tersebut?
 - Adakah kerajaan merancang untuk menggunakan tabung tersebut dengan membeli tanah baru untuk tujuan menambahkan bank tanah bagi pembinaan projek perumahan mampu milik?
27. Sila jelaskan struktur pengurusan dan kedudukan kewangan semasa PDC Setia Urus.
- Adakah hak pengurusan projek rumah mampu milik yang sedang dibina akan diserahkan kepada PDC Setia Urus pada masa depan?
 - Jika ya, apakah rancangan PDC Setia Urus untuk memantapkan lagi pengurusan?
28. Berapakah bantuan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) daripada Penang Development Corporation (PDC) yang telah diluluskan sehingga kini?
- Sila senaraikan jumlah kelulusan bagi setiap permohonan mengikut kategori pemohon.
 - Adakah terdapat pihak yang berhutang? Jika ya, berapakah jumlah hutang ketika ini?
29. Bagaimanakah kerajaan mengambil langkah untuk melindungi dan membangunkan sektor beca seperti yang saya cadangkan dalam dun yang lepas?
- Adakah kerajaan merancang untuk menyediakan satu rumah transit bagi penunggang beca mengemasukan diri atau rehat?
 - Agensi manakah yang bertanggungjawab untuk mengkaji isu ini?
30. Setelah usaha kedua-dua pihak kerajaan dan swasta, bilangan bangunan usang di tapak warisan kian menurun, akan tetapi masalah masih wujud, bukan sahaja menjelaskan imej bandar, juga menjadi tempat pemberian nyamuk aedes dan bahaya, adakah kerajaan negeri merancang untuk membeli bangunan tersebut? Sila nyatakan bilangan bangunan usang di tapak warisan.
- (X) Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
- Dalam dua (2) tahun penggunaan teknologi iQPR (Infinitesimal Quantum Persistent Reflection), adakah rawatan pemulihan air di Sungai Pinang mencapai sasaran yang dijangkakan? Jika tidak, apakah usaha yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi pencemaran di Sungai Pinang?
 - Apakah nilai ekonomi kerja domestik yang dilakukan oleh suri rumah tangga? Adakah Kerajaan Negeri mengiktiraf nilai ekonomi yang disumbangkan oleh golongan tersebut?
 - Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk menjamin bekalan air yang mencukupi semasa musim kemarau yang kian meruncing?
 - Berapakah bilangan kilang tempatan dan kilang asing yang terlibat dalam proses memberhentikan pekerja sejak tahun 2014 hingga sekarang? Berapakah bilangan pekerja yang diberhentikan dalam tempoh yang sama?
 - Nyatakan statistik bilangan ibu tunggal dan ibu tinggal yang telah berdaftar dengan program emas mengikut kaum di setiap daerah. Apakah perancangan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ini yang semakin meningkat? Adakah Kerajaan Negeri mempunyai hasrat menjalankan program tertentu untuk mengurangkan bilangan keluarga ibu tunggal disebabkan penceraian?

6. Apakah statistik kes rogol dan kes keganasan rumah tangga setakat ini? Nyatakan usaha atau tindakan pihak berkuasa untuk menangani isu ini.
7. Nyatakan statistik jumlah pendaftaran pemohon untuk membeli rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah mampu milik mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang setakat ini. Senaraikan jumlah pemohon yang masih dalam senarai menunggu.
8. (a) Adakah kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merancang untuk menyelaraskan kadar bayaran dan waktu kutipan sistem letak kereta untuk mengelakkan kekeliruan orang awam terutamanya pelancong-pelancong?
 (b) Bagaimanakah pelaksanaan Sistem Alatan Prabayar (SPG) dan apakah keberkesanannya sistem SPG ini?
9. Apakah rancangan jangka pendek atau jangka panjang Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam usaha menangani isu tangkapan anjing liar dan anjing terbiar? Adakah kerajaan memberi subsidi sebagai dorongan kepada NGO yang menyediakan perkhidmatan mengawal dan menangani isu anjing terbiar?
10. Permohonan pindah milik dalam strata title untuk pangsapuri dan rumah pangsa sering menghadapi masalah seperti pemaju tidak dapat dikesan, telah bankrap dan sebab-sebab yang lain. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membantu mereka mempercepatkan proses pemindahan nama pemilik dalam strata title ini?
11. Nyatakan jumlah tabung caruman RIBI di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setakat ini.
 - (a) Berapakah bilangan RIBI yang membuat permohonan ke atas tabung tersebut dan jumlah keseluruhan perbelanjaan penyelenggaraan yang dipohon?
 - (b) Sila senaraikan secara terperinci.
12. Sila senaraikan bilangan pusat asuhan kanak-kanak yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat?
13. Berapakah bilangan pusat jagaan kanak-kanak yang berlesen dengan Pihak Berkuasa Tempatan setakat ini? Senaraikan juga pusat-pusat yang tidak berlesen dan apakah sebabnya pusat jagaan kanak-kanak ini tidak berlesen?
14. Nyatakan permintaan dan garis panduan terhadap pusat jagaan kanak-kanak. Apakah peranan dan inisiatif daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu melesenkan mereka?
15. Projek *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) berjaya mentransformasikan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai menjadi model pembangunan masyarakat. Setakat ini, adakah Projek GRPB ini diimplementasikan oleh mana-mana pihak swasta bersama MMK Wanita, Keluarga & Komuniti dan *Penang Women Development Corporation* (PWDC) melalui *Corporate Social Responsibility* (CSR) demi pembangunan dan kebajikan masyarakat? Sila huraikan dengan terperinci.
16. Ekonomi yang merosot, keadaan komuniti yang semakin rumit dan lain-lain mengakibatkan ramai orang menghadapi tekanan jiwa. Apakah rancangan dan tindakan Kerajaan Negeri untuk membantu mereka yang menghadapi tekanan jiwa ini? Sila huraikan dengan terperinci.

17. Statistik bilangan bunuh diri yang semakin meningkat amat membimbangkan. Nyatakan dengan terperinci statistik kes bunuh diri sejak tahun 2013 hingga kini. Apakah usaha Kerajaan Negeri yang telah dan akan dilakukan untuk membantu mengurangkan kes-kes bunuh diri?
18. Jawapan bertulis mesyuarat Dewan yang lepas memaklumkan Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai cadangan untuk menambah kekerapan laluan bas dari Bandar Sri Pinang ke pusat Jelutong. Bilakah ia akan direalisasikan dan nyatakan dengan terperinci liputan perjalanan bas melalui Bandar Sri Pinang ke pusat Jelutong.
19. Sila senaraikan semua Request for Proposal (RFP) yang telah diterima, dalam proses dan diluluskan setakat ini.
21. Setakat manakah senarai semakan gender untuk reka bentuk bandar dan perumahan (gender checklist for urban design and housing) diguna pakai? Apakah impak kegunaan senarai semakan ini ke atas kesaksamaan gender?
22. Sila senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh agensi kerajaan dalam KADUN Sungai Pinang sejak tahun 2013 hingga kini. Apakah projek yang telah dirancang atau akan dijalankan pada tahun 2016 dan 2017?
23. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan program teknologi hijau berkaitan penjanaan tenaga berdasarkan solar? Perkara ini dilihat mampu memberi pulangan yang baik dan sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga berasaskan gas dan petroleum.
24. Sejauh manakah keberkesanannya penggunaan CCTV dalam mengawal lalulintas, jenayah dan pendidikan awam? Apakah langkah-langkah bersepada yang telah dijalankan diantara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) misalnya dalam memanfaatkan kemudahan ini?
25. Untuk membantu golongan miskin, adakah Kerajaan Negeri merancang menambahkan pembangunan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) ? Jika ya, dimana ? Adakah pembangunan PPRT baru dirancang untuk kawasan Daerah Timur Laut ?
26. Apakah status terkini tentang Projek Perumahan Rakyat Malaysia (PR1MA) di Negeri Pulau Pinang ?
27. Apakah respon dan status terkini pelaksanaan projek pemutihan ke atas pusat jagaan kanak-kanak ?
28. Untuk menggalakkan rakyat jelata terutama remaja dan golongan bekerja waktu pejabat mengamalkan aktiviti sihat, Kerajaan Negeri harus mempopularkan senaman selepas waktu pejabat.
 - (a) Adakah terdapat tempat awam yang sesuai untuk senaman selepas waktu pejabat?
 - (b) Adakah Stadium Bandaraya akan dibuka selepas waktu pejabat kepada orang awam untuk tujuan senaman?
29. Pencemaran Sungai Pinang masih berterusan akibat daripada kumbahan domestik dan industri di sepanjang sungai ini. Untuk jangka panjang, dicadangkan Kerajaan Negeri menubuhkan satu Pasukan Khas (Special Committee) yang bertanggungjawab memantau dan mengurus pembersihan Sungai Pinang.
30. Apakah perancangan terkini Kerajaan Negeri di perkampungan setinggan atas air / paya yang dihimpit arus seperti di Tokong Batu dan Kota Giam yang terletak di lot 10042 (pt.36) dan lot 10043 (pt.37), Seksyen 1, Bandar Jelutong di dalam KADUN Sungai Pinang ?

(XI) Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rayer) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah bekalan air di semua empangan Negeri Pulau Pinang mampu membekalkan air yang mencukupi semasa musim kemarau ini?
2. Berapakah jumlah kenderaan-kenderaan yang ditunda oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) setiap bulan untuk kesalahan-kesalahan seperti meletakkan kenderaan di tempat yang salah ataupun kesalahan meletakkan kenderaan di no parking zone?
3. Apakah status cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengambil alih pengurusan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang (PPC)?
4. Apakah status projek perumahan mampu milik yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan khususnya di kawasan Parlimen Bukit Gelugor dan di kawasan Dewan Undangan Negeri Seri Delima?
5.
 - (a) Berapakah jumlah pekerja asing yang bekerja dengan syarikat persendirian yang diberi kontrak pengutipan sampah oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)?
 - (b) Bolehkah MBPP mewajibkan syarikat-syarikat ini menggaji pekerja tempatan dan bukan pekerja asing?
6. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah lebih banyak pusat haemodialisis selain daripada yang ada sekarang di Balik Pulau?
7. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk memulakan perkhidmatan bas awam percuma seperti yang dilakukan di Selangor?
8. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan semula perkhidmatan tram di George Town sebagai satu cara pengangkutan dan juga sebagai satu tarikan pelancong?
9. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memperkenalkan satu sistem seperti di Singapura dan Australia, yang menghadkan kemasukan kenderaan ke dalam bandar George Town terutamanya semasa waktu puncak untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas jalan raya?
10. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa rancangan baru untuk meroboh dan membina semula rumah-rumah mampu milik di kawasan perumahan seperti Taman Free School dan Taman Tun Sardon?
11. Sila berikan bilangan pengunjung atau pelancong yang telah melawat Pulau Jerejak dan Bukit Bendera dari Januari 2015 sehingga Januari 2016?
12. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengenakan surc妖 tambahan kepada pengusaha-pengusaha cuci kereta untuk mengelakkan pembaziran air yang keterlaluan terutamanya semasa musim kemarau yang sedang melanda negara kita sekarang?
13. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mempelopori teknologi menukar air laut kepada air minuman dan air untuk kegunaan domestik seperti Singapura, New Zeland dan India?

(XII) Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengatasi masalah air yang tidak mencukupi akibat musim panas El Nino yang melanda Malaysia. Khususnya dalam bidang pertanian, masalah penanaman padi menjadi masalah utama bagi petani kerana ketiadaan bekalan air yang mencukupi akibat musim kemarau. Mohon langkah-langkah mengatasinya.

2. Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempertingkatkan pengeluaran padi di Negeri Pulau Pinang, sejauh manakah usaha itu berjaya? Mohon nyatakan statistik dari tahun 2013 sehingga kini:-
 - (a) Pengeluaran padi
 - (b) Jumlah kawasan padi di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah.
3. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam mempertahankan kawasan tanah pertanian khususnya kawasan penanaman padi yang mana merupakan makanan asasi rakyat Malaysia daripada ditimbun untuk tujuan lain dari pertanian.
4. Masalah kepadatan pesakit di wad-wad Hospital Seberang Jaya adalah amat ketara, apakah daya usaha Kerajaan Negeri bersama Kementerian Kesihatan bagi mengatasi masalah kepadatan tersebut?
5. Penyakit wabak demam denggi di Negeri Pulau Pinang adalah satu wabak yang serius. Apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengatasinya? Sila nyatakan statistik pesakit demam denggi bermula tahun 2013 sehingga kini berdasarkan setiap KADUN dalam Negeri Pulau Pinang.
6. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mewujudkan beberapa buah kerusi pilihanraya yang baru dalam Negeri Pulau Pinang bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 nanti?
7. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menambah elaun saguhati bagi program utama Kerajaan Negeri seperti skim penghargaan Warga Emas, Ibu Emas, Pelajar Emas dan lain-lain?
8. Apakah program-program yang diadakan di Negeri Pulau Pinang bagi menarik pelancong dalam dan luar negeri berkunjung ke Pulau Pinang? Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan dari tahun 2013 sehingga 2015 untuk aktiviti ini?
9.
 - (a) Berapakah keuntungan yang diperolehi oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sejak dikorporatkan bermula tahun 2008 sehingga kini.
 - (b) Adakah PBAPP mempunyai anak syarikat. Apakah fungsi anak syarikat tersebut.
10. Berapakah bilangan graduan dari Negeri Pulau Pinang yang masih menganggur dan nyatakan:-
 - (a) Mengikut etnik.
 - (b) Mengikut daerah.
11. Sehingga tempoh suku ketiga 2013 sehingga suku ke empat 2014, mohon pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) nyatakan bilangan pengundi baru yang telah didaftarkan mengikut KADUN dalam Negeri Pulau Pinang. Mohon nyatakan bilangan pengundi yang telah bertukar alamat undi yang telah didaftarkan dalam tempoh tersebut.
12. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mewujudkan Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) sementara samada daripada agensi kerajaan atau parti politik untuk pendaftaran pemilih baru sahaja.
 - (a) Adakah SPR berhasrat untuk memperluaskan bidang kerja PPP sementara sebagai pendaftar pengundi yang ingin tukar alamat.
 - (b) Jika tidak boleh, nyatakan sebabnya.

- (c) Berapakah bilangan pemilih yang layak mengundi dalam Negeri Pulau Pinang yang masih belum mendaftar? Jika ada, nyatakan data terperinci mengikut KADUN atau Parlimen berdasarkan etnik.
13. Negeri Pulau Pinang pada zaman 60-an dan 70-an adalah generasi bola sepak dalam negara. Selepas itu, perkembangannya merosot, hanya dalam tahun 2016 pasukan bola sepak Pulau Pinang mula menyusul masuk ke dalam kelompok Liga Super 2016.
- (a) Apakah usaha dan langkah terperinci Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang,bukan sekadar mengekalkan kedudukan dalam Liga Super malah muncul kelompok terbaik dalam Piala Malaysia.
14. Berapakah jumlah kewangan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk membiayai pasukan bola sepak Pulau Pinang dari tahun 2014 hingga 2015?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat atau bercadang mengikut langkah pasukan bola sepak JDT dengan pembelian pemain tempatan atau import dan jurulatih yang berkaliber dan berpotensi tinggi untuk melonjakkan pasukan bola sepak negeri ke tahap yang lebih membanggakan.
15. Perkembangan sukan di Pulau Pinang telah melahirkan beberapa atlet yang ternama seperti Dato' Lee Chong Wei (badminton), Dato' Nicol David (squash) dan ramai lagi. Apakah langkah Kerajaan Negeri melalui EXCO Sukan dalam melahirkan lebih ramai lagi selepas pelapis ternama dalam pelbagai sukan di Negeri Pulau Pinang ini? Nyatakan perancangan dan proses yang dilaksanakan ke arah melahirkan atlet tersebut.
16. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan liga sukan yang mempunyai pelbagai disiplin sukan bagi tiap-tiap daerah atau Parlimen di dalam mewujudkan masyarakat Pulau Pinang yang cergas dan sihat serta melahirkan bakat-bakat sukan dari anak tempatan?
17. Masalah banjir kilat adalah perkara yang perlu dipandang serius dan kronik di Negeri Pulau Pinang. Tidak terkecuali KADUN Permatang Pasir.
- (a) Bagaimanakah perkembangan RTB Sungai Permatang Rawa yang melibatkan Kampung Permatang Rawa Mukim 8, Tanah Liat dan Taman Guru? Bila hendak dilaksanakan dan berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan untuk tujuan tersebut?
18. Masalah sistem peparitan di pekan Permatang Pauh yang sudah terlalu lama tidak dinaik taraf mengakibatkan parit tersumbat dan aliran air tersekat-sekat, mohon penjelasan serta langkah-langkah mengatasinya.
19. Masalah perumahan :-
- (a) Nyatakan jumlah bilangan rumah kos rendah atau sederhana rendah dan rumah mampu milik yang telah dibina mengikut daerah sehingga kini.
- (b) Adakah KADUN Permatang Pasir akan dibina rumah kos rendah, sederhana rendah atau rumah mampu milik? Jika ada, sila nyatakan tempat dan tarikh akan dibina serta bilangan unit yang akan dibina.
20. Nyatakan jumlah pemohon yang disenaraikan dalam senarai menunggu atau dalam proses tawaran rumah kos rendah, sederhana rendah atau mampu milik mengikut pecahan kaum sehingga bulan April 2016
21. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu membangunkan tanah-tanah pertanian yang terbiar hampir 10 tahun tidak diusahakan oleh pemilik tanah atas pelbagai sebab, agar tanah tersebut dapat dimanfaatkan bagi menambah hasil ekonomi negeri dan pemiliknya.

22. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengurangkan kes-kes jenayah untuk mencapai matlamat jenayah sifar di negeri ini?
23. Mohon pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), nyatakan jumlah kes jenayah dari pelbagai kesalahan yang berlaku di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah mulai tahun 2015 hingga April 2016.
24. Apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam meningkatkan bilangan usahawan serta mempertingkatkan pretasi usahawan bumiputera di Pulau Pinang?
25. Nyatakan jumlah pemberhentian pekerja dalam sektor perkilangan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2010 sehingga 2015. Sejauh manakah Kerajaan Negeri membantu penganggur yang diberhentikan oleh pihak majikan?
26. Adalah diakui oleh semua pihak bahwasanya peranan gerakan koperasi sebagai sektor ketiga terpenting di dalam pembangunan ekonomi negara selepas sektor awam dan swasta.
 - (a) Sila nyatakan bilangan koperasi yang aktif sehingga kini berdasarkan daerah.
 - (b) Nyatakan bilangan ahli.
 - (c) Jumlah modal dan aset.
27. Sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam perundingan antara Kerajaan Negeri dengan Persekutuan mengenai pembinaan projek monorel di Pulau Pinang?
28. Apakah peranan Penang Development Corporation (PDC) dalam usaha untuk membantu para usahawan terutamanya usahawan bumiputera melalui Kerajaan Negeri. Adakah peruntukan dalam bentuk bantuan kewangan akan ditambah atau dikurangkan dari sedia ada?
29. Apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memberi daya ketahanan kepada para usahawan Bumiputera melalui polisi Kerajaan Negeri.

(XIII) Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah kedatangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2011 hingga 2015 dan pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri? Perincikan pendapatan tersebut.
 2. (a) Sejak tahun 2008, berapa kaliakah tingkat 28 iaitu Pejabat Ketua Menteri telah diubah suai dan nyatakan kos ubah suai.
 - (b) Sila nyatakan dengan terperinci butir-butir ubah suai dan kos di Tingkat 28, KOMTAR, Pulau Pinang.
 3. Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah menuduh bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak dapat menyelesaikan isu kesesakan jalan raya di Pulau Pinang.
 - (a) Adakah isu tersebut telah selesai sehingga kini?
 - (b) Senaraikan secara terperinci nama jalan yang menghadapi kesesakan jalan raya sebelum tahun 2008. Daripada nama jalan tersebut, berapakah yang telah selesai kesesakan jalan raya sehingga kini?
 4. (a) Sejak tahun 2008, senaraikan tanah kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Penang Development Corporation (PDC) mengikut daerah, nombor lot, mukim dan keluasan sehingga 2015. Adakah tanah tersebut telah dipindah milik (dijual)?

- (b) Jika ada, senaraikan mengikut daerah, nombor lot, mukim, keluasan, harga pindah milik dan tujuan pembangunan.
5. (a) Semasa pemerintahan BN, pembinaan projek pembangunan di lereng bukit ialah 250 kaki dari paras laut . Adakah paras ketinggian 250 kaki bagi projek pembangunan tersebut masih dikenal.
- (b) Jika ada, senaraikan mengikut daerah, nombor lot, mk/pb, keluasan, tujuan pembangunan dan paras ketinggian dari paras laut yang diluluskan.
6. Mengenai Enakmen Kebebasan Maklumat (FOI), adakah enakmen tersebut mempunyai ketelusan? Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri berjanji akan membekalkan dokumen yang lengkap sekiranya dipohon oleh ADUN BN.
7. Adakah Kerajaan Negeri telah membuat kajian menyeluruh sebelum melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan (PTM) kerana jumlah pengguna pengangkutan awam masih rendah? Sila huraikan dengan terperinci jika kajian telah dibuat dan kemukakan pelan-pelan tersebut.
8. Saya tidak faham kenapa Y.A.B. Ketua Menteri membawa pemberita melawat tapak tanah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) disebalik kontroversi penjualan tanah Taman Manggis dan rumah yang dibeli oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Adakah pengurus PERDA atau sesiapa dalam PERDA mendapat keuntungan atau mempunyai kepentingan di atas perkara tersebut apabila tanah tersebut dijual bawah harga pasaran? Huraikan dengan terperinci.
9. (a) Benarkah dakwaan saya bahawa pemaju harta tanah yang akan membina kondominium mewah diberi kelulusan dengan segera?
- (b) Jika ada, senaraikan nama pemaju harta tanah,daerah, no.lot, mk/pb, lokasi, harga seunit, tarikh hantar plan dan tarikh plan yang diluluskan.
10. Berapa unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah telah dibina oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sejak tahun 2008 hingga 2015. Senaraikan mengikut daerah,mk/pb, jumlah unit, harga seunit.
11. Adakah benar dakwaan saya, bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat telah menjual tanah kerajaan iaitu tanah tebusguna dan tanah bukit. Jika benar, senaraikan mengikut daerah, no.lot, mk/pb, keluasan dan tujuan pembangunan.
12. (a) Boleh Y.A.B. Ketua Menteri mengemukakan minit mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) atau apa-apa arahan daripada Kerajaan Persekutuan mengenai penetapan harga rumah mampu milik berjumlah RM400,000.00 seunit?
- (b) Atas dasar apakah Kerajaan Negeri membina rumah mampu milik atas kadar RM400,000.00 seunit?
13. (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina projek Penang Sky Cab. Jika ada, bilakah projek tersebut akan bermula?
- (b) Nyatakan kos dan laluan projek tersebut. Adakah kajian EIA/DEIA telah dilaksanakan dan nyatakan kos kajian tersebut.
14. Adakah benar kenyataan saya bahawa pada bulan Mei 2015, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjual 100% iaitu 20 ekar tanah negeri yang bernilai RM30 juta kepada Jabil Circuit Singapore Pte Ltd dan pada Julai 2015 iaitu 49% daripada 6.8 ekar projek tanah negeri yang bernilai RM11.3 bilion kepada Temasek Holding dan EDIS yang dimiliki 100% kerajaan Singapura yang dianggap sebagai pelaburan asing?
15. Adakah penjualan tanah tersebut kepada Jabil Circuit Singapore Pte Ltd dan Temasek Holding dan EDIS dibuat melalui tender terbuka? Jika ada,kemukakan salinan surat perjanjian tersebut.

16. (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina LRT? Jika ada, nyatakan lokasi, jarak dalam km dan anggaran kos pembinaan.
 (b) Adakah kajian EIA/DEIA telah dilaksanakan dan nyatakan kos kajian tersebut.
17. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina pulau buatan? Jika ada, nyatakan lokasi, keluasan yang akan ditambah, cadangan pembangunan di atas pulau tersebut dan adakah laporan EIA/DEIA?
18. Adakah benar kenyataan saya, bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang gagal mematuhi standard spesifikasi keluasan lantai pembinaan rumah mampu milik seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu keluasan lantai 1,200 kaki persegi dengan harga RM400,000.00 seunit bagi PR1MA, sementara Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjual rumah berharga RM400,000.00 pada keluasan 900 kaki persegi sahaja? Huraikan.
19. Kenapakah setiap projek perumahan Kerajaan Persekutuan mesti dibawa ke peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri dan bukannya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)? Huraikan secara terperinci.
20. Senaraikan nama penerima, no. kad pengenalan dan alamat bagi program miskin tegar di KADUN Telok Bahang bagi tahun 2015.
21. Minit dan Penyata Persidangan bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga sehingga kini belum diterima ADUN, kenapakah masa untuk menyiapkannya mengambil masa empat bulan? Adakah konsep CAT oleh Kerajaan Negeri diamalkan? Huraikan.
22. Adakah Laporan Suruhanjaya Siasatan Struktur di Bangunan UMNO telah siap? Jika telah siap, adakah laporan tersebut akan dibentangkan dalam Persidangan DUN. Jika tidak, huraikan.
23. Mohon Kerajaan Negeri jelaskan mengapa terdapat pertambahan sebanyak 9.60 ekar tanah tebusguna pada Seri Tanjung Pinang (STP) Fasa 1 seperti yang diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam Bajet 2016 perkara no.25. Hal yang demikian kerana dalam pemerintahan BN, keluasan bagi STP Fasa 1 yang diluluskan hanya 240 ekar sahaja dan bukan 249.60 ekar. Mohon penjelasan apakah yang sedang berlaku.
24. Mohon Kerajaan Negeri untuk memaklum status pembayaran oleh Syarikat Ivory berkenaan pembelian projek Bayan Mutiara.
25. Mohon Kerajaan Negeri untuk mengemukakan status pengkajian feasibility bagi projek terowong bawah laut. Sekiranya terdapat kelewatan dalam menyempurnakan kajian tersebut, adakah syarikat yang mengendalikan kajian ini akan memberi pampasan kepada Kerajaan Negeri disebabkan kelewatan itu atau sebaliknya dimana Kerajaan Negeri perlu memberi pampasan kerana kelewatan melaksanakan projek tersebut. Sila jelaskan.
26. Dengan pembelian banglo, adakah integriti Y.A.B. Ketua Menteri telah tercemar dengan konsep Cekap, Akauntabiliti Dan Telus (CAT), kerana Y.A.B. Ketua Menteri adalah ketua kerajaan bagi Negeri Pulau Pinang. Huraikan dengan fakta secara terperinci.
27. (a) Apakah perbezaan rumah mampu milik yang disediakan oleh Kerajaan Negeri berbanding rumah PR1MA.
 (b) Bagaimana rumah mampu milik yang disediakan Kerajaan Negeri lebih baik daripada rumah PR1MA daripada segi harga, spesifikasi, kemasan, saiz unit dan kemudahan fasiliti komuniti.
28. Mengenai lawatan Y.A.B. Ketua Menteri ke luar negara melalui Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Invest Penang (IP) dan Penang Development Corporation (PDC) bagi tahun 2012, 2013, 2014, 2015 dan sehingga April 2016, senaraikan nama negara yang dilawati, tarikh, tahun, tujuan lawatan dan hasil yang diperolehi daripada lawatan tersebut. Huraikan dengan jelas, lengkap dan telus berdasarkan konsep CAT.

29. (a) Adakah rumah mampu milik Kerajaan Negeri ini diselenggara sewajarnya dan nyatakan siapakah yang bertanggungjawab untuk menyelenggara rumah tersebut.
- (b) Sejauh manakah penyelenggaraan rumah mampu milik Kerajaan Negeri ini disenggara dan nyatakan skop kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan.
30. Sejak 8 tahun kebelakangan ini, berapakah jumlah pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang:-
- (a) Mempunyai kepadatan yang telah ditambah melebihi pelan struktur asal.
- (b) Berapakah kepadatan tertinggi yang telah diluluskan berbanding dengan pelan perancangan asal Pihak Berkusa Tempatan (PBT)?

(XIV) Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah tindakan yang diambil terhadap lori-lori yang membawa muatan melebihi had yang sepatutnya terutama lori-lori yang membawa batu-bata, pasir, tanah merah dan simen?
- (a) Apakah peranan yang dimainkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Pihak Berkusa Tempatan (PBT), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menandatangani masalah seperti ini?
2. Berapakah jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kepada pemilik lori-lori yang membawa muatan melebihi had yang sepatutnya dari tahun 2011 hingga 2015?
 - (a) Berapakah kadar kompaun yang dikeluarkan oleh SPAD, JPJ dan PDRM terhadap pemilik lori tersebut?
 - (b) Berapa kompaun yang telah dan belum dibayar?
3. Selain daripada kompaun, apakah tindakan yang boleh diambil oleh spad dan jpj ke atas pemilik lori yang membawa muatan melebihi had yang sepatutnya?
4. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT) terhadap kuari-kuari yang beroperasi pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum termasuk lepas waktu kerja di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS)?
5. Sejak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menjalankan program pemutihan kilang tanpa kebenaran dan tambahan tanpa kebenaran, berapa kilang yang tidak berlesen telah dilesenkan di setiap daerah di kawasan Seberang Perai?
 - (a) Sila nyatakan bilangan kilang yang berlesen, dan kilang yang tidak berlesen tetapi telah diputihkan di KADUN Jawi.
6. Bilakah terminal bas dan terminal teksi akan dibina di pekan Nibong Tebal?
7. Berapa permohonan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang telah diluluskan oleh Jabatan Perumahan Negeri Pulau Pinang di setiap daerah dari tahun 2010 hingga 2015?
8. Berapa permohonan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang masih dalam senarai menunggu?
 - (a) Berapa projek rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang telah dibina oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2016? Sila nyatakan.

9. Berapakah Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2010 hingga 2015 setiap tahun?
 - (a) Berapakah pelan yang tidak mengikut syarat dan ditolak oleh MBPP dan MPSP?
 - (b) Berapa pemaju dan arkitek yang telah disenarai hitamkan oleh MBPP dan MPSP?
10. Sila nyatakan status terkini untuk projek pembinaan semula rumah yang sedia ada di Kampung Kalidonia dan Kampung Ladang Victoria KADUN Jawi, Seberang Perai Selatan (SPS) untuk penduduk-penduduk di situ.
 - (a) Sila nyatakan jenis rumah dan jumlah unit rumah yang akan dibina di tempat tersebut.
 - (b) Bilakah projek ini akan bermula?
11. Adakah projek MRF di depan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Byram mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS)?
 - (a) Adakah kesan pencemaran udara lanjutan daripada projek MRF ini kepada murid-murid di sekolah tersebut dipertimbangkan dalam kelulusan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)?
12. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau Jabatan Perumahan dalam membantu memperbaiki keadaan rumah-rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah yang ditinggalkan atau dibiarkan kosong sehingga menjadi tempat pembuangan sampah?
13. Sila nyatakan statistik kes kemalangan yang berlaku di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) bagi tahun 2015 dan 2016. Sila nyatakan mengikut jenis kenderaan.
 - (a) Sila senaraikan lokasi atau jalan kemalangan kerap berlaku di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS).
 - (b) Sila nyatakan SOP Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengadakan road block.
14. Berapa lama tempoh kelonggaran yang diberikan oleh Jabatan Imigresen kepada majikan yang berniat untuk memutihkan warga asing yang bekerja dengan mereka sehingga penutupan projek pemutihan warga asing?
 - (a) Adakah pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhak untuk mengambil tindakan ke atas warga asing yang dalam proses memohon pemutihan?
15. Sila senaraikan bilangan dan lokasi gerai-gerai di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) yang dimiliki oleh pejabat daerah dan tanah SPS.
 - (a) Berapakah kadar sewaan gerai tersebut dan berapa kekosongan lagi?
16. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk membina kolam renang awam di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) memandangkan di kawasan SPS masih tiada kolam renang awam setakat ini?
 - (a) Berapakah pengguna yang mengunjungi kolam renang awam di Seberang Jaya dan Jalan Betek setiap tahun? Sila nyatakan.
17. Berapakah billboard yang berlesen dan tidak berlesen di setiap kawasan pulau dan Seberang Perai? Sila nyatakan statistik mengikut daerah dari tahun 2011 hingga Mac 2016.
 - (a) Berapa billboard tidak berlesen telah diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)?

18. Berapa peruntukan yang disalurkan untuk pembangunan desa dan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan kampung seperti pembinaan jalan mini tar, pembinaan parit konkrit, pemasangan tiang lampu jalan kampung setiap tahun?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menambah peruntukan untuk pembangunan dan penyelenggaraan kerja-kerja di kawasan kampung terutama di KADUN Jawi Seberang Perai Selatan (SPS)?
19. Sila nyatakan jumlah bangunan tinggi yang usianya melebihi 10 tahun yang hantar dan tidak hantar laporan penyelenggaraan bangunan kepada PBT di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Apakah tindakan yang diambil oleh pbt jika laporan penyelenggaraan bangunan tidak dihantar?
- (b) Apakah tindakan yang boleh diambil untuk memastikan keselamatan bangunan tersebut terjamin?
20. Di kawasan Seberang Perai Selatan (SPS), mengikut KADUN, terdapat berapa kawasan yang telah ada pemasangan Penang Free Wifi? Sila nyatakan.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah lebih banyak kawasan untuk pemasangan Penang Free Wifi? Jika ya, sila nyatakan tempat-tempat tersebut di kawasan SPS.
21. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk menyediakan perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) ke KADUN Jawi melalui Queensbay Mall?
- (a) Apakah sambutan terhadap park n ride di Auto City dan Seberang Jaya?
- (b) Adakah projek park n ride akan dijalankan di KADUN Jawi Seberang Perai Selatan (SPS)?
22. Sila nyatakan berapa kali setahun sungai-sungai yang sedia ada di KADUN Jawi seperti Sungai Tengah, Sungai Daun, Sungai Kerian, Sungai Mati dan Sungai Jawi dijalankan kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pendalaman sungai?
- (a) Berapakah kos perbelanjaan untuk kerja-kerja tersebut yang ditanggung oleh Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) untuk setiap sungai?
23. Sila nyatakan statistik di mana rumah kediaman telah ditukarguna menjadi rumah kedai tanpa permohonan dan kelulusan di kawasan Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).
- (a) Berapa kompaun atau tindakan mahkamah yang telah diambil terhadap mereka yang salah guna rumah kediaman dijadikan kedai?
24. Berapakah peratusan tanah yang sedia ada di KADUN Jawi dikategorikan untuk pertanian, perumahan, penternakan, perindustrian dan perniagaan?
- (a) Berapa peratusan tanah di KADUN Jawi yang telah dirancang dalam Pelan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) di Seberang Perai Selatan (SPS). Sila nyatakan.
25. Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2014, 2015 dan 2016 untuk projek tebatan banjir, projek pembinaan dan pelebaran jalan raya, projek pengindahan, projek pelancongan dan projek pendidikan?
26. Stesen KTM Nibong Tebal telah mula beroperasi mulai bulan Julai 2015. Sila nyatakan perkhidmatan perjalanan yang ada di Stesen KTM Nibong Tebal.
- (a) Adakah perkhidmatan perjalanan di Stesen KTM Nibong Tebal bertambah dari mula tempoh beroperasi sehingga kini?

- (b) Adakah perkhidmatan di Stesen KTM Nibong Tebal mendapat sambutan yang baik?
27. Festival Hot Air Balloon yang telah berlangsung pada tahun 2015 dan 2016 di Padang Polo Pulau Pinang telah berjaya menarik berapa ramai pengunjung atau pelancong ke festival ini?
- (a) Berapa kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk festival ini?
- (b) Adakah festival ini akan ditambah di tempat-tempat lain?
28. Sila nyatakan jangka mula kerja dan jangka siap kerja untuk projek pembinaan jambatan yang menyambungkan Tanjung Berembang ke Taman Victoria di Seberang Perai Selatan (SPS).
- (a) Sila nyatakan panjang dan bilangan laluan kenderaan jambatan ini.
- (b) Berapa kos perbelanjaan untuk pembinaan jambatan ini?
29. Setelah siap kerja pembinaan jambatan yang menyambungkan Tanjung Berembang ke Taman Victoria di Seberang Perai Selatan (SPS), ia akan menyambung Jalan Victoria ke Jalan Ooi Kah Seng dan Jalan Atas Nibong Tebal. Adakah Kerajaan Negeri atau Jabatan Kerja Raya (JKR) merancang untuk melebarkan Jalan Ooi Kah Seng dan Jalan Atas supaya dapat menampung lebih banyak kenderaan?
30. Apakah rancangan Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang dalam menghias dan mencantikkan landskap di kawasan pulau dan Seberang Perai?
- (a) Berapa projek landskap yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Landskap Negeri Pulau Pinang?
- (b) Berapa peruntukan yang disalurkan oleh Jabatan Landskap Negara kepada Negeri Pulau Pinang?
- (XV) Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. (a) Adakah Kerajaan Negeri melalui Invest Penang telah menujuhan pusat penasihat pasaran, sumber dan latihan Industri Kecil & Sederhana (IKS) Pulau Pinang?
 - (b) Apakah peranan yang dimainkan oleh pusat penasihat ini hingga berjaya membantu usahawan IKS di Pulau Pinang?
 - (c) Berapa banyaknya IKS yang telah dibantu oleh pusat ini dan senaraikan IKS yang terlibat?
 2. (a) Sila senaraikan projek tebatan banjir yang telah dilaksanakan beserta jumlah perbelanjaan terlibat oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam tahun 2014 dan 2015.
 - (b) Berapa buah syarikat pemaju yang menyebabkan banjir telah dikenakan tindakan oleh pihak MPSP atau Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sepanjang tahun 2014 dan 2015 serta berapakah denda yang dikenakan ke atas syarikat-syarikat tersebut?
 3. (a) Sila senaraikan kawasan-kawasan yang telah diberikan tukun tiruan dan berapakah jumlah tukun tiruan yang telah disediakan serta peruntukan yang dibelanjakan bagi tahun 2014 dan 2015.
 - (b) Sila senaraikan peminjam-peminjam tabung usahawan tani muda, bantuan tabung usahawan tani muda dan prestasi projek yang dilaksanakan serta kemampuan bayar balik pinjaman.

4. Pembinaan terowong dasar laut dari Bagan Ajam ke Bagan Jermal Pulau Pinang menimbulkan banyak masalah kepada alam sekitar, masyarakat nelayan dan penempatan di kawasan terlibat. Apakah kedudukan terkini projek tersebut, apakah ianya akan diteruskan jika mendapat bantahan serta menjelaskan ekosistem alam sekitar di kawasan terlibat, di samping menjelaskan operasi pelabuhan sediada?
5. (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam membanteras orang tengah dan membantu petani/penternak memasarkan produk keluaran mereka?

(b) Senaraikan langkah Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pengeluaran makanan untuk bekalan domestik dan mengurangkan import.
6. (a) Apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri jika berlaku bencana atau wabak yang memusnahkan tanaman atau ternakan?

(b) Senaraikan jumlah dan bentuk bantuan Kerajaan Negeri kepada pesawah-pesawah padi di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013, 2014 dan 2015.
7. (a) Apakah bentuk bantuan yang disediakan kepada nelayan pantai oleh Kerajaan Negeri selain daripada pukat dan tukun?

(b) Terdapat banyak kolam-kolam ternakan ikan air tawar yang terbiar di kawasan luar bandar. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu memulihkan kolam dan membantu usahawan-usahawan ternakan mengusahakan kembali kolam terbiar ini?
8. (a) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu memasarkan produk-produk industri asas tani yang dihasilkan oleh usahawan?

(b) Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai senarai usahawan industri asas tani yang berpotensi yang perlu dibimbing dan dibantu?
9. Sila maklumkan :

(a) Perkembangan dan kemajuan pelaksanaan Penang Science Cluster dan inisiatif Techdome bernilai RM25 juta yang dibentangkan dalam bajet tahun 2014.

(b) Kerajaan Negeri dalam bajet tahun 2014 juga merancang pembinaan Penang Learning Centre di setiap daerah. Sila berikan pencapaian sehingga kini.
10. Program mamogram percuma telah dilaksanakan pada tahun 2014 oleh Kerajaan Negeri.

(a) Daripada 52,000 yang disasarkan, berapakah bilangan yang telah menjalani program mamogram ini?

(b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan wanita luar bandar menjalani program ini?
11. (a) Senaraikan rumah kos rendah yang telah disiapkan daripada jumlah 386 unit di Mak Mandin dan Ladang Kaledonia seperti dibentangkan dalam bajet.

(b) Berapakah jumlah rumah kos sederhana rendah yang telah disiapkan daripada cadangan pembinaan 7,579 unit meliputi 9 kawasan seperti yang dibentangkan dalam bajet.

(c) Berapakah bilangan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dijangka dapat disiapkan? Senaraikan.

12. (a) Sila senaraikan harta tanah dan tanah industri yang dibeli oleh warganegara atau syarikat asing.
- (b) Berapakah jumlah levi 3% yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri atas urusan penjualan harta tanah dan tanah industri?
13. (a) Adakah skim pemilikan bersama yang pertama di Malaysia diwar-warkan oleh Kerajaan Negeri dalam Bajet 2014 telah dilaksanakan?
- (b) Sila senaraikan pembeli-pembeli yang terlibat dan jumlah pinjaman yang dikeluarkan.
- (c) Adakah berlaku sebarang masalah dalam pembayaran balik pinjaman dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri?
14. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah bilangan rumah kos rendah yang boleh dimiliki di bawah skim sewa beli daripada hanya 51 buah rumah pangsa kos rendah di Taman Seruling Emas, Seberang Perai Selatan (SPS) ke daerah-daerah lain?
15. (a) Sila senaraikan syarikat-syarikat yang terlibat dalam zon halal hub di Pulau Pinang.
- (b) Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam menjadikan zon ini satu tarikan perkongsian paling pesat oleh syarikat-syarikat dari luar negara / pelabur-pelabur asing?
16. Adakah Kerajaan Negeri menyediakan latihan kemahiran kepada pelajar-pelajar lepasan SPM dan belia menganggur di kawasan DUN mengikut minat, kepakaran serta sumber setempat? Jika ya, sila senaraikan latihan-latihan yang disediakan.
17. (a) Apakah insentif yang diberikan kepada nelayan-nelayan sungai?
- (b) Berapakah jumlah nelayan sungai yang terdapat di Negeri Pulau Pinang?
- (c) Sila nyatakan pecahan mengikut DUN dan kaum?
18. (a) Berapakah jumlah keluasan tanaman pokok bakau yang masih ada di kawasan Pulau Pinang dan Seberang Perai?
- (b) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memulihara kawasan berkenaan?
19. (a) Bagaimanakah Jawatankuasa Tabung Bantuan Bencana Negeri Pulau Pinang dibentuk dan apakah bidang kuasanya? Senaraikan.
- (b) Berapakah peruntukan yang diperolehi setahun dan apakah bentuk bencana yang akan disalurkan bantuan?
- (c) Apakah perancangan bagi memastikan tabung ini sentiasa sedia untuk sebarang kemungkinan?
20. (a) Apakah hasil penyelidikan ke atas seni bina masjid-masjid lama dan rumah tradisional di Pulau Pinang?
- (b) Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memulihara dan mempromosikan seni bina tersebut?
21. (a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai model pertanian ringkas, mudah berjaya, menarik, komprehensif dan memberi pulangan yang memuaskan untuk belia pinggir bandar dan luar bandar yang tidak mempunyai tanah yang luas?
- (b) Adakah kerajaan mempunyai pelan kerjasama dengan pimpinan tempatan dalam menjayakan usaha-usaha self sustenance ini?

22. (a) Apakah usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap penguasaan ilmu masyarakat Pulau Pinang memandangkan kajian badan antarabangsa tahun 2013 mendapati Malaysia menduduki tangga ke-43 tahap masyarakat berilmu?
- (b) Nyatakan kedudukan terkini indeks masyarakat berilmu Negeri Pulau Pinang?
23. (a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini dan perubahan yang dilakukan oleh Football Association of Penang (FAP)?
- (b) Sila huraikan strategi dan pendekatan yang dilaksanakan demi membangunkan sukan tersebut?
- (c) Berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri sejak 5 tahun yang lalu?
24. (a) Senaraikan semua aset termasuk land bank yang dimiliki oleh Chief Minister Incorporated (CMI) dan subsidiarinya jika ada.
- (b) Senaraikan semua projek usahasama Chief Minister Incorporated (CMI) atau subsidiarinya dengan syarikat swasta.
- (c) Senaraikan penjualan aset Chief Minister Incorporated (CMI) dan subsidiarinya iaitu tarikh penjualan, pembeli, harga, tender terbuka / penjualan terus dan butiran-butiran lain.
25. (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menyediakan peluang pekerjaan bagi graduan tahfiz di Pulau Pinang?
- (b) Jika tidak, apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk golongan Al-Hafiz dan Al-Hafizah?
26. (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi membendung masalah gejala sosial yang semakin membimbangkan di Pulau Pinang?
- (b) Senaraikan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membendung masalah gejala sosial di Pulau Pinang pada tahun 2015.
27. (a) Nyatakan nilai harta tunai dan bukan tunai PBA Berhad dan anak syarikatnya?
- (b) Nyatakan aset harta PBA berhad, nilai dan lokasinya termasuk yang telah dijual pada tahun 2014 dan 2015?
28. (a) Senaraikan kajian dan penyelidikan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2008 hingga 2015 dan kos yang terlibat untuk setiap kajian tersebut.
- (b) Adakah kajian tersebut dipaparkan dalam laman web dan boleh dibaca secara umum?
29. Peruntukan pembangunan disediakan untuk Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pengairan & Saliran dan lain-lain jabatan setiap tahun.
- (a) Apakah hasil dan kejayaan yang dicapai yang boleh dibanggakan dalam sektor pertanian di Negeri Pulau Pinang?
- (b) Apakah fokus dan KPI Kerajaan Negeri dalam setiap sektor seperti ternakan / tanaman padi dan tanaman lain?

(XVI) Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah pendaftaran rumah mampu milik yang telah didaftarkan sejak tahun 2008 hingga tahun ini dan berapakah jumlah yang telah berjaya memiliki rumah?
2. Kenapa pihak Kerajaan Negeri tidak berusaha memperbanyak pembinaan rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah untuk rakyat Pulau Pinang? Apakah kerana tidak mendatangkan keuntungan atau disebabkan perkara-perkara lain?
3. Kebanyakan kawasan tanah yang ditebus guna telah dijual kepada syarikat-syarikat perumahan dengan harga yang tinggi, apakah ini merupakan satu polisi Kerajaan Negeri untuk mendapatkan keuntungan secara mudah atau penjualan ini terpaksa dilakukan kerana ianya salah satu cara untuk membantu pembangunan Pulau Pinang?
4. Berapa banyakkah tanah-tanah milik Kerajaan Negeri, yang terdapat di dalam bandar, yang boleh dibangunkan dengan rumah-rumah mampu milik ?
5. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan kemusnahan kawasan hutan paya bakau di Kuala Jalan Bharu, Balik Pulau, apakah Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan sebahagian kawasan tanah bakau ini untuk sesuatu projek ? Jika ya untuk tujuan apakah ianya diluluskan?.
6. Dilihat tanah tebusguna di kawasan Bayan Mutiara sedang pesat dibangunkan dengan rumah-rumah dan kedai-kedai. Semasa pentadbiran kerajaan Barisan Nasional, terdapat tanah yang telah diperuntukkan untuk dibina masjid, apakah tanah untuk pembinaan masjid ini masih ada atau tanah ini telah digantikan di tempat lain atau telah hilang terus?
7. Tanah Taman Manggis telah diperuntukkan untuk membina pusat rawatan pakar. Pelbagai pembangunan perumahan yang dirancang di tanah ini akan dipindahkan di tanah SP Chelliah, kenapa perkara ini harus berlaku? Di Pulau Pinang terdapat banyak pusat perubatan swasta sedangkan pembangunan rakyat dibelakangkan. Berapa peratuskah hasil jualan tanah tersebut digunakan untuk membina rumah rakyat?
8. Berapa banyakkah rumah-rumah yang berharga antara RM600,000.00 hingga RM2 juta yang telah dibina oleh syarikat-syarikat perumahan sepanjang tahun 2008 hingga tahun ini, yang sudah dibeli dan berapa jumlah pemilikan asing dan berapa pula pemilikan rakyat tempatan mengikut bangsa serta berapa jumlah yang masih tidak terjual?
9. Berapakah harga rumah yang paling rendah harganya yang dicadangkan untuk dijual di kawasan pulau yang ditebusguna nanti? Apakah pembangunan di pulau ini nanti akan mengambil kira hak mereka yang berpendapatan sederhana. Jika ya, apakah bentuk pembangunan tersebut?
10. Berapakah cadangan pampasan yang akan diberikan kepada nelayan-nelayan yang akan terjejas teruk dengan cadangan penambakan laut di selatan Pulau Pinang dan adakah semua nelayan akan diberikan pampasan tersebut termasuk nelayan yang berdaftar dan tidak berdaftar?
11. Berapakah jumlah perbelanjaan untuk membentuk 4 buah pulau dan berapakah pula pulangan hasil yang akan diperolehi daripada pulau-pulau tersebut.?.
12. Pelan pembangunan lalu lintas yang dicadangkan termasuklah laluan LRT. Apakah jajaran laluan LRT itu nanti akan melibatkan pengambilan tanah bagi kawasan-kawasan kampung iaitu Kampung Baru Sungai Ara, Kampung Bayan Lepas,Kampung Seronok dan juga Kampung Binjai ? Jika ya, bilakah kerja-kerja pengambilan tanah ini akan mula dibuat ?

13. Syarikat SRS merupakan syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja-kerja tambakan laut. Sekiranya projek tebusguna untuk membina 4 buah pulau ini berjaya, apakah ada syarikat milik bumiputera yang akan diberi peluang dalam kerja-kerja tambakan ini dan seterusnya lain-lain kerja pembangunan di atas pulau buatan ini? Jika ada, berapa peratuskah yang akan diperuntukkan?
14. Apakah faktor yang membolehkan pihak Kerajaan Negeri memberikan kebenaran tanah Taman Manggis untuk dimajukan dengan sektor perhotelan dan pusat kesihatan, sedangkan di kawasan tersebut terdapat banyak hospital swasta.
15. Penang Development Corporation (PDC) pada suatu masa dahulu merupakan sebuah syarikat yang bergiat aktif di dalam kerja-kerja harta tanah tetapi sekarang telah sunyi sepi. Sila nyatakan hala tuju Penang Development Corporation (PDC) dan berapa banyakkah aset-asetnya yang masih ada dan berapa banyakkah yang telah dijual?
16. Dikatakan masih banyak kilang-kilang di kawasan FTZ yang tidak ada penyewanya disebabkan ketiadaan pelabur baru. Apakah benar perkara ini? Dan jika benar, berapa banyakkah jumlah kilang yang tidak disewa dan di kawasan FTZ manakah perkara ini berlaku?
17. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melantik syarikat swasta untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan parkir di negeri ini? Jika ada, sila nyatakan jumlah syarikat yang terlibat serta nama syarikat-syarikat tersebut dan jumlah kutipan denda yang dikutip serta jumlah kutipan parking.
18. Pihak Kerajaan Negeri telah banyak membaikpulih bangunan-bagunan lama untuk tarikan pelancong, tetapi adakah Kerajaan Negeri telah merobohkan bangunan yang telah didaftarkan sebagai bangunan warisan. Jika ada, di mana tempatnya dan kenapa perkara ini berlaku?
19. Apakah terdapat cadangan untuk Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) membina sebuah masjid baru untuk penduduk Bayan Baru yang kariannya sangat luas? Ini kerana masjid Bayan Baru yang sedia ada tidak mampu menampung jemaah pada setiap waktu solat jumaat.
20. Adakah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) membuat tuntutan kepada Kerajaan Negeri berhubung tapak masjid di Taman Mutiara, yang dalam pelan asalnya telah disediakan tapak masjid ?
21. Di kawasan pembangunan Queensbay terdapat beberapa tapak yang diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk pembangunan surau tetapi kerana keluasannya kecil maka ianya tidak dibangunkan dengan surau. Soalannya, adakah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) tahu perkara ini dan jika tahu, tapak ini sekarang digunakan untuk apa?
22. Di hadapan pantai Queensbay, terdapat kerja-kerja menebus guna tanah pantai sedang giat dijalankan. Apakah tujuan tanah ini ditebusguna dan bilakah projek ini dijangka siap dan siapakah yang mendapat manfaatnya?.
23. Apakah Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk tidak membina rumah murah yang berharga RM70,000.00 ke bawah? Sebaliknya menumpukan perhatian bagi membina rumah-rumah yang berharga RM70,000.00 hingga RM400,000.00. Jika ada projek rumah murah yang telah dan akan dilaksanakan, sila berikan jumlah, tempat dan daerah yang dibangunkan projek rumah murah ini.
24. Bilakah kerja-kerja memperbesarkan kuala Sungai Teluk Kumbar akan bermula?
 - (a) Bagaimanakah reka bentuk kuala tersebut?
 - (b) Adakah ianya masih kekal dengan sistem pamnya?
25. Musim hujan dijangka bermula hujung bulan Mei ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengelak dari berlakunya banjir kilat dan banjir lumpur? Berapakah batang sungai yang telah diperdalamkan dan dibersihkan untuk mengatasai banjir?

(XVII) Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Mohon penjelasan berkaitan penarikan balik peruntukan oleh Kerajaan Negeri atas sekolah agama milik PAS, adakah benar ini berlaku dan mohon dinyatakan jumlah peruntukan yang telah ditarikbalik?
2. Kebakaran yang kerap berlaku disebabkan cuaca panas, apakah tiada cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menubuhkan lebih banyak bomba sukarela terutamanya kampung-kampung yang masih kekurangan paip bomba?
3. Mohon dinyatakan jumlah paip bomba di kawasan luar bandar, adakah masih terdapat kawasan luar bandar yang belum mempunyai paip bomba?
4. Apakah langkah pro-aktif Kerajaan Negeri dalam menghadapi post El-Nino yang berkemungkinan menyebabkan harga barang makanan seperti sayur, ikan dan sebagainya akan menjadi lebih mahal akibat daripada permintaan yang tinggi terhadap bekalan yang kurang?
5. Apakah konsep CAT digunakan di dalam amalan-amalan tertentu sahaja contohnya hanya untuk kontraktor-kontraktor kecil dan projek-projek kelas F sahaja seperti berlaku di pejabat-pejabat daerah iaitu undian secara telus sedangkan bagi projek-projek mega, CAT ini tidak diaplิกasikan contohnya penambakan laut, pemberian tanah Kerajaan Negeri dan lain-lain?
6. Apakah indeks rasuah di Pulau Pinang menurun sejak CAT dilaksanakan ?
7. Apakah penambahbaikan perkhidmatan yang boleh dinikmati oleh rakyat Negeri Pulau Pinang sejak CAT dilaksanakan atau sekadar slogan yang ditampal di dinding pejabat Kerajaan Negeri ?
8. Adakah pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atau Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai kuasa bertindak dan mengeluarkan saman kepada pemaju yang belum menyerahkan tapak dan jalan kepada pihak berkuasa MPSP dan MBPP untuk diselenggara.
9. Tanah-tanah yang dibuat pengambilan balik oleh PPC, PERDA dan agensi kerajaan untuk tujuan awam.
 - (a) Adakah diambil selari dengan tujuan awam?
 - (b) Bolehkah tanah tersebut dijual kepada pihak ketiga?
 - (c) Adakah tanah-tanah yang dibuat pengambilan balik oleh Perda hanya dibina rumah mampu milik dan kos rendah sahaja.
10. Sejak pemerintahan Kerajaan Negeri sekarang, berapa unit rumah kos rendah dibina oleh Kerajaan Negeri? Jika ada, nyatakan lokasinya.
11. Apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap pusat siber yang menjalankan kegiatan perjudian?
12. Apakah polisi terkini terhadap pembangunan tanah tinggi/ bukit ?
13. Sejauh manakah proses menyelaras dan memantapkan strategi pembangunan tanah wakaf di seluruh negeri melalui pelaksanaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang dilaksanakan Pusat Penyelidikan Dasar (PPD) Universiti Sains Malaysia?
 - (a) Jika sudah siap, nyatakan apakah tindakan pembangunan yang dibuat ke atas tanah-tanah wakaf berkenaan?
14. Adakah khatib jemputan dipantau oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)?
 - (a) Adakah teks khutbah mereka disediakan mengikut ketetapan MAINPP?

- (b) Apakah langkah dan tindakan MAINPP jika terdapat khutbah yang memecahbelahkan umat Islam?
15. Berapa banyak sumbangan dari dana wakaf yang diperuntukkan untuk sekolah agama (KAFA) pada tahun 2012, 2013 dan 2014?
- (a) Untuk gaji guru-guru.
- (b) Untuk pembangunan sekolah.
16. Adakah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) masih menerima harta untuk diwakafkan sepanjang tahun 2014-2015 kebelakangan ini.
- (a) Jika ada, apakah bentuk wakaf tersebut.
- (b) Berapa banyak, berikan jumlah secara terperinci.
17. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk memajukan tanah-tanah wakaf di seluruh Seberang Perai dan Pulau Pinang? Sila senaraikan status tanah wakaf yang sudah dimajukan di Pulau Pinang.
18. Sepertimana yang diketahui, pembangunan pesat di Pulau Pinang telah menyebabkan banyak kampung-kampung tradisi semakin terhakis dan ini adalah sesuatu yang amat tidak baik untuk generasi akan datang, jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam memastikan kampung-kampung tradisi ini kekal dan tidak terhapus?
19. Mohon jelaskan status Rancangan Tempatan yang dibentangkan dua tahun lepas yang telah dikemukakan kepada umum. Apakah rancangan tempatan tersebut dilaksanakan atau bagaimana?

(XVIII) Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan bilangan surat makluman kepada ADUN berkaitan tindakan penguatkuasaan terhadap bina struktur tanpa kebenaran atau penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengikut KADUN di Seberang Perai bagi tahun 2013, 2014, 2015 dan setakat bulan Mac 2016.
2. Sila nyatakan tarikh kelulusan garis panduan pembinaan asrama pekerja warga asing oleh kerajaan negeri dan tarikh diterimapakai oleh mbpp dan mpss. Menurut garis panduan ini, apakah jenis zon pembangunan yang dibenarkan untuk membina asrama pekerja warga asing?
3. Sila senaraikan pengarah-pengarah serta tarikh dan tempoh perlantikan mereka masing-masing dan juga saraan yang diterima oleh mereka masing-masing bagi kesemua syarikat termasuk syarikat induk dan anak-anak syarikat di bawah:-
- (a) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
- (b) PBA Holdings Bhd.
- (c) Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
4. Apakah kriteria yang diambilkira oleh kerajaan negeri dalam melantik seseorang untuk memegang jawatan pengarah dalam syarikat induk dan anak-anak syarikat di bawah:-
- (a) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang;
- (b) Pihak Berkuasa Air (PBA) Holdings Bhd;

- (c) Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang
5. Berapakah kali tender *request for proposal* untuk pembangunan asrama pekerja warga asing di tanah PDC, lot 14750, MK 13, Juru, SPT dibuat? Apakah sebab tender tersebut dibuat lebih daripada sekali? Silakan nyatakan tarikh buka dan tutup setiap kali tender dan nama-nama syarikat yang memberi cadangan bagi setiap kali tender.
 6. Sila nyatakan secara terperinci bilangan bantuan fakir miskin sempena bulan ramadan dan bantuan persekolahan pusat urus zakat yang diagihkan kepada setiap pertubuhan bukan kerajaan, pusat khidmat wakil rakyat bagi tahun 2013, 2014 dan 2015.
 7. Berapakah buah kilang tanpa lesen yang masih aktif beroperasi di daerah spt setakat hari ini? Berapakah buah kilang tanpa lesen telah berjaya diputihkan sejak 2008 menerusi usaha pemutihan kilang tanpa lesen MPSP?
 8. Permohonan kebenaran merancang oleh PDC untuk membangunkan skim perumahan di lot 14750, Mk 13, Juru, SPT sekitar tahun 2010 telah ditolak oleh OSC MPSP. Sila nyatakan sebab dari segi teknikal permohonan kebenaran merancang itu ditolak.
 9. Apakah perkembangan terbaru cadangan pembinaan jalan yang menyambung Jalan Kebun Baru, Juru ke *Penang Science Park*?
 10. Sila nyatakan butir-butir terperinci berhubung dengan permohonan pengzonan semula yang dipertimbangkan oleh *State Planning Committee* sejak 2008.
 - (a) Nama pemohon dan butiran lot tanah;
 - (b) Butiran pengzonan semula;
 - (c) Keputusan permohonan.
 11. Sila nyatakan butir-butir terperinci pengusaha-pengusaha di tapak kekal pengeluaran makanan Juru.
 - (a) Nama pengusaha dan jenis makanan yang diusahakan;
 - (b) Keluasan lot tanah untuk setiap pengusaha;
 - (c) Tarikh perjanjian pengusaha dengan kerajaan negeri
 12. Berapakah jumlah anggaran kos untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang dipimpin oleh SRS Consortium? Ketua Menteri pernah menyatakan kos pembinaan tersebut mungkin mencecah RM35 - RM40 bilion tanpa mengira terowong bawah laut, adakah angka ini betul? Sila nyatakan butiran kos semua projek.
 13. Sila nyatakan perbezaan antara Tram, Monorel, LRT dan BRT dari segi kapasiti, harga, kelajuan, keberkesanannya , kos operasi dan lain-lain lagi .
 14. Secara umumnya, sila nyatakan anggaran kos pembinaan Tram, Monorel, LRT dan BRT dari segi harga/km, harga/station.
 15. Sila nyatakan maklumat kos pembinaan, kos operasi, tambang, anggaran bilangan penumpang, anggaran keuntungan atau kerugian dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan *economic viability* LRT Bayan Lepas seperti yang telah dihantar kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).
 16. Siapakah yang akan tanggung kerugian sekiranya operasi LRT Bayan Lepas dan LRT/BRT/Monorail yang lain mengalami kerugian?

17. Berapakah anggaran kos projek yang dijangka akan dilaksanakan oleh *project delivery partner* semasa tender terbuka selepas tolak semua projek yang dilaksanakan oleh pihak lain?
 18. Salah satu cadangan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang adalah menyusun semula perkhidmatan bas yang sedia ada. Ia mencadangkan kajian projek perintis Air Hitam - Weld Quay dijalankan terlebih dahulu. Adakah pihak berkuasa menjalankan apa-apa kajian atau usaha dalam projek ini. Apakah kemajuannya?
 19. Apakah usaha yang telah dijalankan oleh pihak berkuasa untuk meningkatkan perkhidmatan bus berdasarkan cadangan pelan induk pengangkutan pulau pinang? Apakah kesannya?
 20. Mengapakah laluan-laluan seperti george town orbital loop (melalui masjid negeri dan jalan perak), bayan lepas orbital loop tidak dinyatakan dalam cadangan yang dikemukakan oleh srs consortium? Apakah pelan pihak berkuasa untuk memastikan penduduk dari kawasan ini boleh akses kepada pengangkutan awam? Sila nyatakan laluan bus feeder sekiranya ada.
 21. Nyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam meningkatkan trafik kawalan isyarat seperti yang dicadangkan dalam pelan induk pengangkutan Pulau Pinang.
 22. Nyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam meningkatkan kemudahan pejalan kaki seperti yang dicadangkan dalam pelan induk pengangkutan pulau pinang.
 23. Nyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam meningkatkan informasi pengangkutan awam seperti yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.
 24. Nyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak berkuasa dalam meningkatkan *no stopping, no waiting, no parking, no hawker activity* seperti yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.
 25. Sila nyatakan butir-butir tentang pelaksanaan di bawah enakmen kebebasan maklumat pulau pinang 2010 sejak penguatkuasaan pada Januari 2015.
 - (a) Jumlah permohonan maklumat yang berjaya dan ditolak;
 - (b) Sebab permohonan ditolak;
 - (c) Jumlah rayuan dan rayuan yang telah didengar.
 26. (a) Bilakah Rancangan Tempatan (Local Plan) bagi kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) akan dilulus dan diwartakan?

 (b) Apakah punca kelewatan dalam meluluskan dan mewartakan rancangan tempatan bagi kawasan SPT ini?
- (XIX) Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
1. Berapakah kos perjalanan (travelling) dan elauan dalam dan luar negara setiap tahun dari 2008-2016 yang ditanggung Kerajaan Negeri bagi setiap EXCO, ADUN mengikut parti, Ahli Majlis mengikut parti, wakil-wakil NGO, GLC dan agensi kerajaan?
 - (a) Apakah hasil, output dan impak yang diperolehi?
 2. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Desa:
 - (a) Bilakah panggilan mesyuarat dibuat setiap tahun sejak 2008-2016?
 - (b) Panggilan mesyuarat kepada ADUN Penanti dihantar kepada alamat dan email mana?

3. Pelan Tindakan Pembangunan Desa Negeri.
 - (a) Bilakah bengkel/mesyuarat focus group diadakan dengan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK), Briged Wanita dan wakil penduduk DUN Penanti?
 - (b) Berapakah bilangan kampung/Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK), Briged Wanita/NGO/penduduk DUN Penanti berbanding KADUN lain di ambilkira input?
 - (c) Apakah analisa keperluan dari kampung-kampung Penanti berbanding kampung-kampung lain?
4. Senaraikan pencapaian *key result area* secara holistik dan KPI yang telah dicapai untuk pembangunan desa negeri?
5. Bilakah pihak-pihak eksekutif YAB Ketua Menteri dan EXCO telah mengadakan mesyuarat dengan ADUN, PPK, Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pengurus Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) sejak 2008?
 - (a) Senaraikan berapa kaliakah mesyuarat telah diadakan mengikut tahun?
 - (b) Berikan pecahan mengikut parti?
6. Berapakah permohonan lampu jalan mengikut kampung dan luar kampung yang telah dipohon di KADUN Penanti sejak 2013-2016?
 - (a) Berapakah permohonan yang telah diluluskan?
 - (b) Berapakah permohonan yang ditolak dan mengapa?
 - (c) Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)/Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memasang dan membayar bil lampu kawasan kampung?
7. Kenapakah Kerajaan Negeri tidak menggunakan definisi ibu tunggal oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat Malaysia (KPWKM) sejak Oktober 2015 yang mengiktiraf 3 definisi baru termasuk wanita yang belum berkahwin tetapi ada anak angkat dan wanita berkahwin tetapi suami tidak bekerja sebab sakit dalam program ibu tunggal i-Sejahtera untuk melayakkan waris mendapat khairat kematian RM1,000?
8. Sejak dilancarkan tabung basiswa Penang Future Fund Foundation (PFFF).
 - (a) Berapakah jumlah wang yang terkumpul dalam tabung ini dari sumber halal dan sumber haram?
 - (b) Siapakah penyumbang terbesar tabung ini?
 - (c) Senaraikan jumlah penerima basiswa dari segi pecahan kampung dan negeri?
9. Siapakah penyumbang atau penaja-penaja utama kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP)?
 - (a) Berapakah jumlah nilai tajaan yang diberi?
10. Pegawai Seranta dilantik secara kontrak di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membantu ADUN.
 - (a) Mengapa Kerajaan Negeri tidak menyerap masuk Pegawai Seranta ke jabatan yang bersesuaian di bawah Kerajaan Negeri apabila kontrak tamat bagi mengurangkan pengangguran?

- (b) Bilakah peruntukan gaji akan disemak dan dinaikkan?
11. Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dari tahun 2013-2015 mengikut KADUN.
- (a) Berikan jumlah peruntukan yang telah dilaksanakan mengikut KADUN?
- (b) Berikan pecahan peruntukan yang telah dilaksanakan untuk projek jalan kampung (MARRIS), penyelenggaraan jalan negeri dan persekutuan dan longkang?
- (c) Berapakah jumlah peruntukan bagi projek tahun 2016 untuk Penanti?
12. Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) dari tahun 2013-2015 mengikut KADUN.
- (a) Berikan jumlah peruntukan yang telah dilaksanakan mengikut KADUN?
- (b) Berikan pecahan peruntukan yang telah dilaksanakan untuk projek tebatan banjir, penyelenggaraan sungai, pembinaan longkang dan titi di Penanti mengikut Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK)?
- (c) Berapakah jumlah peruntukan tahun 2016 untuk Penanti?
13. Nyatakan projek-projek yang telah dilaksanakan oleh mmk pertanian, pembangunan desa/iada/pertanian dari 2013-2016 di penanti dan kadun lain?
- (a) Berikan jumlah peruntukan yang telah dilaksanakan?
- (b) Berikan pecahan peruntukan projek yang telah dilaksanakan di kadun penanti mengikut JKKK?
- (b) Berapakah jumlah dan bilangan perancangan projek 2016-2017?
14. Nyatakan jumlah dan bilangan permohonan mengikut kategori bagi semua bantuan zakat/Agenda Ekonomi Saksama (AES)/Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diluluskan dari tahun 2013-2015 mengikut KADUN/qaryah?
- (a) Berikan pecahan semua permohonan mengikut kategori yang diluluskan di KADUN Penanti mengikut kawasan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK)/qaryah?
15. Siapakah nama ahli lembaga pengarah GLC dan badan berkanun hingga terkini 2016 mengikut:
- (a) Parti, NGO atau organisasi, kepakaran yang diwakili.
- (b) Tempoh pelantikan.
- (c) Elaun yang diterima.
16. Kenapakah eksekutif Kerajaan Negeri tidak mengadakan perjumpaan berkala sekurangnya 4 kali setahun dengan ADUN, penyelaras DUN dan Ahli Majlis Keadilan seperti yang dilaksanakan oleh Y.A.B Ketua Menteri, EXCO, ADUN dan ketua whip Ahli Majlis DAP pada setiap Jumaat jam 2.30 petang untuk membantu menyelesaikan masalah kawasan DUN dan memberi polisi serta EXCO mengemaskini laporan?
17. Sawah padi kawasan Penanti dan Balik Pulau bukan sahaja menjadi pengeluar makanan tetapi mempunyai nilai sampingan sebagai kawasan agro/eko pelancongan desa.
- (a) Apakah dasar, tindakan Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan ini sebagai kawasan pertanian atau membiarkan kawasan-kawasan ini ditukar syarat kepada perumahan/komersial menyebabkan sedikit masa lagi tiada kawasan pertanian?

18. Berapakah kos majlis/program setiap tahun dari 2008-2016 bagi setiap Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), EXCO, GLC dan agensi kerajaan yang ditanggung oleh bajet Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), GLC, sumbangan *Corporate Social Responsibility* (CSR) dari syarikat swasta?
- Nyatakan nama program dan pihak penaja?
 - Apakah hasil, *output* dan impak yang diperolehi?
19. Terangkan secara holistik keputusan kajian kebolehlaksanaan dan rekabentuk awal Penang Transport Plan Strategy bernilai RM138 juta yang telah diluluskan pembayarannya oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).
- Senaraikan nama-nama shareholder yang memasuki tender tersebut?
 - Jelaskan bagaimana pembayaran pada 4 Disember 2014 boleh dibuat dalam tempoh lapan (8) hari selepas tuntutan pada 27 November 2014 kepada Syarikat Ewein Zenith Sdn Bhd?
20. Berapakah jumlah sumbangan mengikut KADUN yang telah disalurkan ke tabung peparitan:
- Berapakah jumlah pecahan projek yang telah disalurkan di KADUN Penanti?
 - Berapakah jumlah pecahan projek yang telah disalurkan kepada KADUN lain?
21. Bagaimana kawasan luar bandar di Pulau Pinang akan mendapat manfaat daripada Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang?
- Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh yakin bahawa rangkaian bas pengantara yang akan diperlukan untuk membuat sistem transit yang berjaya akan dihantar yang dikawal federally prasarana / Rapid Pulau Pinang?
22. Nyatakan polisi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)/Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sejak tahun 2008-2016 mengenai servis-servis pembersihan awam di kampung-kampung mengikut kategori kampung.
- Kenapakah peruntukan RM8 juta yang diluluskan untuk pembersihan awam di kampung-kampung oleh 162 orang pekerja ditunda pada Julai 2016?
23. Apakah status permohonan tanah TOL yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Lembu/ADUN Penanti melalui surat/emel bertarikh 24 Julai 2013 dan 17 Mac 2016 supaya dibina perumahan kos rendah/kos sederhana rendah/mampu milik untuk penduduk tempatan dan penduduk yang diusir dari Kampung Tok Suboh?
- Apakah status permohonan TOL Kampung Sungai Lembu dari penduduk Kampung Tok Subuh dan Juru?
24. Apakah hasil kajian dan tindakan susulan selepas pembentangan saya pada 3 Mac 2016 kepada Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Lalulintas memohon peruntukan *feeder shuttle* bas mini desa di KADUN Penanti, hentian bas dan *express shuttle* bas mini ke *Penang Sentral* di mana pengurus putuskan sekretariat membuat kajian susulan dan sekretariat mencadangkan 3 bulan percubaan percuma?
25. Kerajaan Pulau Pinang bangga dengan prinsip pentadbiran CAT dan tender terbuka.
- Berapa kes dan nilai projek yang di tender/RFP secara terbuka di Kerajaan Negeri/ Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)/Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)/GLC/badan berkanun dari 2008-2016 setiap tahun?

- (b) Sementara itu, berapa pula dan nilainya yang tidak mengikut tender terbuka?
26. Kenapakah EXCO Agama/Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) tidak mengaktifkan/menguatkuasakan Akta 303 Bahagian IV (nafkah) Undang-undang Keluarga Islam Pulau Pinang yang mewajibkan waris-waris lelaki untuk memberi nafkah kepada wanita berkahwin, ibu tinggal/tunggal, wanita yang bercerai, janda dan wanita yang tidak berkahwin yang tidak mempunyai nafkah cukup seperti yang dikuatkuasakan di negeri-negeri lain seperti Perak?
27. Pulau Pinang mempunyai 393 orang atlit, tertinggi dalam sekolah sukan di Malaysia tetapi hanya 15 jurulatih. DUN Penanti bercadang menubuhkan kelab sukan yang dilatih oleh jurulatih profesional di setiap kawasan Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Kampung (JKKK) untuk menangani masalah sosial, dadah, mat rempit, ponteng sekolah di kalangan anak-anak kampung.
- (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membantu untuk melahirkan atlit/pemain bola yang bertauliah?
28. Kerajaan Negeri memberi RM41 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)/Mubaligh untuk 125 sekolah, Sekolah Agama Rakyat (SAR)/KAFA RM8.1 juta untuk 200 sekolah, RM8.1 juta SJK Tamil untuk 28 sekolah. Gaji guru SJKC, SJKT, Sekolah Convent/Methodist dibayar lebih dari SAR/KAFA oleh federal. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) RM54.9 juta adalah duit *federal*.
- (a) Mengapakah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri tidak seimbang mengikut jumlah sekolah termasuk e-sumbangan?
29. Pada 19 April 2014, EXCO dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memberi ucapan bertajuk "Pembangunan Homestay Di Pulau Pinang" di seminar homestay. Selain pertandingan homestay 2015, apakah tindakan MPSP/Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)/Kerajaan Negeri selepas itu untuk membangunkan industri homestay di kampung-kampung dalam DUN Penanti dan KADUN-KADUN lain dari segi infrastruktur, pembersihan, lampu, pili bomba, dewan orang ramai, tandas, tempat bersukan, insentif kewangan untuk baiki/kekalkan rumah-rumah kampung?
30. Apakah status permohonan saya untuk dapatkan bantuan kewangan dari tabung kerajaan tempatan (duit levi penginap hotel) untuk bantu nelayan naiktaraf bot nelayan kepada enjin senyap dan boathouse bagi memajukan pelancongan Sungai Kampung Terus yang dimohon secara bertulis dan dibangkitkan lagi semasa sidang DUN November 2015?
- (a) Berapakah jumlah tabung?
- (b) Siapakah penerima?
- (XX) Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:**
- Berapakah bilangan pekerja asing yang berdaftar dalam Negeri Pulau Pinang? Sila berikan statistik dari tahun 2010 hingga 2016 mengikut industri / jenis kerja, daerah dan kewarganegaraan.
 - Berapakah bilangan kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang? Sila berikan mengikut daerah bagi tahun 2010 sehingga 2016.
 - Penambahbaikan sistem lampu lalu lintas adalah salah satu komponen Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Sila nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mempertingkatkan sistem sedia ada. Butirkan perancangan dan jadual implementasi.
 - Penambahbaikan persimpangan jalan raya merupakan salah satu komponen penting Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Sila nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil, perancangan dan jadual implementasi usaha menambah baik persimpangan jalan raya mengikut daerah bagi seluruh Pulau Pinang.

5. Sila berikan secara terperinci bilangan kemalangan jalan raya mengikut daerah bagi tahun 2014 dan 2015. Sila nyatakan jenis kemalangan (cthnya: kereta-kereta, kereta-motorsikal, kereta-basikal, motorsikal-motorsikal, motorsikal-basikal, motorsikal-pejalan kaki, lori-motorsikal, bas-kereta dan sebagainya) serta bilangan kematian, cacat sepanjang hidup dan cedera parah.
6. Apakah pecahan gender pelaku keganasan rumahtangga dan mangsa di Pulau Pinang bagi tahun 2010 ke 2016?
7. Berapakah kes-kes keganasan rumahtangga pada tahun 2014 dan 2015. Sila nyatakan yang mana pendakwaan dibuat, pendakwaan ditarik balik, pelaku disabitkan kesalahan, dan tiada tindakan lanjut?
8. Berapakah bilangan kes rogol, sumbang mahram, cabul, liwat dan gangguan seksual yang direkodkan bagi tahun 2014 dan 2015? Sila berikan mengikut daerah.
9. Berapakah bilangan kes rogol, sumbang mahram, cabul, liwat dan gangguan seksual dalam tahun 2014 dan 2015 di mana?
 - (a) Pendakwaan dibuat; dan
 - (b) Pelaku disabitkan kesalahan?
10. Apakah gender pelaku dan mangsa yang terlibat dalam kes-kes rogol, sumbang mahram, cabul, liwat dan gangguan seksual bagi tahun 2014 dan 2015?
11. Sila berikan statistik terperinci lesen perniagaan dan penjaja yang telah dikeluarkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada tahun 2010 hingga 2015 mengikut KADUN termasuk:-
 - (a) Jumlah keseluruhan, jumlah lesen baru, jumlah lesen yang ditukar nama (contohnya daripada saudara yang telah meninggal).
 - (b) Pecahan gender pemegang lesen bagi semua di atas.
12. Sila berikan jumlah penduduk, pecahan gender, umur dan kategori pendapatan bagi populasi di setiap KADUN.
13. Berapakah pemohon dan penerima mikrokredit projek titian saksama rakyat setiap tahun dari permulaan sehingga masa kini. Sila berikan butiran gender, jumlah yang dipohon dan jumlah yang diterima, serta lokasi pemohon mengikut KADUN.
14. Sila berikan bilangan saman lalulintas, kes kapit roda dan kes tunda yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun 2015 dan 2016 mengikut KADUN.
15. Sila berikan bilangan tindakan yang diambil ke atas kereta yang tiada sticker Orang Kurang Upaya (OKU) tetapi diletakkan di atas tempat letak kereta OKU bagi tahun 2015 dan 2016 mengikut KADUN.
16. Berapakah bilangan sticker Orang Kurang Upaya (OKU) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dari tahun 2010 hingga 2016?
17. Sila berikan butiran terperinci kos dan pendapatan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi operasi tempat letak kereta jalan raya (iaitu bukan bertenagak) pada tahun 2014 dan 2015? Butiran yang dipohon termasuk segala bayaran dan kos yang terlibat, pendapatan kontraktor, pendapatan MBPP melalui jualan kupon, pendapatan daripada tindakan penguatkuasaan, kos kakitangan penguatkuasaan.
18. Sila nyatakan semua lokasi tempat letak kereta bertenagak pihak berkuasa tempatan mengikut KADUN
19. Sila berikan rekod terkini bilangan dan kategori Orang Kurang Upaya (OKU) mengikut KADUN dan umur.

20. Sila berikan rekod terkini bilangan dan kategori penerima bantuan kebajikan bulanan mengikut KADUN dan umur.
21. Berapakah bilangan projek Pihak Berkusa Tempatan (PBT) yang telah perlu diubahsuai semasa atau selepas kerja dijalankan kerana tidak memenuhi keperluan aksesibiliti sejagat? Apakah kos yang terlibat bagi setiap projek kerana perlu menjalankan kerja tambahan untuk memperbaiki kesilapan yang dibuat?
22. Berapakah bilangan tindakan penguatkuasaan yang dibuat oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT) bagi tahun 2014 dan 2015 ke atas bangunan yang tidak memenuhi uniform *building by-laws*?
23. Sila berikan mengikut KADUN lokasi, jenis dan bilangan gerai bagi tapak penjaja yang baru dibina dalam tahun 2014 dan 2015.
24. Sila berikan mengikut KADUN lokasi pembangunan dan bilangan unit ruang pejabat yang dibina dari tahun 2010 hingga 2015. Jenis pembangunan adalah seperti office tower atau pembangunan bercampur.
25. Sila berikan lokasi, jenis dan bilangan bilik bagi hotel dan service apartment di Pulau Pinang mengikut KADUN.
26. Sila berikan bilangan perhentian bas yang telah didirikan di setiap KADUN dari tahun 2010 hingga 2016. Berapakah bilangan perhentian bas yang ada adalah perancangan untuk dibina pada tahun 2016 dan 2017?
27. Unsur walkability telah dikenalpasti sebagai faktor yang amat penting bagi kejayaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Sila nyatakan projek-projek dan pengubahsuaian yang dijalankan oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT) untuk mempertingkatkan walkability. Sila nyatakan dengan ringkas bagaimana setiap projek atau pengubahsuaian akan mempertingkatkan walkability?
28. Selain daripada pembinaan laluan basikal, sila nyatakan usaha yang dijalankan untuk mempertingkatkan keselamatan penunggang basikal di jalanraya dan usaha mengurangkan kegiatan mencuri basikal.
29. Sila berikan senarai bangunan seliaan Penang Development Corporation (PDC), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) yang telah dijalankan audit aksesibiliti / reka bentuk sejagat.

(XXI) Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengambil tindakan terhadap bas dan lori yang berhenti di tepi jalan dan menghalang lalulintas? Jika ya, sila nyatakan jadual pemantauan dengan teliti. Jika tidak, mengapa?
2. Sila nyatakan dengan teliti berapakah jumlah projek Happy yang telah dijalankan?
3. Apakah status tentang kerja menaiktaraf padang bola sepak Macallum yang sepatutnya bermula kerja pada Januari 2016, akan tetapi sampai hari ini tiada sebarang maklum balas tentang projek tersebut. Sila nyatakan dengan teliti.
4. Terdapat beberapa tapak penjaja di pasar Lebuh Cecil telah dikosongkan. Sila senaraikan dengan teliti berapakah yang telah kosong dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT) untuk mengatasi masalah tapak telah diguna untuk sewa kepada orang lain.
5. Apakah sebabnya Majlis Sukan Sekolah-Pulau Pinang (MSSPP) tidak mengadakan pertandingan bola sepak daerah untuk mempromosikan bidang bola sepak untuk membolehkan pemuda/pelajar sekolah dapat meningkat prestasi mereka sedangkan kerajaan negeri telah menyumbang banyak peruntukan kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) untuk mempromosi bola sepak di negeri ini?

6. Sila nyatakan dengan teliti bahawa tindakan yang sudah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap kenderaan yang meletak kenderaan di tempat pejalan kaki di tepi jalan. Walaupun terdapat jawapan bahawa ada banyak seksyen akta yang boleh mengambil tindakan akan tetapi masalah masih timbul. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan penguatkuasaan yang seperti menjawab soalan semasa dewan undangan yang lepas?
7. Adakah Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang (MSSPP) akan menganjurkan pertandingan bola sepak pada tahun 2016 supaya pelajar yang bersekolah dapat mengambil bahagian dan mempunyai peluang untuk menjayakan Pulau Pinang dengan melahirkan pemain yang berkualiti?
8. Apakah status terbaru atas permohonan yang telah dikemukakan oleh Rapid Penang kepada prasarana s/b tentang mengeluarkan bas mini yang akan masuk ke taman-taman untuk membawa penumpang?
9. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri supaya menyempurnakan perkhidmatan bas dan mencapai matlamat ketibaan di semua tempat termasuk kawasan pedalaman di seluruh negeri Pulau Pinang?
10. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan semua agensi kerajaan akan membuat kerja (follow up) selepas memberi jawapan lisan / bertulis semasa dalam Sidang DUN.
11. Apakah status kajian yang telah dibuat oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) atas cadangan ADUN Pengkalan Kota tentang cadangan membina tempat letak kereta bertingkat di tapak sedia ada Pasar Lebuh Cecil?
12. Sila nyatakan dengan teliti mengenai statistik sehingga bulan April 2016 jumlah sumbangan yang telah diberi kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) dan apakah kedudukan terkini pasukan FAP di dalam Liga Super dan adakah pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sebagai penaja utama pasukan berasa puas hati terhadap prestasi FAP baru-baru ini?
13. Sila beri maklum balas perkembangan terkini tentang cadangan ADUN Pengkalan Kota supaya mereka satu aplikasi (apps) Penang untuk mempromosi negeri ini sebagai International City yang selalu disyorkan oleh Kerajaan Negeri.
14. Apakah status perkembangan kajian yang dibuat oleh Penang Development Corporation (PDC) ke atas cadangan ADUN Pengkalan Kota tentang projek mendirikan tempat letak kereta bertingkat di tapak sedia ada gelanggang bola keranjang yang berlokasi di antara blok 354 dan blok 352 Gat Lebuh Macallum.
15. Sila nyatakan dengan teliti jumlah permohonan yang telah dibuat oleh tokong atas tanah RIBI di kawasan Pengkalan Kota.
16. Agensi Kerajaan Negeri manakah yang sepatutnya bertanggungjawab atas tapak penjaja di sebelah dewan komuniti Macallum yang telah terbiar selama bertahun-tahun dan telah menjadi projek white elephant. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri atas masalah tersebut?
17. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) untuk memastikan Negeri Pulau Pinang dapat mencapai matlamat sasaran memenangi pingat emas pada SUKMA tahun 2016?
18. Adakah terdapat sebarang cadangan untuk mendirikan *fly over* atau *under bridge road* supaya kereta dari kawasan Macallum boleh terus melintasi ke Jalan C.Y.Choy untuk mengelakkan kesesakan lalulintas di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu?
19. Terdapat satu cadangan kepada Kerajaan Negeri iaitu menggunakan tanah di sebelah Sri Saujana untuk dijadikan tempat letak kereta terutama untuk bas persiaran dan van agar mengelakkan kesesakan trafik di Chew Jetty.
20. Apakah tindakan yang dapat diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengambil alih Dewan Serbaguna Lebuh Cecil kerana dewan tersebut telah digunakan untuk simpanan stor tokong?

21. Sila nyatakan dengan teliti apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan supaya sektor pelancongan tidak terjejas dengan ekonomi yang kurang baik tahun ini?
22. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan peruntukan tahunan kepada bomba sukarela supaya dapat menolong mereka menjalankan aktiviti dengan lebih lancar?
23. Sila nyatakan dengan teliti apakah program atau peranan yang difikirkan oleh Kerajaan Negeri supaya dapat mengurangkan pelajar emas kita tidak diserap oleh luar negara?
24. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mendirikan sebuah pusat komuniti warga emas di setiap kawasan perumahan supaya warga emas yang tinggal berseorangan atau semasa anak bekerja di luar, agar mereka mempunyai satu tempat untuk menghabiskan masa?
25. Apakah status terkini tentang sistem penyelenggaran pengairan di Jeti Clan yang telah dipasang oleh Kementerian dan Kerajaan Negeri?
26. Apakah status cadangan untuk membina sebuah gelanggang bola keranjang di Taman Macallum?
27. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendirikan perpustakaan di setiap kawasan perumahan untuk menolong pelajar yang miskin agar dapat satu tempat yang selesa untuk belajar?

(XXII) Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan untuk menghentikan produk kosmetik yang mengandungi *microbeads pollutant* untuk dijual di pasaran? Jikalau ada, adakah tindakan ini termasuk enakmen?
2. Pencemaran lautan dan air minuman oleh polyethylene dan polypropylene berbentuk mikroskopik makin serius, apakah langkah “ langkah yang diambil oleh kerajaan untuk melaksanakan satu kempen kesedaran mengenai pencemaran tersebut?
3. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap aduan nelayan Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul mengenai masalah anak ikan dan udang berkurangan akibat:-
 - (a) Aktiviti pukat harimau berhampiran pantai.
 - (b) Kerja-kerja penambakan laut?
4. Selain daripada sesi berdialog, apakah langkah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu nelayan-nelayan tempatan termasuk nelayan dari Balik Pulau, Teluk Bahang, Gertak Sanggul, Teluk Kumbar, Jelutong dan Seberang Perai?
5. Senaraikan kes-kes di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya membantu kaum nelayan dengan berkesan dalam mengekalkan dan menempatkan kehidupan kaum nelayan selepas kehidupan tradisional mereka telah terjejas oleh pemajuan tepi pantai?
6. Adakah Independent Environmental Impact Assessment dibuat berkaitan dengan projek penambakan laut, 4 jalan raya dan terowong Gurney? Siapakah agensi bebas ini dan pohon satu salinan laporan kajian tersebut.
7. Bilakah Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan akan dibentangkan untuk semakan dan perundingan awam? Kajian Rancangan Struktur telah luput sejak Jun 2012.
8. Alasan Kerajaan Negeri bahawa Rancangan Tempatan perlu menunggu Rancangan Kawasan Khas (SAP) bagi Heritage Zone George Town tidak boleh diterima kerana alasan ini telah digunakan sejak 2008 .

9. (a) Berapa unit kamera AES telah dipasang di Pulau Pinang?
 (b) Di manakah lokasi kamera-kamera tersebut?
 (c) Berapakah jumlah saman AES yang telah dikeluarkan dan berapa jumlah kutipan saman yang telah dikutip di Pulau Pinang?
10. Berapa kes dan nilai projek yang ditender secara terbuka, sementara itu berapa pula dan nilai yang tidak mengikut tender terbuka di peringkat Kerajaan Negeri dari tahun 2010 - 2015?
11. Berapa kes dan nilai projek yang ditender secara terbuka, sementara itu berapa pula dan nilai yang tidak mengikut tender terbuka di peringkat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dari tahun 2010 - 2015?
12. Berapa kes dan jumlah nilai projek yang ditender secara terbuka, sementara itu berapa pula dan nilai yang tidak mengikut tender terbuka di peringkat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2010 – 2015?
13. (a) Adakah kerajaan terlibat dalam penubuhan Asian Comic Cultural Museum secara langsung atau tidak langsung?
 (b) Sejauh mana kerajaan terlibat?
 (c) Adakah ia satu projek di bawah Penang Youth Development Cooperation?
14. Menurut Datuk Yeo Yang Poh, apakah terdapat banyak kes pertikaian di Lembaga Rayuan kerana tiada rancangan tempatan dilaksanakan, EXCO manakah yang seharusnya bertanggungjawab dan kenapa rancangan tempatan tersebut tidak dilaksanakan?
15. Keputusan Lembaga Rayuan Pulau Pinang baru menyatakan Kerajaan Negeri tiada isu membayar ganti rugi jika lembaga rayuan mengenepikan kebenaran merancang yang diluluskan oleh Pihak Berkusa Tempatan (PBT). Senaraikan rayuan yang wujud terhadap PBT?
16. Hospital Besar Pulau Pinang adalah hospital paling tua dalam negara yang berusia 137 tahun dan bilangan katil hospital tidak mencukupi. Adakah pihak Kementerian Kesihatan merancang untuk membina sebuah hospital baru di daerah Barat Daya?
17. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan bahawa struktur bangunan wad kanak-kanak dan wanita Hospital Besar Pulau Pinang yang berusia 125 tahun usang dan tidak boleh digunakan, apakah tindakan pihak kementerian?
18. Laporan penuh PAC projek penambakan laut berkaitan 4 jalan raya dan terowong Gurney yang diarahkan oleh Speaker DUN untuk disediakan kepada semua ADUN masih tidak disampaikan, apa masalahnya?
19. Enakmen Perpisahan Sisa Pepejal akan dilaksanakan pada 1 Jun 2016. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan supaya proses kitar semula bukan sahaja dilaksanakan bersama orang awam tetapi juga dengan pihak perindustrian?
20. Penang Transport Master Plan (PTMP) mencadangkan 3 sistem transit berbeza (LRT, Monorel, Trem) yang sukar mengintegrasikan, memandangkan contoh negatif di Kuala Lumpur dan Melaka, adakah Kerajaan Negeri masih ingin meneruskan dengan rancangan ini?
21. Kos pembinaan monorel adalah beberapa kali ganda kos membina LRT (Light Rail Vehicle) dan Trem dianggap lebih mesra alam, apakah rasional desakan (insistence) konsultan pemaju dan Kerajaan Negeri membina monorel?

22. Contoh Monorel Melaka dipakaiguana dan dihentikan pada tahun 2010 sehingga kini, Antara sebabnya adalah kesukaran untuk mengintegrasikan, mengendalikan serta kekurangan tahap penduduk untuk mengekalkan. Adakah Kerajaan Negeri masih ingin mengekalkan rancangan ini?
23. Kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri pada tahun 2013 “*No To Monorail, Yes To Tram*” kerana struktur monorel memusnahkan azimat George Town. Kini pula mencadangkan dua (2) baris monorel pada struktur tinggi. Apakah rasionalnya?
24. Perbandaran antarabangsa yang berjaya membina rangkaian pengangkutan secara berperingkat, bersepadau dan perkembang demi keperluan. Namun kerajaan bercadang 3 sistem berbeza (LRT, Monorel, Trem) yang sukar mengintegrasikan, mengendalikan dan mengekalkan, apakah justifikasinya?
25. Kawasan tidak dalam penjajaran transit Penang Transport Master Plan (PTMP) contohnya Straits Quay, Penang World City, Carnival Mall, Hospital Pakar KPJ, Prai Industrial Park, Auto City, Bertam dan Batu Kawan. Adakah kajian dibuat untuk kepentingan kawasan-kawasan ini?
26. Adakah kajian Penang Transport Master Plan (PTMP) atas keperluan dan tujuan komersial, hiburan (leisure), pendidikan dan tempat padat kediaman, khususnya kawasan kos rendah dan rumah mampu milik? Apakah time frame pembinaan perjalanan ini?
27. Cadangan sistem tram dalam pusat bandar agak terhad. Adakah ia akan menjadi berdaya maju secara komersial (commercially viable)? (Sila berikan model perniagaan). Perlukah sistem ini diberi subsidi?
28. Adakah tapak projek pemulihian Sia Boey untuk laluan air, dataran awam, muzium akan menjadi juga hab pengangkutan utama bagi talian 3 transit? Atau ia akan digantikan sebagai hab transit?
29. Adakah biasiswa Penang Future Foundation yang ditubuh oleh Kerajaan Negeri menerima pelajar Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) sebagai syarat kelayakan penerimaan? Sila berikan statistik dari tahun penubuhan Foundation sampai sekarang.

(XXIII) Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah masjid yang ada dalam negeri ini?
 - (a) Berapa banyakkah masjid yang telah mengadakan Mesyuarat Agung Kariah?
 - (b) Berapa kariah yang telah diarahkan untuk mengadakan semula Mesyuarat Agung Kariah? Sila nyatakan kariah-kariah yang terlibat.
2. Adakah perlantikan jawatankuasa qariah yang telah dipilih dalam Mesyuarat Agung diterima dan dipersetujui oleh Majlis Agama Islam / Jabatan Agama Islam?
3. Adakah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) ada kuasa mutlak untuk melantik dan menggugurkan jawatankuasa qariah yang telah dipilih dalam Mesyuarat Agung Kariah?
4. Berapa banyak kuari yang beroperasi di Negeri Pulau Pinang. Senaraikan mengikut daerah.
 - (a) Berapakah kuari yang berlesen dan berapakah pula yang beroperasi secara haram? Senaraikan mengikut daerah.
 - (b) Bagaimanakah penguatkuasaan dijalankan dan jabatan mana yang terlibat dalam menjalankan penguatkuasaan?

5. Bilakah Kerajaan Negeri hendak membina Dewan Undangan Negeri yang baharu?
 - (a) Di manakah Dewan Undangan Negeri itu akan dibina?
 - (b) Apa pandangan Kerajaan Negeri, sesuai atau tidak Dewan Undangan Negeri dibina di kawasan Batu Kawan?
6. Terdapat banyak belia-belia terlibat dalam aktiviti mat rempit, apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?
7. Berapa banyakkah lesen pusat hiburan yang telah dikeluarkan dalam KADUN Sungai Acheh? Mohon disenaraikan mengikut lokasi tempat.
8. Bagaimanakah cara pemantauan dibuat ke atas premis-premis yang menjalankan aktiviti pusat hiburan?
9. Adakah kerajaan negeri sedar bahawa terdapat juga pusat hiburan yang beroperasi di dalam KADUN Sungai Acheh yang tidak mempunyai lesen.
10. Mohon Kerajaan Negeri untuk mendedahkan statistik terperinci dari segi bilangan pemohon rumah bagi setiap kategori, nilai harga rumah dan bilangan permohonan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 - Mac 2016.
 - (a) Projek kos rendah dan kosnya serta permohonan mengikut tahun.
 - (b) Projek kos sederhana rendah dan kos yang diluluskan mengikut tahun.
11. Berapakah bilangan rumah yang terdapat dalam kawasan zon *heritage*?
 - (a) Berapakah bilangan yang dibeli oleh warga asing?
 - (b) Berapakah bilangan hotel (semua jenis) yang telah dibangunkan dan bakal dibangunkan dalam kawasan zon *heritage*?
12. Apakah masalah yang telah berlaku menyebabkan penggazetan Pulau Jerejak sebagai kawasan hutan simpanan kebangsaan tergantung dan bilakah penggazetan Pulau Jerejak dapat diselesaikan?
13. Adakah projek Bayan Bay mempunyai sebarang kaitan dengan Pulau Jerejak?
 - (a) Adakah jambatan akan dibina untuk menyambung kedua-dua kawasan ini atau perkhidmatan feri akan dilancarkan?
 - (b) Adakah kajian geografi serta kesan-kesannya dibuat untuk projek ini?
14. Atas dasar apakah perlunya ditingkatkan caj pembekalan air mentah dari 3 sen ke 6 sen? Mohon Kerajaan Negeri jelaskan.
 - (a) Ekoran daripada peningkatan caj pembekalan air mentah kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), adakah tindakan ini akan mempengaruhi peningkatan tarif bekalan air PBAPP?
15. Perlantikan dua (2) orang ahli DAP dari negeri lain sebagai Ahli Lembaga Perbadanan Bukit Bendera, Invest Penang dan Golf Properties Sdn Bhd., adakah mereka mempunyai nilai kompetensi yang lebih tinggi daripada ADUN Kebun Bunga dan ADUN Bukit Tengah? Mengapakah tidak mengantikannya dengan ADUN PKR yang lain?
16. Mohon Kerajaan Negeri untuk menjelaskan sebab pengguguran kedua-dua ADUN Kebun Bunga dan Bukit Tengah daripada Ahli Lembaga Perbadanan Bukit Bendera, Invest Penang dan Golf Properties Bhd. Adakah sebab mereka tidak *competent*? tidak *accountable* atau tidak *transparent*? Mohon jelaskan sebabnya.

17. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap Kompleks Perniagaan di jeti Batu Musang Batu Kawan yang gagal diurus tadbir dengan baik dan kini kelihatan usang dan terbiar?
18. Berapa banyakkah premis-premis yang dikatakan surau atau dewan orang ramai yang dibina oleh pemaju di kawasan taman-taman di Seberang Perai Selatan (SPS) (terutamanya), terbiar dan tidak diurus dengan baik oleh pihak Majlis?
19. Mengapakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) gagal menyelia dan menguruskan premis-premis yang dikatakan surau atau dewan orang ramai (yang tidak sesuai) di taman-taman perumahan di negeri ini?
20. Apakah tindakan atau peranan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah gejala penggunaan dadah di Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Sila nyatakan statistik jumlah penagih dadah di Pulau Pinang.
21. Mohon Kerajaan Negeri menyatakan dengan ikhlas dan jujur, kenapa tugas pelantikan JKKK Negeri yang dahulunya dipegang oleh Timbalan Ketua Menteri I telah diambil alih oleh Y.A.B. Ketua Menteri?
 - (a) Apakah rasionalnya berbuat demikian?
22. Nyatakan jenis Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK) bagi setiap kampung, JKKK Kerajaan Negeri atau JKKK DAP Khas?
 - (a) Kenapakah mesti ada JKKK DAP Khas? Sila beri penjelasan.
23. Berapakah bilangan Jawatankuasa Keselamatan & Kemajuan Kampung (JKKK) yang telah bertukar nakhoda selepas Parti Amanah Negara menggantikan PAS?
 - (a) Berapa banyak JKKK yang masih belum dilantik sehingga hari ini?
24. Berapakah jumlah unit rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri kepada rakyat Pulau Pinang sejak memerintah Pulau Pinang?
 - (a) Berapa unit yang disediakan oleh syarikat swasta dan berapakah harga jualannya?
25. Berapakah bilangan keluarga yang di bawah kategori miskin dan miskin tegar yang telah dikeluarkan dari senarai miskin tegar di negeri ini sejak 2008?
